



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTIHA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 25-26]

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan)—

Y.B. Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya) [Ruangan 45]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 45]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 46]

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie (Tambun)

Y.B. Dato' Musa bin Hitam (Kota Tinggi)

Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad (Kubang Pasu)

} [Ruangan 47]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 48]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 135]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 136]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—Y.B. Dato Dr Affiffuddin bin Haji Omar (Padang Terap) [Ruangan 138]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N,
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM -(Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.T. (Sh Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.S. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N.;, P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei),

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Balirig).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tepah).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchung).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOIHOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
 „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN. ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.St (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya)
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P.,
A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik)

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 7hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 6hb Mac, 1989 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Assalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah Rabbil Aalamiin Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafil Ambiyaa i Walmursaliin Wa Alaa Aalihii Wasahbihii Ajmaiin.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, syukur Kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata Aala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat Ktta bersama-sdma di Istiadat Perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada hari ini.

Kita bersyukur bahawa dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan, rakyat telah dapat menikmati kemakmuran. Keadaan politik yang kukuh telah meningkatkan kemajuan di dalam berbagai bidang dan menambahkan kemajuan untuk rakyat.

Rakyat hendaklah menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama lain. Kepenlingan diri h ndaklah diketepikan supaya negara dapat terus maju dan usaha-usaha pembangunan serta minat daripada pelaburan asing dapat ditingkatkan.

Kita semua hendaklah bersikap membina terhadap rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan. Kita hendaklah berusaha dan berani meneroka bidang-bidang baru. Sebagai sebuah negara yang sedang dan pesat berkembang kita mestilah terus meningkatkan kemampuan kita di dalam bidang teknologi.

Usaha-usaha semua pihak secara bersungguh-sungguh dalam bidang penyelidikan dan pembangunan akan dapat menjadikan negara lebih bersamg setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan serta rakyat kerana atas kesungguhan mereka pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun lepas meningkat pada kadar yang tinggi. Peluang bagi tahun ini juga adalah cerah. Hasil dari pengurusan ekonomi yang rapi telah dapat meningkatkan daya pengeluaran dan mutu perkhidmatan.

Kita bersyukur kerana rakyat dalam sektor pertanian telah menikmati pendapatan yang lebih, hasil daripada kenaikan harga getah, kelapa sawit dan keluaran pertanian yang lain. Kerajaan akan terus berusaha mengukuhkan kedudukan industri barangan utama supaya dapat terus bersaing di pasaran dunia.

Pembangunan sektor pertanian hendaklah berasaskan pengurusan yang cekap dan mutu pengeluaran yang tinggi. Ini akan dapat menguatkan kedudukan hasil-hasil pertanian negara di pasaran antarabangsa. Hasil-hasil pertanian negara mendapat pasaran yang baik di luar negeri. Begitu juga bahan-bahan makanan yang dibeli daripada negara-negara asing boleh ditanam di negara kita sendiri. Petani dan para belia hendaklah merebut peluang ini dan meningkatkan daya pengeluaran dalam sektor pertanian dengan tujuan menjayakan dasar gantian import negara kita dan dengan itu mengurangkan pengeluaran keluar pertukaran asing.

Rancangan-rancangan galakan perindustrian dan perdagangan yang dijalankan seiam ini telah dapat menarik lebih banyak pelaburan asing.

Sektor perkilangan negara telah menunjukkan pendapatan yang lebih baik berbanding dengan sektor pertanian. Oleh itu Kerajaan hendaklah terus menyediakan kemudahan-kemudahan untuk menggalak dan meningkatkan lagi usaha-usaha pelaburan di negara ini.

Salah satu bidang pelaburan yang menjadi tumpuan Kerajaan di masa lalu ialah industri berat yang mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan keuntungan. Pelaksanaan projek-projek industri berat di negara ini telah mula menunjukkan pencapaian yang memberi harapan yang baik.

Untuk menembusi pasaran baru dan mendapat sambutan baik barangan keluaran Malaysia hendaklah menarik dan bermutu tinggi. Ini memerlukan kemahiran dan kecekapan dalam menguasai teknologi moden. Oleh itu usaha penyelidikan dan pembangunan di bidang perindustrian dan keluaran pertanian hendaklah dipertingkatkan. Segala kemudahan untuk membolehkan pemasaran hasil penyelidikan kita adalah penting disediakan. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas ke arah ini dan pada, masa hadapan akan terus memperbaikinya.

Di negara-negara maju pihak swasta memainkan peranan utama dalam penyelidikan perindustrian. Oleh itu pihak swasta di Malaysia perlulah menggunakan kemudahan dan galakan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk menambah kegiatan penyelidikan supaya matlamat Rancangan Malaysia Kelima iaitu 25 peratus dari usaha penyelidikan dapat dicapai.

Selaras dengan prinsip demokrasi, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Majlis ini yang dianggotai oleh wakil dari semua golongan masyarakat diharap dapat berbincang dengan sikap yang terbuka dan saling faham memahami. Adalah diharapkan Majlis ini akan dapat mengemukakan perakuan-perakuan yang boleh digunakan oleh Kerajaan untuk menggubal dasar ekonomi negara selepas 1990. Kita mengingatkan semua pihak supaya bersedia menghadapi zaman baru pembangunan ekonomi dan berusaha lebih bersungguh-sungguh lagi untuk mencapai matlamatnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata Aala, rakyat terus hidup dalam suasana aman dan damai. Kerajaan akan terus memberi perhatian utama kepada matlamat meningkat lagi perpaduan negara. Ini akan terus menjadi matlamat bagi semua dasar kerajaan dalam bidang pembangunan ekonomi, pendidikan, kebudayaan, bahasa dan sebagainya. Usaha-usaha Kerajaan ini hendaklah disokong oleh rakyat bagi menentukan matlamat perpaduan dapat dicapai. Pihak-pihak tertentu hendaklah mengelakkan diri daripada membangkitkan perasaan perkauman.

Sikap dan sifat yang baik akan melahirkan satu masyarakat yang cergas. Adalah menjadi kewajipan kita semua untuk membina dan menerapkan nilai ketahanan negara dan ianya harus dipupuk di semua lapisan masyarakat. Selaras dengan itu kewajipan sebagai warganegara yang mempunyai sifat amanah, jujur dan setia di dalam menjalankan tanggungjawab akan membawa kemajuan kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan kita telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Kerajaan melalui usaha-usaha pembaharuan seperti memperbaiki sistem dan cara bekerja, perubahan sikap dan nilai kerja yang tinggi, meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan di semua peringkat dan sebagainya. Hasil daripada usaha-usaha pembaharuan ini Kita dapati bahawa keseluruhannya dasar-dasar Kerajaan telah dapat dilaksanakan dengan baik, Pentadbiran di semua peringkat jentera pentadbiran Kerajaan telah meningkat maju. Mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai telah jauh lebih memuaskan. Kita berharap usaha-usaha pembaikan dan pembaharuan ini akan dapat diteruskan demi kebaikan agama, bangsa dan negara.

Kita berasa bangga melihat langkah-langkah tegas pihak kehakiman meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran mahkamah demi memelihara keadilan semua pihak. Terutama peguam-peguam dan pihak swasta hendaklah menentukan usaha-usaha pihak kehakiman melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di mahkamah-mahkamah mendapat kejayaan.

Kerajaan juga telah mempergiatkan usaha-usaha pembaharuan di bidang pendidikan sebagai langkah untuk memenuhi keperluan negara pada masa ini dan akan datang. Oleh itu semua pihak hendaklah bekerjasama dan menyumbang secara

membina kepada usaha-usaha Kerajaan terutama sekali mengenai pelaksanaan sistem penggal persekolahan baru dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Hasil perancangan dan usaha-usaha Kerajaan telah meningkatkan taraf hidup rakyat. Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik dan jalan raya akan terus ditambah. Usaha-usaha juga ditumpukan untuk memenuhi keperluan perumahan, pengangkutan dan perhubungan di bandar dan luar bandar bagi dinikmati oleh semua rakyat. Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat serta memperbaiki pengurusan dan pengawalan mutu alam sekitar.

Kerajaan akan juga menambah kemudahan latihan dan kemahiran bagi membolehkan golongan belia bergiat dengan lebih cergas di dalam usaha-usaha yang berfaedah kepada diri mereka sendiri dan juga kepada masyarakat.

Satu rancangan khas akan dilancarkan pada tahun ini bagi membantu rakyat yang amat miskin dan membolehkan mereka kemudian kelak memperbaiki taraf hidup mereka sendiri. Dengan itu projek-projek baru yang boleh menjadi penggerak kepada kegiatan ekonomi seperti projek-projek lebuhraya akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kerajaan akan terus mengambil langkah meningkatkan keupayaan angkatan tentera. Usaha ke arah itu akan dilaksanakan menerusi program pembelian peralatan yang moden selaras dengan perkembangan teknologi dalam bidang pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun ini negara akan menganjurkan Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Komanwel. Kita yakin dengan persiapan-persiapan yang sedang dilaksanakan, persidangan berkenaan akan dapat diuruskan dengan lancarnya sambil menghasilkan keputusan-keputusan yang berfaedah untuk pertubuhan itu.

Dalam tahun ini juga negara kita akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia Tenggara yang ke-15. Bagi menghadapi sukan ini dengan jayanya semua pihak hendaklah membuat persiapan yang rapi. Ahli-ahli sukan negara hendaklah menjalani latihan bersungguh-sungguh untuk mencapai tahap kejayaan yang membanggakan negara.

Kerajaan juga telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Dengan adanya program tersebut, negara kita akan menjadi tumpuan seluruh masyarakat antarabangsa. Adalah wajar setiap golongan rakyat baik dari sektor Kerajaan ataupun sektor swasta di mana sahaja mereka berada menyumbang untuk menjayakannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di dalam bidang hubungan luar, Kita berasa bangga atas kejayaan negara terpilih untuk menganggotai kerusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Melaluinya Kerajaan berhasrat memberi sumbangan dan memainkan peranan yang cergas bagi mencari kesimpulan kepada isu-isu keselamatan dan kedamaian antarabangsa.

Kerajaan akan memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjamin keamanan di kawasan-kawasan yang bersengketa di dunia. Malaysia menghantar tentera menyertai pasukan pemerhati Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Iran dan Iraq. Malaysia juga telah dipilih sebagai salah satu negara-negara yang dijemput menyertai kontinjen pendamai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Namibia.

Kerajaan akan terus mementingkan hubungan dengan negara-negara anggota Asean yang lain dan memberi sokongan kepada segala program kerjasama pertubuhan tersebut.

Di dalam Pertubuhan Persidangan Islam, Kerajaan akan memberi perhatian berat kepada pertubuhan itu bagi meningkatkan peranannya di dalam meninggikan kebajikan rakyat Islam di seluruh dunia.

Kerajaan akan terus memberi sokongan dalam menyelesaikan masalah Palestine dan Afghanistan. Tindakan yang berkesan akan juga diambil dalam usaha menyelesaikan masalah Kampuchea dan masalah pendatang haram. Sebagai satu langkah terhadap penyelesaian masalah Kampuchea dan pendatang haram, Kerajaan kita akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Persediaan untuk Persidangan Antarabangsa mengenai Orang-orang Pelarian Indo-China. Malaysia akan terus memberi sumbangan yang bermakna untuk menjayakan Persidangan Antarabangsa itu yang akan diadakan di Geneva.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kesedaran masyarakat tentang ancaman pengedaran dan penagihan dadah telah membawa kejayaan dalam tindakan Kerajaan bagi membanteras dan mencegah kegiatan itu. Usaha-usaha sekarang perlu diperhebatkan lagi bagi mencegah dan mengawal wabak int. Ibu bapa hendaklah mengambil berat akan masalah ini dengan mengawasi anak-anak mereka supaya tidak terlibat dalam kegiatan penagihan dadah.

Kemajuan yang dicapai tidak sempurna sekiranya tidak diikuti dengan kemajuan pembangunan moral dan kerohanian. Nilai-nilai yang murni dapat meletakkan kita sebagai masyarakat yang bermaruah dan dihormati serta dipandang tinggi oleh dunia. Penyelewengan dalam apa bentuk jua pun hendaklah dihapuskan.

Suka Kita mengingatkan semua pihak terutama ahli-ahli politik, pertubuhan-pertubuhan tertentu dan akhbar-akhbar supaya bersikap sederhana dan lebih bertanggungjawab apabila memberi pandangan mengenai sesuatu isu. Bagi mereka yang cuba mencari kesempatan, Kita mengingatkan supaya lebih berhati-hati dan tidak menyalahgunakan sikap terbuka Kerajaan demi menjamin perpaduan rakyat dan ketenteraman awam.

Dalam menghadapi zaman pembangunan baru yang mencabar Kita suka mengingatkan seluruh rakyat supaya meningkatkan perpaduan dan berusaha untuk sama-sama mengatasi apa-apa masalah yang ada. Usaha untuk membangunkan negara akan terus dilaksanakan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri-menteri sekalian. Rakyat hendaklah berganding bahu dengan Kerajaan untuk mencapai kemajuan negara.

Kita mengucapkan terima kasih kepada semua anggota perkhidmatan Kerajaan yang berkhidmat di dalam dan di luar negeri dengan penuh tanggungjawab dan taat setia. Kita percaya semua rakyat menghargai serta menyanjung tinggi perkhidmatan pasukan keselamatan yang telah mempertahankan kedaulatan negara.

Suka Kita mengingatkan Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya dapat menjalankan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepada mereka. Tugas dan tanggungjawab tersebut hendaklah dijalankan dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan negara.

Akhirnya suka Kita mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas taat setia dan sokongan semasa Kita menjadi Yang di-Pertuan Agong. Kita berdoa semoga negara kita yang tercinta akan terus aman, bersatu padu, maju dan bermaruah. Mudah-mudahan negara Malaysia menjadi sebuah negara sebagaimana firman Allah:

"Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur"

Maksudnya: Negara yang aman makmur mendapat restu dan keampunan Allah. Bismillaahil Lazii Laa Yadhurru Maasmihii Syaiun Filardhi Walaa Fis Samaa I Wahuwas Samii Ul Aliim. Allaahu Wahdah Laa Syarii Kalah, Muhammadun Abduhuu Warasuuluh, Tawajjah Haisu Syi'ta Fa Innaka Mansuur.

*Wabillahir Taufiq Walhidaayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,*

The English translation is as follows:

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

I thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Third Session of the Seventh Parliament today.

I am grateful that through the efforts of the Government, the people have enjoyed prosperity. The existence of political stability has enhanced progress in various fields and has increased the well-being of the people.

The people should strengthen their determination to foster greater mutual cooperation and unity. Personal interests should be set aside. Development efforts should be intensified and foreign investment further encouraged, so as to ensure the country's continued progress.

We should all have a constructive attitude towards Government policies and programmes. We need to strive and be bold in venturing into new areas. As a rapidly

developing nation, we should continue to upgrade our capabilities in the field of technology. Concerted efforts by all parties in research and development will enable the country to be more competitive with developed countries.

Honourable Members,

I congratulate the Government and the people for their concerted efforts, as a result of which, the national economic growth for last year has reached a high level. The prospect for this year is also bright. A pragmatic management of the economy has resulted in an increase in productivity and improvement in the quality of service.

I am grateful that those in the agricultural sector have been able to earn more income, due to the increase in the prices of rubber, palm oil and other agricultural products. The Government will continue to strengthen the position of the primary industries, to enable them to continue to compete in the world market.

The development of the agricultural sector should be based on efficient management and higher quality products. This is to strengthen the position of the country's agricultural products in the international market. This also applies to imported foodstuffs, which can be grown or produced locally. Farmers and youths should take the opportunity to increase our production capacity in the agricultural sector, with the aim of contributing to the success of our import substitution policy and hence reducing the outflow of foreign exchange.

The industrial and export promotion programmes undertaken so far were able to attract greater foreign investment. The manufacturing sector has shown a greater increase in revenue, as compared to that of the agricultural sector. As such, the Government will continue to provide facilities to encourage and further increase investments in this sector.

One area of investment which the Government had given emphasis in the past was heavy industry. I am happy to note that the performance of heavy industrial projects so far implemented has shown that the industry has a bright future.

In order to penetrate new markets and receive good response, Malaysian-made products should be attractive and of high quality. This requires skill and efficiency in using modern technology. As such, it is important that research and development activities in the fields of industrial and agricultural production, be intensified. In order to facilitate the marketing of the products of our research, it is important that facilities and infrastructure for such purposes, be made available. The Government has taken firm steps towards this end and will continue to improve them in the future.

In advanced countries, the private sector plays a leading role in industrial research. In line with this, the private sector in Malaysia should avail itself of the facilities and incentives provided by the Government to expand their research activities, and thereby achieve the target 0/25% of research activities, as stated in the Fifth Malaysia Plan.

In line with the principles of democracy, the Government has set up a National Economic Consultative Council. This Council, comprising representatives of various groups in our society will, hopefully, discuss issues openly and with greater understanding. It is my hope that the Council will be able to make recommendations,

which can be used by the Government to formulate national economic policies after 1990. I would like to remind all concerned to be prepared to face this new era of economic development and to strive hard to achieve its objectives.

Honourable Members,

I am grateful to Allah, the Almighty that the people are able to continue living in peace and harmony. The Government will always give top priority to the objective of fostering national unity, which will be the overall aim of Government policies in the fields of socio-economic, educational, cultural and other development. The Government's efforts should have the support of the people, in the order to achieve national unity. Certain quarters should refrain from arousing communal sentiments.

The existence and adoption of good characteristics and positive attitudes can lead to the creation of a dynamic society. Only honest and loyal citizens who are committed to their tasks can help bring about progress to the nation. It is our responsibility to develop and infuse values of national resilience and this should be nurtured at all levels of society.

Our Government has made considerable efforts to improve and upgrade the quality of the public service through modernization programmes, such as improvements in work systems and procedures, changing attitudes, inculcating good work ethics, upgrading the efficiency of civil servants at all levels and the like. Overall, I find that the results of these programmes have enabled Government policies to be implemented more effectively and have led to improvements in the functioning of the Government machinery at all levels. The quality of services rendered to the public has also been more than satisfactory. I hope such actions and improvements will be sustained, for the good of religion, race and country.

I am pleased to note of the firm actions taken by the judiciary to further upgrade efficiency in the administration of the Courts, in upholding justice. All parties, especially lawyers in the private sector, should ensure the successful implementation of the use of Bahasa Malaysia in the Courts.

The Government has also intensified efforts toward improving and upgrading the education system so as to be more appropriate to meet present-day needs and challenges, as well as fulfil future ambitions and hopes of the nation. In relation to this, there should be full cooperation and positive contribution from all quarters to the Government's programmes, especially with regard to the implementation of the new school-term and the integrated secondary school curriculum system.

The standard of living of the people has improved as a result of Government planning and development. Basic facilities such as piped water, electricity and roads will continue to be provided. Efforts will also be concentrated on housing, transport and communication facilities, for the benefit of the people in both urban and rural areas. The Government will continue to upgrade the health standards of the people and also the management and control of the environment.

The Government will also provide more facilities in the field of vocational education and training to enable more active participation by youths in activities which are beneficial to themselves and to society.

A special programme will be launched this year to assist the hardcore poor in society and to enable them to improve their standard of living. New projects such as highway projects, which may become the impetus to economic activities, will continue to be implemented by the Government.

The Government will continue to take steps to enhance the capabilities of the armed forces. This will be done through a programme of acquisition of modern equipment and weapons which will be carried out in line with technological advancements in the defence field.

Honourable Members,

Malaysia will be hosting the Commonwealth Heads of Governments Meeting later this year. We are confident that with all the preparations being made, the Meeting will be a success and will result in the formulation of decisions which will be beneficial to the Organization.

This year too our nation will be host to the fifteenth SEA Games. All parties involved should make careful and systematic preparation to ensure the success of this meet. Our sportsmen should undergo training with full vigour and dedication to achieve a level of success which the whole nation can be proud of.

The Government has also declared 1990 as the "Visit Malaysia Year". With this programme, our nation will be the focus of attention of the whole international community. It is important that people from all walks of life, in the public as well as the private sectors throughout the country, contribute to make it a success.

Honourable Members,

In the field of foreign relations, we are proud of the success of our nation in being elected to occupy the seat at the United Nations Security Council. By this election, the Government desires to make its contribution and play an active role in finding solutions to the issues on international peace and security.

The Government will give its full support to the efforts of the United Nations Organisation to guarantee stability in the disputed areas of the world. Malaysia has sent its armed forces personnel to participate as observers of the United Nations Organisation in Iran and Iraq. Malaysia has also been chosen as one of the nations to participate in the UN peace contingent in Namibia.

The Government will continue to attach importance in its relations with other ASEAN member states and will extend its support to all the cooperation programmes of the Organization.

In the case of the Organization of Islamic Conference, the Government will give serious attention to the Organization in enhancing its role in improving the welfare of the Muslim population of the world.

The Government will continue to give its support towards the settlement of the Palestine and Afghanistan problems. An active role will also be played in an effort to settle the Kampuchean problem and the problem of illegal immigrants. As a step to settle the problem on Kampuchea, and the illegal immigrants, the Government will host a Preparatory Meeting as a prelude to an International Conference on the

Indo-Chinese refugees. Malaysia will also continue to extend meaningful contribution towards the success of the International Conference, which is to be held in Geneva.

Honourable Members,

Our awareness of the threat of dadah trafficking and addiction has so far resulted in successful Government actions towards the eradication of this menace. Current actions need to be intensified. Parents should pay serious attention to this problem and keep a close watch over their children so as to prevent them from being victims of dadah.

All the progress that we have achieved so far will not be complete without moral and spiritual development. Good values will make us become a society of high moral standing and widely respected internationally. Deviations in any form whatsoever should be eliminated.

I would like to remind all, especially politicians, certain organizations and the mass media, to adopt a moderate stand and be more responsible when expressing views and opinions on any issue. To the opportunists, I would like them to be forewarned and not to exploit the liberal attitude of the Government so as to safeguard national unity and public order.

In facing this new and more challenging era of development, I would like to remind all Malaysians to foster greater unity and strive hand in hand to solve all national problems. National development efforts will continue to be implemented by the Government under the leadership of Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad and his Cabinet. All Malaysians should work together with the Government to achieve progress.

I would like to express my gratitude to all members of the public service who are serving in the country as well as overseas with full dedication and loyalty. I believe that all Malaysians appreciate and value highly the contribution of the security forces in defending and upholding the nation's sovereignty.

I would like to remind Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat to perform the duties and responsibilities entrusted to them, with absolute sincerity and honesty, in the national interest.

Finally, I would like to take this opportunity to express my appreciation to all for the loyalty and support during my reign as Yang di-Pertuan Agong. I pray to Allah that our beloved nation will continue to be peaceful, united, and highly respected. May Malaysia continue to progress as a nation with peace and prosperity, with the blessing and forgiveness of Allah, as in His saying:

"Baldatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur"

Bismillaahil Lazii Laa Yadhurru Maasmihii Syaiun Filardhi Walaa Fis Samaa I Wahuwas Samii Ul Aliim. Allaahu Wahdah Laa Syarii Kalah, Muhammadun Abduhuu Warasuuluh, Tawajjah Haisu Syi'ta Fa Innaka Mansuur.

*Wabillahit Taufiq Walhidaayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabrakaatuh.*

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Y.B. Tuan Ong Tee Keat
(Ampang Jaya)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat, Ahli Parlimen bagi Kawasan Ampang Jaya telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 25hb Februari 1989.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang kepada Ahli baru, Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh yang dinyatakan tadi dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya. (*Tepuk*)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kewangan 1988;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988;
3. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1988;
4. Akta Perbekalan 1989;
5. Akta Mahkamah Juvana (Pindaan) 1989;
6. Akta Imigresen (Pindaan) 1989;
7. Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1989;

8. Akta Bidan (Pindaan) 1989;
9. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989;
10. Akta Syarikat (Pindaan) 1989;
11. Akta Setem (Pindaan dan Perluasan) 1989;
12. Akta Pertubuhan, Peladang (Pindaan) 1989;
13. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1989; dan
14. Akta Kerja (Pindaan) 1989.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

"16hb Disember, 1988.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1989;
2. Rang Undang-undang Kewangan;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No.2);
4. Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Bidan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Setem (Pindaan dan Perluasan);
11. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan).;
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Pengalakan Pelaburan (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA"

**CUTI KEPADA AHLI-
AHLI—KEBENARAN**

**Y.B. Datuk Haji Yahaya bin
Mohd. Shafie (Tambun)**

**Y.B. Dato' Musa bin Hitam
(Kota Tinggi)**

**Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir
bin Mohamad (Kubang Pasu)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie, Ahli bagi kawasan Tambun dari 6hb hingga 24hb Mac 1989, Yang Berhormat Dato' Musa Hitam, Ahli bagi kawasan Kota Tinggi dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin

Mohamad, Ahli bagi kawasan Kubang Pasu dari 6hb Mac hingga 24hb Mac 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PETRONAS—EKSPLORASI
MINYAK**

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah jangkamasa (time-frame) untuk Petronas mengeksplotasikan sepenuhnya kawasan P.M.I, di perairan Kedah dan Utara Perak di dalam usahanya mengeluarkan minyak. Siapakah pemilik Syarikat Sun Malaysia Petroleum dan Syarikat Champlin Malaysia INC. yang menjadi rakan kongsi Petronas carigali di dalam usaha penerokaan awal ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kontrak Perkongsian Pengeluaran, Kontraktor diberi tempoh selama 5 tahun untuk menjalankan aktiviti eksplorasi. Sekiranya minyak atau gas tidak dijumpai dalam tempoh ini, kontrak tersebut akan ditamatkan dan blok itu akan dikembalikan kepada PETRONAS. Andainya terdapat penemuan medan-medan minyak atau gas yang komersial, kontraktor akan diberi tempoh 4 tahun lagi bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan dan 15 tahun untuk operasi pengeluaran.

Setakat ini, sejak menandatangani Kontrak Perkongsian Pengeluaran pada akhir tahun 1987, Sun Malaysia Petroleum, yang merupakan pengusaha Blok PM 1, telah memperolehi sebanyak 2,888 garis kilometer data seismik di blok tersebut. Aktiviti penggerudian adalah dijangka akan bermula pada suku tahun kedua tahun 1989-

Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, kontraktor-kontraktor Perkongsian Pengeluaran bagi Blok PM 1 adalah sebuah konsortium yang terdiri daripada PETRONAS Carigali dan tiga buah syarikat dari Amerika Syarikat dan sebuah dari Kanada. Syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat itu ialah Sun Malaysia dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Sun Exploration and Production Company, Champlin Malaysia Inc. dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Champlin International Petroleum Company dan Kerr McGee Malaysia Corporation. Rakan kongsi tunggal dari Kanada pula ialah Syarikat Gulf Canada Malaysia Inc. yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Gulf Canada Corporation.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, walaupun PETRONAS telahpun diwujudkan lebih kurang 10 tahun ke atas sampai masa kini pihak PETRONAS tidak mengambil bahagian ataupun menjalankan kerja-kerja explorasi dan exploitasi dengan usaha-usaha kerja sendiri. Dan seringkali mereka mendapatkan pihak kongsi ataupun kerjasama daripada pihak luar negeri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Saya ingin bertanya pihak PETRONAS ataupun Menteri apakah usaha yang telah diambil oleh PETRONAS untuk mewujudkan suatu kemahiran dalam negeri di dalam aktiviti-aktiviti petroleum seperti umpamanya, saya dapat tahu sehingga masa kini tidak ada seorang pun jurutera drifling ataupun jurutera untuk boring dalam PETRONAS yang warganegara Malaysia ini. Saya ingin bertanya apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh pihak PETRONAS untuk mewujudkan suatu kemahiran ke dalam negara kita untuk menjalankan aktiviti-aktiviti petroleum.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat-syarikat yang telah diminta untuk membuat penggerudian bidang minyak kita di Malaysia ini adalah kongsi sama oleh PETRONAS Carigali. Dan adalah tidak benar bahawa PETRONAS tidak mempunyai orang-orang yang mahir seperti engineer dalam petroleum kerana dalam perjanjian yang telah digubal oleh PETRONAS bersama-sama dengan syarikat-syarikat kongsinya yang menjadi kontraktor sudah jelas bahawa dalam masa yang tertentu syarikat itu dimestikan supaya ia mengambil understudy, mesti ada satu, dengan izin, "Malaysianisation programme" di mana semua position dipegang oleh syarikat-syarikat kontraktor itu dimestikan ada seorang warganegara Malaysia yang menjadi understudinya supaya apabila sudah sampai masa kelak nanti maka warganegara Malaysia itu sendiri akan dapat menjalankan kerja itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kalaulah Yang Berhormat mempunyai angka di sini, saya minta Yang Berhormat menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan setakat ini dan bagaimanakah perbelanjaan ini dibiayai sama ada atas asas ataupun atas dasar 50: 50 ataupun bagaimana dan bagaimanakah pula pembahagian hasilnya kelak.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, angka yang sebenar, berapa banyakkah yang telah dibelanjakan dalam explorasi ini tidak ada di tangan saya, tetapi cukup untuk pengetahuan bahawa kontrak ini telahpun ditandatangani pada 11hb Disember, 1987 dan mengikut perjanjian pada April, 1989 syarikat ini mesti menggerudikan dua telaga ujian dan dua lagi telaga ujian mesti dijalankan pada akhir tahun ini. Kalau Yang Berhormat boleh beri notis, mungkin saya boleh beri angka yang

sebenarnya, ya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dapati angka yang sebenarnya ialah M\$23.75 juta yang akan dibelanjakan dalam penggerudian PM 1 ini.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari tahun yang lalu Yang Berhormat Menteri yang sama juga menjelaskan di dalam Dewan ini iaitu pada bulan Mac 1989 usaha penggerudian akan dibuat oleh Sun Malaysia Petroleum. Tetapi ini pula jawapan yang baharu sahaja disebutkan tadi iaitu pada suku tahun pertama tahun hadapan, yang manakah satu yang betul di antara keduanya.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan pada tahun yang lalu bahawa pada bulan Mac ini kita akan jalankan kerja-kerja dalam usaha ini. Ini memang betul kerana usaha-usaha itu termasuk seismik dan penggerudian itu adalah merupakan kerja yang terakhir sekali yang boleh menentukan sama ada tempat ini ataupun kawasan ini mempunyai minyak yang komersial atau tidak. Jadi usaha-usaha yang dijalankan ini adalah bertingkat-tingkat. Jadi jawapan saya pada masa yang lalu itu memang betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani tidak hadir).

LESEN LOTERI BIGSWEEP

3. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah lesen judi loteri "Big sweep" diluluskan dan sejauh manakah usaha Kerajaan hendak mengurangkan kegiatan perjudian hingga Malaysia menjadi sebuah negara yang bebas dari dunia perjudian.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat lesen loteri "Big sweep" bukanlah merupakan satu lesen loteri yang baru. "Big sweep" ataupun dikenali juga sebagai "Sweepstake" adalah dianjurkan di bawah Racing Club (Public Sweepstake) Act 1965 di mana Kelab-kelab Lumba Kuda boleh mengadakan "Big sweep" berdasarkan kepada perlumbaan kuda. Sebenarnya Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak telah mengadakan loteri "Big sweep" atau "sweepstake" ini semenjak 1965 lagi.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kegiatan judi haram memang berlaku di negara kita ini. Mengikut maklumat Polis, jumlah kehilangan hasil akibat daripada kegiatan judi haram adalah sebanyak \$5,000 juta setahun. Kegiatan ini melibatkan gejala-gajala yang tidak sehat dan jika tidak dikawal dan dibendung akan berlakulah kegiatan yang tidak diinginkan seperti kongsi gelap dan sebagainya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa bermain judi boleh dikatakan sudah menjadi cara hidup orang Malaysia dengan Toto, Sweepstake, Nombor Empat Ekor, Lumba Kuda dan banyak, mereka yang berpendapatan kecil menjadi sasaran untuk bermain judi. Apakah dasar Kerajaan terhadap hal ini, adakah dia terus memberi lesen untuk mengesahkan kegiatan bermain judi ataupun usaha-usaha sesungguhnya akan diambil, akan dijalankan untuk mengurangkan amalan bermain judi ini di antara rakyat Malaysia.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai dasar yang spesifik berkenaan dengan aktiviti atau polisi perjudian di dalam negara kita ini. Memang negara kita seperti negara-negara lain di dalam

dunia ini, ingin mengawal dengan 100% aktiviti-aktiviti perjudian di dalam negara kita ini, hingga ke tahap aktiviti perjudian sama ada haram atau tidak, tidak berlaku di dalam negara kita ini. Tetapi memandangkan bahawa berjudi adalah salah satu sifat manusia yang tidak dapat kita mengawal, jadi apabila Kerajaan nampak bahawa jikalau beberapa lesen boleh diberikan kepada sesuatu syarikat atau beberapa syarikat supaya Kerajaan dapat mengutip revenue atau duti untuk kemajuan negara dan dengan kawalan yang baik dari masa ke semasa. Perjudian akan terus berlaku di dalam negara kita ini tetapi pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan lesen yang baru kepada mana-mana pihak.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa judi telah banyak merosakkan moral serta akhlak orang-orang Malaysia. Saya ingin tahu apakah cara dengan memberikan lesen ini tanpa memikirkan soal-soal ini seolah-olah pihak Kementerian Kewangan tidak mempunyai satu dasar yang utama dan dasar ini sejak akhir-akhir ini begitu bertentangan sekali dengan keputusan Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Jadi, apakah pihak Kementerian masih lagi mempunyai hasrat untuk mengeluarkan lesen-lesen judi yang ternyata meruhtuhkan moral dan akhlak? Apakah Kementerian tidak mempunyai kriteria yang sesuai dengan budi ataupun cara hidup orang-orang Malaysia itu sendiri?

Yang kedua, saya ingin tahu apakah jenis-jenis judi yang ada di Malaysia ini dan apakah kriteria yang diberikan bagi judi-judi yang ada ini?

Yang akhirnya, apakah tindakan pihak Kementerian Kewangan di dalam soal begitu lembut kepada judi-judi haram ini, yang kita lihat bertaburan di seluruh pelusuk tanahair

ini, apakah tindakan-tindakan yang ada? Adakah setakat dengar cerita sahaja, tidak ada tindakan apa-apa?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak ada soalan berlanjutan bahawa Kabinet telahpun membuat keputusan akan menyiasat soal judi pada keseluruhan dan menentukan sesuatu pada masa akan datang. Mungkin Deputy Minister belum dapat tahu lagi keputusan itu. (*Tepuk*)

ARQAM—PENYELEWENGAN AJARAN

4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah Arqam menyeleweng dalam ajaran mereka dan serta beri contoh-contohnya, dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil berhubung dengan penyelewengan itu, dan sudahkah Perdana Menteri memanggil dan bermusyawarah dengan mereka mengenai perkara-perkara tersebut, kalau sudah apakah kesannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan jawapan:

- (a) penyelewengan-penyelewengan dalam ajaran yang diikuti dan disebarkan oleh Kumpulan Darul Arqam ada dihuraikan dalam buku keluaran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri bertajuk Penjelasan Terhadap Buku Aural Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam. Buku itu diedarkan kepada orang ramai secara percuma. Sekiranya Ahli Yang Berhormat belum mendapatkannya, saya akan dapatkannya satu naskah untuk beliau.

- (b) Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan Ugama Negeri telah mengambil tindakan yang sesuai mengikut bidangkuasa masing-masing.
- (c) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bermusyawarah dengan Kumpulan Arqam tetapi telah meminta supaya pihak yang berkenaan berbincang. Pihak-pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sesuai.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa di antara contoh yang Arqam menyeleweng ialah berdasarkan kepada buku Aurad Muhammadiyah yang dikeluarkan oleh Darul Arqam, tetapi mengapakah baru-baru ini semua sekali akhbar harian dan juga lain majallah Darul Arqam telah tidak disambung KDN mereka dengan arahan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah akhbar-akhbar ini juga menyeleweng sepertimana Yang Berhormat Menteri sebutkan. Yang pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa hasil tindakan daripada Kerajaan ini, kita lihat beribu-ribu orang telah tidak ada pekerjaan di Darul Arqam. Apakah ini kita menganggap bahawa satu kejayaan kita untuk membanteras apa yang kita fikir baik atau sebaliknya?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara-perkara yang didapati menyimpang daripada beberapa ajaran pokok dalam ajaran Islam adalah satu perkara yang lain dan mengenai dengan penggantungan penerbitan adalah masalah yang lain. Kalau sekiranya Yang Berhormat ingin mendapat penjelasan mengenai dengan perkara-perkara yang salah

yang terdapat dalam buku itu maka saya ingin menegaskan bahawa tindakan yang wajar dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara yang salah yang terdapat dalam buku tersebut. Dan tidak boleh dikaitkan dengan penerbitan yang digantung kerana penerbitan yang digantung oleh Kementerian Dalam Negeri adalah sebenarnya juga merupakan langkah yang telah diambil terhadap penerbitan-penerbitan lain yang didapati melanggar beberapa syarat-syarat sewaktu penerbitan diberi izin oleh pihak yang berkenaan.

Sudah tentu pihak Kementerian Dalam Negeri mempunyai asas-asas tertentu tentang kenapa digantung penerbitan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan pendirian Kerajaan satu masa dahulu iaitu Kerajaan sentiasa menyokong sebarang permohonan untuk menyambung penerbitan yang digantung dan saya percaya pihak yang berkenaan ini boleh berbuat mengikut cara yang sama, yang pernah dibuat oleh beberapa penerbitan yang lain. Jadi, Yang Berhormat bolehlah beritahu kepada kawan-kawan baik Yang Berhormat yang terlibat dalam kumpulan ini supaya dia mintalah, kita akan timbangkan.

Mengenai dengan peluang pekerjaan sudah hilang, saya percaya selepas ditimbangkan permohonan ini maka mereka akan dapat kerja balik.

UNDANG-UNDANG PILIHAN- RAYA—MEMINDA

5. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang Pilihanraya untuk mengelakkan berlakunya Pilihanraya Kecil di negara kita. Kalau ada, apakah bentuk cadangannya dan kalau tidak kenapa tidak perlu dipinda

sepertimana negara tertentu yang telah melaksanakan peraturan tersebut.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang Pilihanraya untuk mencegah pilihanraya kecil diadakan akibat kekosongan yang berlaku atas sebab-sebab kematian, perletakan jawatan atau hilang kelayakan wakil rakyat pada mana-mana bahagian pilihanraya. Walaupun begitu, undang-undang yang ada sekarang mengenai perkara ini adalah memperuntukkan bahawa sesuatu kekosongan tidak perlu diisi sekiranya kekosongan itu berlaku dalam masa enam bulan sebelum tempoh sesebuah Dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negeri. Sebagai sebuah negara demokrasi adalah bahagian pilihanraya Parlimen dan bahagian pilihanraya Negeri ada berhak untuk mempunyai seorang wakil di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan wakil itu hendaklah dipilih di dalam sesuatu pilihanraya yang sah dan secara demokratik. Amalan ini telah berjalan dengan baik dan teratur dan tidak perlu diubah buat masa ini.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa akhir-akhir ini ada pihak yang telah mengambil kesempatan dengan mempermainkan kesempatan untuk mengadakan pilihanraya kecil, dan kalau Kerajaan sedar, apakah Kerajaan yakin bahawa perkara ini tidak akan dilakukan oleh wakil-wakil rakyat di masa hadapan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan orang yang berkenaan pun sedar juga, tetapi dia buat juga. Walaupun demikian, Kerajaan terus mengambil sikap yang sangat objektif dan tidak mahu menjadi emosional dalam keadaan ini kerana Kerajaan mahu membuktikan betapa demokratiknya Kerajaan.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA—MENGGANTIKAN DEB

6. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah bidang kuasa Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN) dalam merangka Dasar Baru menggantikan DEB; dan benarkan peratus pembahagian kekayaan negara dibahagikan 50 peratus antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Jika benar, adakah ini adil jika dilihat pada pencapaian DEB sekarang.

7-3-89

19. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk menafikan tuduhan-tuduhan pihak pembangkang di negara ini dan di luar bahawa penubuhan Majlis Perunding Ekonomi Negara (National Economic Consultative Council) adalah semata-mata untuk tujuan politik Kerajaan. Apakah usaha lanjutan yang diambil oleh Kerajaan supaya Majlis ini tidak dipergunakan oleh sesiapa untuk kepentingan mereka sendiri. Memandangkan pentingnya Majlis ini kepada negara adakah Kerajaan bercadang supaya laporan Majlis ini dikemukakan kepada Parlimen.

7-3-89

21. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan kepada ahli-ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara semasa membincangkan Penggubalan Dasar Ekonomi Negara selepas 1990; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan kesemua perakuan yang dikemukakan oleh Majlis tersebut kelak.

7-3-59

33. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perlantikan Tan Sri Ghazalie Shafie sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara telah memkompromi serta melemahkan tujuan dan imej MPEN kerana beliau diketahui terlibat dalam satu skandal pembaiakan di Papua New Guinea dan kini disaman untuk sejumlah US\$1.8 juta oleh Bank of Credit and Commerce, Hong Kong.

8-3-89

1. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN), keistimewaan-keistimewaan yang mereka perolehi, jangka masa atau tempoh MPEN bagi menyiapkan laporannya dan kos perbelanjaan yang terlibat.

8-3-89

48. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kriteria-kriteria yang diguna dalam pemilihan ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara, khasnya wakil perseorangan. Bagaimanakah Kerajaan dapat mengesyorkan yang perbincangan dalam majlis adalah benar-benar bebas tanpa dikawal keterlaluan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang menjadi urusetia dan badan penyelaras majlis tersebut.

17-3-89

20. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah New Economic Consultative Council (N.E.C) mendapat keyakinan apabila pengerusinya adalah seorang yang paling dikehendaki (wanted man) oleh Kerajaan Papua New Guinea seperti yang dilaporkan di dalam sebuah majalah luar negeri.

17-3-59

36. Tuan Haji Mohd. Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dan kemajuan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) yang telah dibentuk baru-baru ini. Adakah Kerajaan puashati dengan kemajuan yang dicapai. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengumumkan rumusan-rumusan jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang telah diadakan untuk dibahaskan sebelum dibawa ke MAPEN. Bilakah dijangka MAPEN dapat menyiapkan DASAR EKONOMI NEGARA ini.

77-3-59

37. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan campurtangan dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Apakah hasil-hasil yang telah dicapai dari Majlis itu;
- (b) apakah dengan penubuhan MPEN akan menyelamatkan DEB yang dipersetujui bersama sejak tahun 1970 lagi;
- (c) apakah kesannya jika MPEN memutuskan DEB diteruskan atau sebaliknya; dan
- (d) apakah Kerajaan bersedia menghadapi (melaksanakan) keadaan struktur ekonomi baru yang mungkin akan dirancang oleh MPEN.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya terpelecek sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan beberapa soalan-soalan yang lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan-soalan yang mana yang bersangkutan itu?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang berkaitan ialah soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Rantau Panjang, Bukit Mas, Maran dan Seremban pada hari ini dan Yang Berhormat bagi kawasan Sabak Bernam dan Kepong pada 8hb Mac, 1989; dan Yang Berhormat bagi kawasan Batu Gajah, Muar dan Marang pada 17hb Mac, 1989 sekaligus.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat dari berbagai latarbelakang dan kepentingan mendapat peluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pencapaian dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta penggubalan dasar baru selepas tahun 1990. Bidang tugas Majlis pada asasnya adalah untuk:

- (a) mengkaji pelaksanaan dan masa depan DEB; dan
- (b) membincangkan corak ekonomi negara selepas 1990.

Ahli-ahli Majlis adalah dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili segenap lapisan masyarakat meliputi semua pertubuhan politik, golongan peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan, pertubuhan-pertubuhan guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti. Bagi ahli-ahli yang mewakili parti politik dan pertubuhan-pertubuhan perlantikannya adalah atas cadangan badan itu sendiri. Ahli-ahli yang dilantik iaitu berjumlah 150 orang terdiri dari 75 Bumiputera dan 75 bukan Bumiputera, boleh mengambil bahagian dalam semua urusan dan perbincangan Majlis.

Bagi melicinkan perjalanan tugasnya, Majlis telah membuat

peraturan-peraturannya sendiri dan mengikut peraturan tersebut, semua perbincangan Majlis berjalan secara tertutup demi membolehkan ahli berbincang dan berbahas secara bebas dan serius.

Unit Perancangan Ekonomi (EPU) ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Urusetia kepada Majlis. Unit tersebut hanya menjalankan tugas pentadbiran dan penyelarasan untuk memudahkan persidangan Majlis. Sebagai Urusetia, Unit Perancang Ekonomi tidak masuk campur atau mengawal secara langsung atau tidak langsung perbincangan Majlis yang dijalankan secara bebas oleh ahli-ahli.

Cadangan-cadangan yang dibuat oleh Majlis secara sebulat suara (consensus) akan diterima oleh Kerajaan dan akan dijadikan asas Rangka Rancangan Jangka Panjang selepas tahun 1990. Rangka Rancangan Jangka Panjang yang digubal ini akan dikemukakan kepada Parlimen seperti amalan biasa.

Seperti yang dijelaskan oleh Kerajaan, Majlis ini bukanlah satu forum politik. Ahli-ahli yang dilantik bukan terdiri dari pertubuhan politik sahaja, tetapi termasuk juga orang-orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan bukan politik. Malahan, siapa sahaja di kalangan rakyat boleh menyuarakan pendapat mereka dengan mengemukakan memorandum kepada Majlis untuk diperbincangkan.

Soalan kemungkinan adanya sesiapa yang menggunakan Majlis ini untuk kepentingan mereka sendiri tidak mungkin timbul kerana seseorang itu tidak dapat mempengaruhi Majlis untuk menyokongnya bagi perkara-perkara yang tidak memberi faedah kepada negara atau untuk dirinya sendiri. Ahli-ahli Majlis ini adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan cadangan dasar bagi kepentingan masa depan negara dan bukan untuk kepentingan mereka sendiri.

Persoalan mengenai pembahagian kekayaan negara antara Bumiputera dan bukan Bumiputera pada nisbah 50:50 dan sama ada MPEN akan menyelamatkan DEB yang dipersetujui bersama sejak 1970, terpulung kepada Majlis menentukannya Hasil yang dicapai oleh Majlis hanya akan dapat diketahui setelah tempoh perundingan Majlis itu berakhir nanti.

Setakat ini, MPEN telah mengadakan persidangan sebanyak dua kali iaitu pada 19 dan 20 Januari dan pada 14 dan 15 Februari, 1989. Lima Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji prestasi pelaksanaan DEB dan mesyuarat pertama Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah diadakan pada 2 dan 3 Mac, 1989. Kerajaan difahamkan bahawa rumusan-rumusan Jawatankuasa tersebut kelak akan dibawa kepada Majlis dan terserah kepada Majlis untuk mengambil langkah-langkah dan keputusan selanjutnya.

Sehingga setakat ini, kos perbelanjaan yang melibatkan MPEN adalah berupa perbelanjaan untuk urusan pentadbiran, dokumentasi, sewa alat-alat dan tempat persidangan serta bayaran-bayaran elaun kepada ahli-ahli bagi tiap-tiap kali persidangan. Jumlah kos keseluruhannya akan dapat diketahui apabila persidangan Majlis itu berakhir.

Perlantikan Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie sebagai Pengerusi Majlis adalah dibuat oleh ahli-ahli Majlis sendiri tanpa penglibatan Kerajaan sama sekali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan atas dua perkara. Yang pertama ialah adakah benar bahawa Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) ini mempunyai kuasa yang penuh untuk menentukan Dasar Ekonomi selepas 1990? Saya membuat

pertanyaan ini oleh kerana ada pihak-pihak yang tertentu yang memberikan satu gambaran seolah-olahnya bahawa MPEN ini yang berkuasa penuh untuk menentukan Dasar Ekonomi selepas 1990 dan bukanlah Kabinet atau Parlimen.

Soalan yang kedua, saya ingin mendapat tahu sejauh manakah perakuan-perakuan yang dibuat oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara akan dapat diluluskan dan diterima oleh pihak Kerajaan?

Di samping itu saya juga ingin mendapat tahu sama ada beliau sedar tentang lantikan Pengerusi Tan Sri Ghazali Shafie yang telah dipilih sebagai Pengerusi untuk MPEN ini yang sebenarnya adalah tidak sesuai memandangkan bahawa yang pertama ialah oleh kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab untuk menggubal Dasar Ekonomi Baru, dan yang kedua ialah oleh kerana beliau adalah terlibat dalam satu skandal perhutanan di Papua New Guinea dan oleh yang demikian bahawa beliau harus meletakkan jawatan sebagai Pengerusi MPEN.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, ada benar ada tidak benar. Ada benar iaitu MPEN ini ada kuasa dari segi mengemukakan cadangan kepada Kerajaan tetapi tidak ada kuasa untuk membuat keputusan terakhir kerana keputusan terakhir adalah bergantung kepada peraturan dalam Kerajaan.

Mengenai soalan kedua, sama ada perakuan-perakuan yang akan dibuat akan diluluskan oleh Kerajaan atau tidak, barangkali Yang Berhormat sedia maklum bahawa kelulusan-kelulusan yang diberikan dalam sistem pentadbiran kita adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada. Oleh kerana itu sekiranya terdapat beberapa perakuan yang telah saya isyaratkan dalam penerangan tadi iaitu yang mendapat

consensus maka ia akan menjadi panduan untuk dipraktik. Tetapi kalau sekiranya tidak ada consensus maka Kerajaan menerusi agensi-agensi yang ada akan menentukan bagaimana cara kita hendak memberikan perhatian kepada perakuan-perakuan tersebut.

Mengenai perkara yang ketiga yang telah saya sebutkan juga tadi yang telah saya isyaratkan juga dalam penerangan atau jawapan awal tadi iaitu perlantikan Tan Sri Ghazali Shafie adalah dibuat oleh Ahli-ahli MPEN dan tidak ada kena mengena dengan Kerajaan. Dia tidak sesuai mungkin pada pandangan Yang Berhormat tetapi dipandang sesuai oleh ahli-ahli MPEN.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi makluman umum bahawa Kerajaan telah memberi peluang kepada semua pihak termasuk parti-parti Pembangkang khasnya DAP untuk menghantar wakil-wakil mereka duduk di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Tetapi oleh kerana beberapa sebab tertentu dan saya rasa salah satu sebabnya kerana mungkin mereka tidak berkemampuan untuk memberi pandangan-pandangan (*Tepuk*) di dalam Majlis Perundingan ekonomi Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan kepada pertanyaan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengelakkan pertanyaan-pertanyaan sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi untuk memujuk sekali lagi wakil-wakil DAP supaya duduk bersama-sama dengan kita untuk membincangkan masalah-masalah negara ini dan untuk melantik siapakah pengerusi dan sebagainya?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini belum lagi ada Kerajaan mengambil sikap hendak pujuk ataupun tidak, kerana telah banyak benar Kerajaan pujuk tentang perkara ini. Dan sistem pujuk ini ada masanya baik, ada masanya tidak baik bila terlalu banyak dipujuk. Pintu sudah pun dibuka dan cuma harapan Kerajaan ialah oleh kerana pintu telah pun dibuka, janganlah parti yang tidak mahu mengambil bahagian itu mengambil peluang untuk membolehkan dia mengkritik dasar ini bila sedia besok.

BANTUAN KEPADA ORANG-ORANG TUA

7. **Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan setiap tahun kepada orang-orang tua ataupun pihak-pihak yang kurang bernasib baik yang menerima bantuan kewangan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat; dan
- (b) apakah angka orang di seluruh negara yang menerima bantuan kewangan dari Kementerian ini dan sama ada Kementerian ini bercadang untuk menaikkan kadar bantuan sekarang iaitu \$30.00 seorang sebulan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini bagi bahagian:

- (a) Jumlah peruntukan yang dibeijakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memberi bantuan kepada orang-orang tua adalah lebih kurang \$5.5 juta setiap tahun.

(b) Berdasarkan kepada angka bagi tahun 1987, seramai 30,752 orang di seluruh negara telah menerima bantuan yang berjumlah sebanyak \$12,962,790. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan sebanyak \$30.00 sebulan merupakan hanya kadar minima sahaja bagi Bantuan Am. Bantuan maksimum yang diberikan adalah sehingga \$115.00 sebulan. Jumlah bantuan yang diberikan kepada sesebuah keluarga adalah bergantung kepada kedudukan serta ramainya ahli di dalam sesuatu keluarga itu. Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak bercadang meminda kadar tersebut buat masa ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat semasa orang tua ini muda, berapa banyakkah mereka telah menyumbang

Tuan Yang di-Pertua: Masa dia muda, dia mudalah tak tua dah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yalah, masa dia muda berapa banyakkah mereka telah sumbang kepada Kerajaan, oleh kerana pada masa mereka tua mereka hanya diberi \$5.5 juta.

Yang keduanya, mengenai kadar \$30.00 yang telah diberi ini, sejak tahun bilakah kadar ini diputuskan? Adakah sejak tahun Rancangan Malaysia Pertama ataupun bila? Adakah kadar ini pada pendapat Yang Berhormat amat sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang? Kalau sesuai adakah Yang Berhormat bercadang untuk hidup ke taraf yang telah diberi kepada orang miskin ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu umum sangat, Jawab yang kedua.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan kedua, jawapannya ialah kadar ini bukanlah ditentukan sekarang tetapi kadar ini memang mengikuti peruntukan yang kita di Kementerian dapat memperolehi setiap tahun. Walaupun kita dapat bercadang untuk meningkatkan kadar itu sampai \$100, Kementerian ini tidak dapat memperolehi peruntukan-peruntukan yang tersebut,

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa Kementerian Kebajikan ini juga satu Kementerian yang daif macam rumah orang-orang tua juga. Apakah harus ada sikap yang baru Kementerian ini yang boleh memberi sumbangan yang lebih baik sedikit kepada orang-orang tua dan orang-orang yang amat memerlukan bantuan. Dan saya belum lagi pernah mendengar bahawa bantuan yang maksima yang diberikan sebanyak \$115 kepada orang-orang tua ini tidak pernah terdapat di dalam kawasan pilihanraya saya. Dan yang saya tahu yang \$30.00 itu pun dipotong. Macam manakah caranya untuk mendapat satu orang tua yang begitu perlukan wang bantuan; hendak mengemis kena tangkap, hendak mendapatkan \$115 ini macam mana caranya? (*Tepuk*)

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan kadar maksimum \$115 itu ialah untuk Bantuan Am dan bukan bantuan orang tua. Bantuan orang tua ialah setiap orang tua diberikan \$50.00 sahaja. Itulah kadar minima dan maksimum.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu berapakah peratusan bantuan yang telah diberi oleh Kementerian jika dibandingkan dengan pendapatan daripada Loteri Kebajikan Masyarakat (Social Welfare Lottery) di mana

keuntungannya didapati oleh Kementerian. Sebab selalu ktta dengar pihak berkuasa menyeru orang ramai membeli Loteri Kebajikan Masyarakat untuk membantu orang yang kurang bernasib baik, untuk membantu orang tua-tua, tetapi sampai masa sekarang masih ada banyak komplek-komplek bahawa mereka masih dapat bantuan yang sedikit sahaja. Jadi saya ingin tahu kalau kadar itu masih rendah, bolehkah pihak Kementerian memberi alasan mengapa tidak memberi bantuan yang lebih sesuai.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya cubalah menjawabnya. Apa Yang Berhormat maksudkan ialah keuntungan dari Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan itu digunakan untuk bantuan-bantuan yang mana sebahagiannya ialah untuk orang tua tetapi yang sebenarnya Akta Lembaga Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962 itu tidak membenarkan keuntungan Loteri itu kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sebenarnya dalam Akta itu semua keuntungan dalam Loteri itu terus dimasukkan kepada Consolidated Fund, dengan izin.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

7-3-89

8. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faktor-faktor sebenar yang menyebabkan nilai ringgit Malaysia menjadi begitu rendah berbanding dengan nilai matawang asing seperti Singapura, paun sterling dan dollar Amerika. Setakat manakah kemerosotan nilai ringgit kita ini menjejaskan kehidupan rakyat jelata negara kita. Apakah ikhtiar-ikhtiar dan langkah yang telah diambil setakat ini bagi memulihkan semula nilai ringgit dan bilakah usaha ini akan berhasil.

15. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa nilai matawang atau ringgit Malaysia telah jatuh ke satu kadar yang amat membimbangkan jika dibandingkan dengan nilai matawang Singapura atau Brunei Darussalam. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini supaya nilai ringgit kita dapat dipulih dan diperkukuhkan. Apakah kebaikan atau sebaliknya jika nilai ringgit kita berada di paras yang rendah.

35. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan nilai matawang negara masa kini jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (b) apakah kesan yang paling nyata dan ketara dengan kejatuhan nilai ringgit Malaysia terhadap barangan dalam negeri dan luar negeri. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasinya,

8-3-89

9. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk menilai semua matawang Malaysia berikutan dengan rendahnya matawang negara ini jika dibandingkan dengan matawang asing. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengukuhkan nilai matawang Malaysia.

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan setakat mana nilai Ringgit Malaysia telah susut berbanding dengan matawang Yen Jepun, Dolar Singapura, Dolar Amerika,

Deutschemark dan Francs sejak 1-10-1985 hingga 28-2-1989 dan sejauh manakah susutan nilai Ringgit Malaysia menjejaskan: (i) ekonomi negara; (ii) inflasi; (iii) import; dan (iv) hutang asing dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

19. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab turunnya nilai wang Ringgit Malaysia dan setakat manakah dikatakan paras bahaya. Apakah rancangan Kerajaan untuk mencegah nilai ringgit daripada terus menurun.

26. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan berapa kalikah Kerajaan telah memasuki pasaran wang untuk menghalang kejatuhan ringgit sejak bulan Oktober lalu. Bagi setiap kali Kerajaan campurtangan, berapa banyakkah matawang asing (dalam nilai asal serta dalam nilai ringgit) yang dijual untuk membeli ringgit. Apakah tingkat ringgit setiap kali selepas campurtangan Kerajaan dalam pasaran wang berbanding dengan tahap yang dicapai sebelum kemasukan Kerajaan. Adakah nilai ringgit sekarang sengaja direndahkan oleh pihak-pihak yang tertentu.

33. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ringgit Malaysia semakin lemah dan menurun berbanding dengan matawang negara-negara lain seperti ASEAN dan apakah faktor-faktor yang membawa kepada penurunan ini.

10-3-89

19. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menstabilkan nilai matawang ringgit Malaysia yang begitu ketara jatuhnya dibandingkan dengan nilai matawang dolar Singapura dan begitu

juga nilai Bath Thailand. Dengan kejatuhan dan perbezaan ini ramai musuh-musuh politik yang mengambil kesempatan membuat andaian-andaian yang begitu rupa terhadap Kerajaan lebih-lebih lagi di dalam kempen-kempen Pilihanraya Kecil Ampang Jaya akhir Januari, 1989 ini.

13-3-89

30. Tuan Tan Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan nilai ringgit terhadap "exchange rate" contohnya dolar Singapura dan beri sebab mengapa nilai ringgit yang begitu rendah.

40. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau ingin membenarkan matawang Ringgit terus jatuh dan jika ya, nyatakan kepada paras mana, dan sama ada beliau sedar matawang ringgit yang kian menyusut telah menyebabkan inflasi yang menyebabkan kesusahan kepada pengguna khususnya suri rumahtangga.

14-3-89

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan terhadap pembayaran balik hutang negara, pertumbuhan ekonomi negara, pertumbuhan pelaburan dan saingan perniagaan akibat daripada langkah Kerajaan mengapungkan ringgit Malaysia di pasaran matawang antarabangsa.

75-5-89

38. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab nilai ringgit kita telah jatuh ke paras yang amat membimbangkan pada saat akhir-akhir ini. Apakah langkah segera yang diambil oleh Kerajaan supaya nilai matawang kita dikawal kepada paras yang patut.

17-3-89

34. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah apakah yang sedang diambil untuk memberhentikan k jatuhnya seterusnya nilai ringgit kita.

20-3-89

48. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenapa nilai matawang Ringgit Malaysia terus menerus turun dalam pasaran matawang antara-bangsa;
- (b) bagaimanakah wang, Ringgit lemah itu telah menggalakkan eksport Malaysia ke luar negeri, dan sila memberi angka sokongan;
- (c) bagaimanakah harga barangan yang diimport ke Malaysia telah terus naik akibat dari Ringgit lemah itu; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan nilai matawang Ringgit supaya kadar pertukaran bagi Ringgit tentang matawang utama dunia ini tidak kian berubah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan kali ini, Kementerian saya menerima banyak soalan-soalan berkenaan dengan nilai ringgit. Soalan-soalan ini dikemukakan oleh Ahli-ahli berikut:

1. Y.B. Tuan Ahmad bin Omar
2. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar

Tuan Yang di-Pertua: Tarikhnya dikemukakan, Yang Berhormat?

Tuan Loke Yuen Yow: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada dengan saya.

3. Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah

4. Y.B. Dr Chen Man Hin
5. Y.B. Tuan Fung Ket Wing
6. Y.B. Tuan Lim Ah Kim
7. Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah
8. Y.B. Tuan Mutang Tagal
9. Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah
10. Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai
11. Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu
12. Y.B. Tuan Sim Kwang Yang
13. Y.B. Tuan Tan Kok Wai
14. Y.B. Dr Tan Seng Giaw
15. Y.B. Tuan Ting Chek Ming

iaitu seramai 15 Ahli-ahli Yang Berhormat.

Walaupun soalan-soalan ini nampaknya berlainan, tetapi pada keseluruhannya sama dalam ertikata meminta penerangan berkenaan:

- (i) Sebab-sebab nilai Ringgit rendah berbanding dengan lain-lain matawang.
- (ii) Perbandingan nilai Ringgit dengan nilai lain-lain matawang utama.
- (iii) Kesan-kesan terhadap ekonomi akibat penurunan nilai Ringgit ini.
- (iv) Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan nilai **ringgit**.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat tidak minta kebenaran hendak menjawab soalan ini bersama-sama dengan 15 soalan itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan minta izin tetapi belum sampai lagi. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin mengambil masa agak panjang

sedikit untuk menjawab kesemua soalan-soalan ini sekali sahaja dalam sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, semenjak akhir tahun 1987 hingga akhir bulan Februari 1989, pergerakan nilai Ringgit berbanding dengan beberapa matawang utama rakan dagangan Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) turun terhadap dolar Amerika Syarikat sebanyak 8.8 peratus;
- (b) turun terhadap nilai dolar Singapura sebanyak 11.5 peratus;
- (c) turun terhadap Pound Sterling sebanyak 1.9 peratus;
- (d) turun terhadap Yen Jepun sebanyak 5.6 peratus;
- (e) naik terhadap deuschemark Jerman sebanyak 5.4 peratus; dan
- (f) turun terhadap bath Thailand sebanyak 7.8 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit turun semenjak adanya Perjanjian Ptaza pada tahun 1985. Di dalam Perjanjian ini negara-negara perindustrian telah bersetuju untuk membenarkan nilai dolar Amerika Syarikat diturunkan sebagai usaha untuk mengatasi masalah ekonomi yang timbul dari defisit perdagangan Amerika Syarikat yang besar serta lebih akaun semasa imbangan pembayaran Jerman Barat dan Jepun yang besar. Usaha jajaran matawang utama, dengan izin, "currency realignments" telah mengurangkan nilai dolar Amerika Syarikat dan menaikkan yen Jepun dan deuschemark Jerman Barat dan lain-lain matawang utama. Selepas lebih kurang satu setengah tahun berlakunya jajaran matawang ini

negara-negara perindustrian utama telah bersetuju dalam Persetujuan Louvre pada bulan Februari, 1987 untuk terus berusaha menstabilkan nilai matawang-matawang utama. Hasil kedua-dua perjanjian ini telah mempengaruhi pergerakan nilai matawang semua negara di dunia ini.

Di samping itu keadaan perkembangan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan pada tahun 1985 telah membawa kepada kejatuhan harga barangan-barangan utama eksport kita yang mempengaruhi perkembangan ekonomi Malaysia yang mengalami pertumbuhan negatif satu peratus dalam tahun 1985.

Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit adalah mencerminkan keadaan ekonomi negara yang merosot akibat kejatuhan harga barangan utama di pasaran dunia di waktu itu dan pengaruh usaha-usaha jajaran matawang utama dunia yang diambil terutamanya oleh Amerika Syarikat Jepun dan Jerman Barat.

Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan matawang rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditetapkan oleh faktor pasaran, di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura baik pun dolar Amerika, yen Jepun, deuschemark Jerman Barat, Pound Sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu.

Pada asasnya nilai sesuatu matawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara seperti kadar pertumbuhan, imbangan pembayaran, inflasi dan lain-lain lagi.

Oleh itu adalah menjadi kebiasaan bagi nilai-nilai matawang naik turun setiap masa mengikut perkembangan-perkembangan di pasaran pertukaran matawang antarabangsa. Selaras dengan itu, bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campurtangan di dalam pasaran matawang asing untuk mempertahankan nilai ringgit. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia hanya bertindak di dalam pasaran matawang asing untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur. Pihak Kerajaan tidak akan menilai semula matawang Malaysia kerana ringgit adalah matawang terapung, dengan izin, "floating rate currency" dan nilainya ditetapkan di pasaran matawang asing.

Kesan turun nilai ringgit boleh dilihat dari beberapa sudut. Dari segi hutang asing negara nyatalah beban pembayaran balik hutang luar negara akan bertambah. Walau bagaimanapun, sebagai amalan yang baik Kerajaan telah pun membuat pembayaran awal hutang luar negara untuk mengatasi masalah ini. Dengan itu sebanyak \$2,424 juta dan \$2,586 juta daripada hutang luar negeri telah pun dibuat bayaran awal dalam tahun 1987 dan 1988.

Nilai ringgit yang kompetitif sebaliknya juga mempunyai kesan-kesan yang baik terhadap ekonomi negara. Dengan nilai ringgit yang ada sekarang, daya bersaing eksport barangan Malaysia yang kebanyakannya disebut harga dalam dolar Amerika Syarikat telah meningkat dan ini telah menambahkan peluang eksport negara di pasaran antarabangsa. Penambahan eksport sudah tentulah menambah hasil pengeksporth-pengeksporth dalam bentuk ringgit. Dalam tahun 1988 jumlah eksport Malaysia telah meningkat kepada \$55,483 juta

berbanding dengan \$45,138 juta pada tahun 1987. Sebaliknya nilai ringgit sekarang telah menjadikan import lebih mahal dan menjadi pendorong kepada usaha menggantikan import mesin dan bahan-bahan pengeluaran yang lebih mahal dari Jepun dan negara-negara Eropah dengan keluaran dalam negeri.

Pihak Kerajaan memang sedar bahawa kejatuhan nilai ringgit akan meningkatkan harga-harga barang di pasaran tempatan, tetapi Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk membendung tekanan inflasi. Langkah-langkah ini termasuklah pengawalan terhadap harga barang-barang keperluan, pengawalan pembekalan serta langkah-langkah untuk menambahkan pengeluaran tempatan.

Untuk mengukuhkan nilai ringgit, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi perlulah diperkukuhkan dahulu. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah ini sudah pun saya maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini di dalam sesi yang lalu dan boleh dibaca dalam Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan yang diedarkan kepada semua ahli. Langkah-langkah yang fiskal dan kewangan telah berhasil di dalam mengukuhkan imbalan pembayaran negara, meninggikan pelaburan, terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Perkembangan-perkembangan ini telah berhasil meningkatkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 1987 kepada 5.2% dan dalam tahun 1988 prestasi ekonomi adalah lebih baik daripada yang dijangkakan. Pada keseluruhannya kedudukan ekonomi negara telah pun pulih dan bertambah kukuh. Dengan ini nilai ringgit juga akan terus menjadi lebih stabil.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyeru semua pihak supaya lebih banyak membeli barang-barang buatan Malaysia. Dengan ini, kita bukan sahaja dapat mengelak dari kesan inflasi barang-barang import, tetapi juga dapat menggalakkan lagi pengeluaran barang-barang tempatan yang seharusnya dapat membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan bahawa Kerajaan tidak campurtangan dalam urusan ataupun dalam soal kejatuhan nilai ringgit. Ini satu jawapan yang agak luar biasa walaupun kita diberi dengan berbagai-bagai hujah. Saya ingin bertanya daripada Timbalan Menteri Kewangan apakah beliau sedar bahawa kejatuhan nilai wang ringgit sekarang ini adalah kegagalan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam mengurus Kementerian Kewangan. Yang pertama.

Kedua, saya ingin tahu kedudukan nilai ringgit berhubung dengan perbezaan di antara Rupee daripada India dan juga Rupiah daripada Indonesia dengan nilai wang ringgit negara kita.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi nilai ringgit negara kita ini bukanlah satu currency atau matawang di dalam dunia ini yang tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, terutamanya faktor-faktor antarabangsa. Saya tidak bersetuju bahawa ini ialah kerana ketidakcekapan Yang Berhormat Menteri Kewangan atas perkara ini; bukanlah seorang sahaja boleh buat atau boleh meningkatkan nilai matawang negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan matawang India dan Indonesia, saya tidak dapat memberi komen di dalam Dewan ini. Biarkanlah Kementerian Kewangan untuk menyiasatnya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucap tahniah atas langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan dan menunjukkan efisiensi Kerajaan pada hari ini. Saya ingin mendapat penjelasan apakah kalau Kerajaan sedar dengan kejatuhan ringgit, ia boleh membunuh perusahaan-perusahaan kecil yang ada mungkin di luar bandar yang bergantung barang-barang atau material daripada luar negeri seperti perusahaan batek di Terengganu dan Kelantan, yang terpaksa bergantung kepada bahan-bahan untuk membuat batek ini terpaksa diimport daripada luar negeri dan ini tentulah akan menaikkan harga batek itu sendiri dan mungkin ia tidak akan mendapat pasaran yang baik dan akhirnya akan membunuh perusahaan itu sendiri. Kalau ini telah disedari akibat daripada kejatuhan harga ringgit, apakah Kerajaan akan memberi satu bantuan yang lebih bermakna selain daripada langkah-langkah yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa penurunan nilai ringgit telah menjejaskan perniagaan-perniagaan kecil dalam negara kita ini. Atas apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Kerajaan selalu menyemak dari semasa ke semasa untuk membantu peniaga-peniaga kecil supaya masalah ini dapat diatasi

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pendapat Timbalan Menteri Kewangan adakah kedudukan nilai

ringgit Malaysia membimbangkan ataupun tidak. Jikalau tidak, apakah sebab-sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai ringgit sekarang. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah soalan itu kerana masa kita hampir cukup.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa menyemak dan mengawal keadaan nilai ringgit negara kita ini. Pada tahap ini Kerajaan tidak berasa bahawa nilai ringgit Malaysia ini telah turun ke satu tahap yang membimbangkan. Seperti apa yang saya katakan tadi nilai yang rendah ringgit Malaysia ini ada kebaikan pula walaupun ada keburukan. Tengoklah macam mana kita menggunakan faktor-faktor yang baik untuk memberikan faedah kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 9 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA— PENUBUHAN

2. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Perdana Menteri menyatakan tujuan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) serta:

- (i) apakah bidang kuasa MPEN; dan
- (ii) adakah Majlis tersebut diberi jangkamasa yang tertentu untuk mencadangkan dasar ekonomi negara kepada Kerajaan.

6. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah bidang kuasa Majlis Perundingan Ekonomi Negara dalam merangka Dasar Baru menggantikan DEB dan benarkah peratus pembahagian kekayaan Negara dibahagikan 50 peratus antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Jika benar, adakah ini adil jika dilihat pada pencapaian DEB sekarang.

19. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh kerajaan untuk menafikan tuduhan-tuduhan pihak pembangkang di negara ini dan di luar bahawa penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara adalah semata-mata untuk tujuan politik Kerajaan. Apakah usaha lanjutan yang diambil oleh kerajaan supaya Majlis ini tidak dipergunakan oleh sesiapa untuk kepentingan mereka sendiri. Memandangkan pentingnya Majlis ini kepada negara, adakah Kerajaan bercadang supaya laporan Majlis ini dikemukakan kepada Parlimen.

21. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan kepada ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara semasa membincangkan peng-gubalan Dasar Ekonomi Negara selepas 1990; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat akan melaksanakan kesemua perakuan yang dikemukakan oleh Majlis tersebut kelak.

33. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perlantikan Tan Sri Ghazali Shafie sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Negara telah mengkompromi serta melemahkan tujuan dan imej MPEN kerana beliau diketahui dalam satu skandal

pembalakan di Papua New Guinea dan kini disaman untuk sejumlah US\$1.8 juta oleh Bank of Credit and Commerce, Hong Kong.

8-3-89

1. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), keistimewaan-keistimewaan yang mereka perolehi, jangkamasa atau tempoh MPEN bagi menyiapkan laporannya dan kos perbelanjaan yang terlibat.

48. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kriteria-kriteria yang digunakan dalam pemilihan ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara, khususnya wakil perseorangan. Bagaimanakah Kerajaan dapat mengesyorkan yang perbincangan dalam Majlis adalah benar-benar bebas tanpa dikawal keterlaluan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang menjadi urusetia dan badan penylaras Majlis tersebut.

17-3-89

20. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah New Economic Consultative Council (N.E.C.C.) mendapat keyakinan apabila pengerusinya adalah seorang yang paling dikehendaki (wanted man) oleh Kerajaan Papua New Guinea seperti yang dilaporkan di dalam sebuah majalah luar negeri.

36. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dan kemajuan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang telah dibentuk baru-baru ini. Adakah Kerajaan puas hati dengan kemajuan yang tercapai. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengumumkan rumusan-rumusan Jawatankuasa Kecil yang telah diadakan kepada untuk dibahaskan

sebelum dibawa ke MPEN. Bilakah dijangka MPEN dapat menyiapkan DEB ini.

37. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan campurtangan daiam Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Apakah hasil-hasil yang telah dicapai dari Majlis itu;
- (b) apakah dengan penubuhan MPEN akan menyelamatkan DEB yang dipersetujui bersama sejak tahun 1970 lagi;
- (c) apakah kesannya jika MPEN memutuskan DEB diteruskan atau sebaliknya; dan
- (d) apakah Kerajaan bersedia menghadapi (melaksanakan) keadaan struktur ekonomi baru yang mungkin akan dirancang oleh MPEN.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan daripada Y.B. bagi kawasan Rantau Panjang, Bukit Mas, Maran dan Seremban pada hari ini; Y.B. bagi kawasan Sabak Bernam dan Kepong pada 8 Mac 1989; dan Y.B. bagi Kawasan Batu Gajah, Muar dan Marang pada 17 Mac 1989 sekali gus kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh semua Yang Berhormat tersebut saling berkaitan iaitu mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat dari berbagai latar belakang dan kepentingan mendapat peluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pencapaian dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru

(DEB) serta penggubalan dasar baru selepas 1990. Bidang tugas Majlis pada asasnya adalah untuk:

- (a) mengkaji pelaksanaan dan masa depan DEB; dan
- (b) membincangkan corak ekonomi negara selepas 1990.

Ahli-ahli Majlis adalah dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili segenap lapisan mesyarakat meliputi semua pertubuhan politik, golongan peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan, pertubuhan-pertubuhan guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti. Bagi ahli-ahli yang mewakili parti politik dan pertubuhan-pertubuhan perlantikannya adalah atas cadangan badan itu sendiri. Ahli-ahli yang dilantik sahaja, iaitu berjumlah 150 orang terdiri dari 75 Bumiputera dan 75 bukan Bumiputera, boleh mengambil bahagian dalam semua urusan dan perbincangan Majlis.

Bagi melicinkan perjalanan tugasnya, Majlis telah membuat peraturan-peraturannya sendiri dan mengikut peraturan tersebut, semua perbincangan Majlis berjalan secara tertutup demi membolehkan ahli berbincang dan berbahas secara bebas dan serius.

Unit Perancangan Ekonomi ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Urusetia kepada Majlis. Unit tersebut hanya menjalankan fungsi pentadbiran dan penyelarasan untuk memudahkan persidangan Majlis. Sebagai Urusetia, Unit Perancangan Ekonomi tidak masuk campur atau mengawal secara langsung atau tidak langsung perbincangan Majlis yang dijalankan secara bebas oleh ahli-ahli.

Cadangan-cadangan yang dibuat oleh Majlis secara sebulat suara (consensus) akan diterima oleh Kerajaan dan akan dijadikan asas Rangka Rancangan Jangka Panjang

selepas 1990. Rangka Rancangan Jangka Panjang yang digubalkan ini akan dikemukakan kepada Parlimen seperti amalan biasa.

Seperti yang dijelaskan oleh Kerajaan, Majlis ini bukan satu forum politik. Ahli-ahli yang dilantik bukan terdiri dari pertubuhan politik sahaja tetapi termasuk juga orang-orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan bukan politik. Malahan siapa sahaja di kalangan rakyat boleh menyuarakan pendapat mereka dengan mengemukakan memorandum kepada Majlis untuk diperbincangkan.

Soal kemungkinan adanya sesiapa yang menggunakan Majlis ini untuk kepentingan mereka sendiri tidak mungkin timbul kerana seseorang itu tidak dapat mempengaruhi Majlis untuk menyokongnya bagi perkara-perkara yang tidak memberi faedah kepada negara atau untuk dirinya sendiri. Ahli-ahli Majlis ini adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan cadangan dasar bagi kepentingan masa depan negara dan bukan untuk kepentingan mereka sendiri.

Persoalan mengenai pembahagian kekayaan negara antara Bumiputera pada nisbah 50:50 dan sama ada MPEN akan menyelamatkan DEB yang dipersetujui bersama sejak 1970 terpulang kepada Majlis menentukannya. Hasil yang dicapai oleh Majlis hanya akan dapat diketahui setelah tempoh perundingan Majlis itu berakhir nanti.

Setakat ini, MPEN telah mengadakan persidangan sebanyak 2 kali iaitu pada 19 dan 20 Januari dan pada 14 dan 15 Februari 1989. Lima Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji prestasi pelaksanaan DEB dan mesyuarat pertama Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah diadakan pada 2 dan 3 Mac 1989. Kerajaan difahamkan bahawa rumusan-rumusan Jawatankuasa tersebut kelak akan dibawa kepada Majlis dan

terserah kepada Majlis untuk mengambil langkah-langkah dan keputusan selanjutnya.

Sehingga setakat ini, kos perbelanjaan yang melibatkan MPEN adalah berupa perbelanjaan untuk urusan pentadbiran, dokumentasi, sewa alat-alat dan tempat persidangan serta bayaran-bayaran elaun kepada ahli-ahli bagi tiap-tiap kali persidangan. Jumlah kos keseluruhannya akan dapat diketahui apabila persidangan Majlis itu berakhir.

Perlantikan Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie sebagai Pengerusi Majlis adalah dibuat oleh ahli-ahli Majlis sendiri tanpa penglibatan Kerajaan sama sekali.

PAS LAWATAN (SOSIAL)

9. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada rakyat asing yang masuk ke negara atas tujuan melawat atau "social visit" diperbolehkan untuk menjalankan kegiatan berniaga.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Rakyat asing yang masuk ke negara ini untuk tujuan melawat dikeluarkan Pas Lawatan (Sosial) dan dibenarkan melawat atau melancong sahaja. Kemudahan pas lawatan ini tidak boleh dipergunakan untuk tujuan yang lain seperti berniaga.

BADAN PENCEGAH RASUAH— MENYOAL SIASAT

10. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah menjadi syarat BPR untuk menyoal siasat menteri dan bekas menteri mesti mendapat kebenaran dahulu dari pihak yang disiasat;

- (b) adakah beliau bersetuju dengan kenyataan-kenyataan Menteri Pendidikan betapa ada bekas-bekas menteri yang dipercayai berkemungkinan melakukan penyelewengan semasa memegang jawatan dahulu; dan
- (c) jika ya, apakah yang menghalang Perdana Menteri tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka tersebut.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Badan pencegah Rasuah Malaysia tidak perlu mendapatkan apa-apa kebenaran dari mana-mana pihak sekalipun untuk menyoal siasat sesiapa sahaja dan ini termasuklah para Menteri atau Timbalan Menteri.
- (b) Mengenai soalan (b) Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kenyataan oleh Menteri Pendidikan berkenaan adalah merupakan pandangan beliau yang berkemungkinan hasil dari pemerhatian serta pengumpulan maklumat-maklumat yang diperolehinya sendiri daripada sumber-sumber beliau yang mana memberikan asas kepadanya untuk dipercayai bahawa ada penyelewengan berlaku di kalangan bekas-bekas Menteri. Walau bagaimanapun, menurut kehendak undang-undang yang berlandaskan kepada fahaman demokrasi, perkara ini perlulah diselidiki dengan lebih lanjut lagi untuk mengesahkan kebenaran maklumat-maklumat berkenaan.
- (c) Kepadasoalan (c), sukacita juga saya nyatakan di sini bahawa tidak ada faktor penghalang dalam mengambil tindakan undang-undang ke atas orang-orang yang terlibat sekiranya maklumat-maklumat itu

didapati benar. Sebaliknya, sekiranya maklumat berkenaan tidak berasas dan tidak benar, kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan lanjut kerana orang-orang berkenaan tidak bersalah disegi undang-undang.

KESIHATAN PERDANA MENTERI SEMASA DI HOSPITAL

11. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kenyataan-kenyataan awal oleh pihak Hospital Besar Kuala Lumpur mengenai keadaan kesihatan Y.A.B. Perdana Menteri bahawa ianya stabil dan bahawa ia akan keluar dari hospital tidak lama lagi tidak mencerminkan keadaan sebenar kerana beliau menjalani pembedahan pintasan koronari tidak lama kemudian, mengapa Menteri Kesihatan tidak meletakkan jawatannya sebagai Menteri kerana beliau gagal memberitahu keadaan sebenar kesihatan Y.A.B. Perdana Menteri sejak jam 1.00 pagi 18 Januari hingga beliau keluar dari Hospital pada 5 Februari, malah pihak beliau mengelirukan rakyat dengan kenyataan-kenyataan "misleading".

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Orang ramai sentiasa dimaklumkan mengenai keadaan kesihatan Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri (Dr) Mahathir bin Mohamad dari masa ke semasa. Kementerian Kesihatan tidak ada sebarang niat untuk memberikan kenyataan yang mengelirukan orang awam dalam perkara ini. Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri (Dr) Mahathir bin Mohamad telah dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur pada 18-1-1989 setelah mengalami sakit dada. Diagnosis "myocardial infarction" telah dibuat dan ini disahkan pada hari berikutnya setelah ujian-ujian dilakukan. Keadaan Y.A.B. Perdana Menteri selepas dimasukkan ke wad adalah stabil dan memuaskan dan ini telah

dimaklutkan kepada umum melalui kenyataan akhbar oleh pihak berkuasa hospital.

Pada mulanya tujuan doktor-doktor kita merancang untuk merawat Y.A.B. Perdana Menteri secara konservatif. Dalam rancangan ini beliau akan dibenarkan pulang dengan nasihat untuk datang semula selepas lebih kurang 2 minggu untuk menjalani ujian "coronary angiogram" bagi menentukan keadaan penyakit jantungnya dan rawatan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, setelah meneliti keadaan pembuluh darah jantung dan berunding dengan Pakar Kardiologi dari luar negeri yang berpengalaman dalam bidang "angiography" dan "angioplasty", keputusan telah diambil pada 20-1-1989 untuk melakukan ujian "angiogram" lebih awal lagi.

Setelah membuat "angiogram" dan memeriksanya semula pada hari Ahad 22-1-1989, keputusan pun dibuat untuk melakukan pembedahan pintasan koronari. Pembedahan telah dijalankan dengan jayanya pada 24-1-1989.

Y.A.B. Perdana Menteri sentiasa berada dalam keadaan stabil dan memuaskan. Keputusan untuk membuat pembedahan dengan segera telah dibuat sebab pesakit telah berada dalam keadaan sesuai untuk menjalani pembedahan lebih awal dan tidak ada manfaat untuk menunggu lebih lama lagi.

PINJAMAN BANK DUNIA

12. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan sejak tahun 1980 dan hingga akhir tahun 1988 berapa banyakkah jumlah pinjaman Bank Dunia yang telah diberikan kepada Malaysia, dan berapakah projek-projek yang dibiayai hasil pinjaman tersebut.

Tuan Loke Yuen Yow: Sejak tahun 1980 sehingga akhir tahun 1988, Kerajaan Malaysia telah menerima pinjaman berjumlah AS\$1,216.65 juta (M\$2,949.13 juta) dari Bank Dunia bagi membiayai 29 buah projek pembangunan.

Daripada jumlah pinjaman itu sebanyak AS\$866.75 juta (M\$2,111.24 juta) adalah merupakan pinjaman secara langsung kepada Kerajaan, manakala bakinya berjumlah AS\$349.9 juta (M\$837.89 juta) adalah pinjaman yang diberi terus kepada badan-badan berkanun dengan jaminan Kerajaan Persekutuan.

KEHILANGAN WANG BANK NEGARA

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah wang sejumlah \$22.2 juta ringgit dapat dikeluarkan secara palsu dari Bank Negara. Mengapakah tiada semakan serta-merta dijalankan apabila jumlah wang yang begitu besar dipindah keluar dan mengapakah hanya selepas tujuh bulan penimpuan ini dikesani; sama ada terdapat keperluan besar bagi Bank Negara untuk memperkukuhkan peranan penyeliaannya terhadap institusi-institusi kewangan, dan mengapakah Bank Negara tidak menyoal pengeluaran amaun begitu besar wang tunai oleh institusi kewangan, dan mengapakah Bank Negara tidak menyoal pengeluaran amaun begitu besar wang tunai oleh sebuah cawangan kecil Bank Bumiputra. Sila juga menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperolehi kembali kehilangan wang ini, serta melindungi semua institusi kewangan dari amalan-amalan seperti ini.

8-3-89

2. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebabnya kehilangan wang sebanyak

\$22.2 juta ringgit dari Bank Negara baru-baru ini dan kenapa ini dapat berlaku kepada Bank Negara yang kita anggap sebagai bank yang mempunyai kawalan yang rapi. Selepas kejadian ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Nyatakan kejayaan yang tercapai setakat ini untuk menahan orang yang terlibat dalam penipuan ini.

8-3-89

36. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Menteri Kewangan menerangkan bahawa Bank Negara dan Bank Bumiputra Malaysia berhad Cawangan Daya Bumi telah dieksploitasi oleh pegawai-pegawai dan orang-orang tertentu yang tidak bertanggungjawab sehingga wang sebanyak \$22.2 million telah disonglapkan. Adakah ini merupakan satu kelemahan kepada sistem bank tersebut. Adakah kelemahan sistem ini telah dikenalpasti dan diperbaiki. Siapakah mereka yang terlibat, tindakan-tindakan Kerajaan yang diambil, berapa ramai yang telah tertangkap dan banyaknya wang yang lesap telah dijumpai dan didapati setakat ini.

9-3-89

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar penipuan sebanyak \$22 juta di Bank Negara baru-baru ini merupakan satu kejadian kewangan yang amat memalukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi negara kita dan menerangkan mengapa taraf disiplin kewangan begitu rendah di sebuah institusi yang sepatutnya menjadi pengawas (watchdog) industri bank.

14-3-89

10. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri

Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin peristiwa penipuan di Bank Negara dan Bank-bank swasta tidak berulang lagi untuk menyakinkan orang ramai terhadap institusi-institusi kewangan di dalam negara kita.

15-3-89

36. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara untuk mempertahankan bagi mengelak kejadian kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang telah gagal menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna di dalam pemindahan beberapa juta ringgit kepada cawangan Bank Bumiputra.

15-3-89

40. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah boleh berlakunya pelepasan wang \$22.2 juta di Bank Negara;
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan setakat ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diadakan bagi menjamin kepercayaan masyarakat dan negara terhadap kewibawaan Bank Negara akibat lanjutan peristiwa itu.

16-3-89

17. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan kes kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta yang telah ada di bawah penjagaan Bank Negara Malaysia, adakah beliau ingin melantik suatu kumpulan professional yang

terdiri daripada pakar-pakar tempatan dan luar negeri, bagi menyasiat perkara ini; dan

- (b) adakah tujuan kumpulan professional ini untuk menentukan jika ada atau tidak kemungkinan kehilangan jumlah wang yang lebih daripada jumlah yang dilaporkan, iaitu \$22.2 juta, dari Bank Negara Malaysia.

16-3-89

27. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan sering sangat Bank-bank dalam Negara kita ini kehilangan wang-wang dengan angka yang besar-besar seperti berlaku skandal B.M.P. dan baru-baru ini pula dari Bank Negara lesap dua puluh dua juta dan banyaklah lagi yang berlaku sama ada diketahui atau tidaknya. Perkara-perkara seperti ini tidakkah menyebabkan hilang kepercayaan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di Negara kita, dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menutup dan membendung supaya tidak menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur tersebut.

20-3-89

34. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa dan mengapa kejadian pecah amanah dan penyelewangan di Bank-bank lebih-lebih lagi Bank Negara seringkali berlaku akhir-akhir ini, dan adakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian bagi menjamin keutuhan, kewibawaan dan keselamatan Bank-bank lebih-lebih lagi Bank Negara.

22-3-59

2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah ada undang-undang tertentu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada

pegawai-pegawainya sendiri dan Bank-bank serta institusi kewangan yang lain sebagaimana yang berlaku penipuan pengeluaran \$22.2 juta dan juga pengeluaran di Malayan Banking di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini dan perkara-perkara seumpama ini berlaku sebelumnya. Kita tidak mahu perkara-perkara dan kelemahan ini berulang lagi dan ini juga menjatuhkan imej institusi kewangan negara ini dipandang oleh negara lain.

Tuan Loke Yuen Yow: Oleh kerana pertanyaan atas perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh sepuluh Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu:

- (i) Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas (yang dijadualkan dijawab pada 8hb Mac 1989);
- (ii) Ahli Yang Berhormat dari Muar (yang juga dijadualkan dijawab pada 8hb Mac 1989);
- (iii) Ahli Yang Berhormat dari Seremban (yang dijadualkan dijawab pada 9hb Mac 1989);
- (iv) Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah (yang dijadualkan dijawab pada 14hb Mac 1989);
- (v) Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah (yang dijadualkan dijawab pada 15hb Mac 1989);
- (vi) Ahli Yang Berhormat dari Marang (yang dijadualkan dijawab pada 15hb Mac 1989);
- (vii) Ahli Yang Berhormat dari Pucung (yang dijadualkan dijawab pada 16hb Mac 1989);
- (viii) Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus (yang dijadualkan dijawab pada 16hb Mac 1989);
- (ix) Ahli Yang Berhormat dari Parit (yang dijadualkan

dijawab pada 20hb Mac 1989); dan

- (x) Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai (yang dijadualkan dijawab pada 22hb Mac 1989),

saya memohon menjawab kesebelas pertanyaan itu serentak hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes kehilangan wang Bank Negara sebanyak \$22.2 juta baru-baru ini adalah berpunca dari perbuatan pecah amanah dan pensubahatan oleh kakitangan Barik Negara dan kakitangan sebuah bank tempatan. Dalam kes itu, kakitangan Bank Negara yang terlibat telah memalsukan tandatangan-tandatangan pegawai yang diberikuasa oleh Bank Negara dalam urusan pemindahan wang.

Pemindahan wang daripada Bank Negara kepada bank-bank adalah merupakan amalan biasa dalam urusanniaga pasaran wang (Money Market Transactions). Pemindahan seumpama ini dilakukan setelah dokumen-dokumen mengenai urusanniaga tersebut disahkan dan ditandatangani oleh pegawai-pegawai yang diberikuasa untuk memindahkan wang tersebut kepada bank-bank yang berkenaan. Dalam kes ini, wang \$22.2 juta telah dipindahkan kepada sebuah cawangan bank tempatan apabila dokumen-dokumen mengenai urusanniaga berkenaan didapati mempunyai tandatangan pegawai-pegawai yang diberi kuasa ke atasnya. Pegawai-pegawai yang membuat penyemakan ke atas dokumen-dokumen itu tidak mengesyaki sebarang penipuan kerana tandatangan palsu itu menyerupai tandatangan sah pegawai yang diberikuasa ke atas perkara itu.

Mengenai pengawasan ke atas pengeluaran wang yang besar di cawangan bank-bank tempatan, pihak Bank Negara tidak berupaya untuk menyemaknya dengan serta

merta kerana ia melibatkan lebih 900 buah cawangan bank di negara ini. Tambahan pula, Bank Rakyat telah beberapa kali mengingatkan semua bank perdagangan agar sentiasa mengawasi pengeluaran wang tunai yang besar amannya.

Urusniaga pasaran wang di Bank Negara termasuk urusan pemindahan wang, dijalankan mengikut sistem serta prosidur yang teratur dan kemas. Sebelum ini ia dipakai tanpa wujud sebarang kelemahan sehingga sistem itu berjaya dipecahkan oleh orang yang diberi kepercayaan ke atasnya dengan cara penipuan. Pihak Bank Negara telahpun melantik sebuah firma perunding antarabangsa untuk mengkaji semula sistem kawalan dalamnya bagi mengenalpasti kelemahan dan memperbaiki sistem yang sedia ada dengan tujuan untuk mengelakkan perkara seumpama ini berlaku lagi di masa hadapan. Perlantikan firma perunding ini juga akan menghapuskan keraguan orang ramai dan para pelabur ke atas kemampuan Bank Negara Malaysia. Bagi institusi-institusi kewangan pula, mereka telah diarahkan supaya menubuhkan Jabatan Audit Dalam bagi mengawasi sistem kawalan dalam mereka. Mereka juga telah diarah supaya menubuhkan Jawatankuasa Audit Pengarah bagi memastikan keberkesanan audit dalam mereka.

Kes seumpama ini memanglah memalukan kita. Bagaimanapun, saya tidak fikir ia boleh menjejaskan imej negara kerana ia berlaku disebabkan oleh penipuan dan bukan kerana kecuaiian atau kesilapan. Ia juga tidak bermakna bahawa taraf disiplin di Bank Negara adalah begitu rendah kerana perkara yang berlaku itu adalah disebabkan oleh kakitangan yang tidak jujur dan mementingkan diri sendiri. Tindakan undang-undang yang benar-benar dapat menyekat manusia dari melakukan kegiatan jenayah. Pada akhirnya yang penting

ialah penekanan kepada sikap jujur dan bertanggungjawab. Oleh kerana itu Kerajaan sentiasa menganjurkan supaya rakyat mengamalkan prinsip "Bersih, Cekap dan Amanah".

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini sekarang masih dalam siasatan pihak polis. Dengan itu maklumat-maklumat berkaitan dengan bilangan orang yang ditangkap dan jumlah wang yang didapati semula adalah dalam bidangkuasa pihak polis.

PEMBEDAHAN CORONARY BY-PASS TERHADAP PERDANA MENTERI

14. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar bahawa pakar-pakar sakit jantung (cardiologists) dari luar negeri didatangkan ke Hospital Besar Kiiala Lumpur untuk menjalankan pembedahan coronary by-pass untuk Perdana Menteri pada 24-1-1989; jika benar, berapa ramaiakah pakar-pakar dan siapakah mereka dan berapakah kos perbelanjaan yang telah dikeluarkan.

Dato' Chan Siang Sun: Saya suka memaklumkan bahawa pembedahan pintasan koronari yang dijalankan terhadap Y.A.B. Perdana Menteri telah dibuat oleh pakar-pakar bedah kardiothorasik tempatan. Tidak ada pakar-pakar bedah kardiothorasik dari luar negeri yang didatangkan atau menghadiri semasa pembedahan dijalankan.

(Soalan No. 15. Sila lihat jawapan No. 8)

JAWATAN MENTERI DALAM NEGERI/PERTAHANAN/ KEHAKIMAN—LANTIKAN

16. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk melantik

lain-lain orang untuk mengganti beliau dalam jawatan-jawatan Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kehakiman memandangkan kedudukan kesihatan beliau. Jika ya, bilakah beliau akan membuat rombakan dalam Kabinetnya, jika tidak, mengapa.

43. Tuan Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan mengapa beliau memegang portfolio-portfolio tambahan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kehakiman disebabkan tanggungjawab seorang Perdana Menteri sudahpun begitu berat bagi seorang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama pertanyaan No. 43 daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban kerana menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu menjalankan tugas-tugas Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. Mengenai kedudukan kesihatan Yang Amat Berhormat, kini beliau telah beransur sihat selepas menjalani pembedahan pintasan koronari baru-baru ini dan akan bertugas semula apabila keadaan kesihatannya pulih.

Dengan itu, soal membuat rombakan kabinet tidak timbul.

SEMPADAN PERAIRAN MALAYSIA-FILIPINA

17. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesudahan mesyuarat di antara Malaysia dan Filipina mengenai perselisihan sempadan laut. Menurut Konvention Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai undang-undang laut pada tahun 1982, adakah kedua negara ini bertentangan mengenai "Exclusive Economic Zones (EEZ)". Jika ia, apakah cadangan negara kita untuk mengatasi masalah ini.

14-3-89

2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah tercapainya rundingan untuk menentukan garisan sempadan perairan di antara Malaysia dengan Filipina, setelah rundingan mengenai perkara tersebut diiangsungkan antara kedua negara di Kuala Lumpur baru-baru ini.

14-3-88

28. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil perundingan antara Malaysia dan Filipina mengenai perjanjian sempadan laut berkaitan dengan penindihan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ); sama ada perjanjian ini akan membawa kepada perbincangan mengenai perondaan bersama di perairan bersama kita, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai dan Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing pada 14hb Mac, 1989 kerana soalan-soalan berkenaan menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan yang diadakan di Kuala Lumpur dari 25hb Hingga 26hb Januari, 1989 di antara Malaysia dan Filipina bertujuan untuk mengadakan satu peraturan sementara mengenai perikanan di kawasan tuntutan bertindih. Ini sejajar dengan peruntukan Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu 1982. Rundingan berkenaan merupakan peringkat pertama dan bersifat "exploratory". Kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pendapat dan memberi penjelasan mengenai peraturan sementara yang dimaksudkan. Dipersetujui juga

perundingan akan disambung pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Berhubung kawasan tuntutan bertindih, kedua-dua negara telah bersetuju untuk merundingkan perkara tersebut dimasa hadapan.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENGURUSAN KERAJAAN

18. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan akan penubuhan Jawatankuasa Kabinet bagi melihat ke dalam perkara amalan rasuah dan penyelewengan yang diketuai oleh Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk membuktikan keikhlasannya dengan:

- (a) memulakan penyiasatan secara terbuka seperti skandal-skandal BMF, Maminco, EPE-Makuwasa, UMBC dan kontrak Lebuh Raya Utara Selatan;
- (b) sama ada jawatankuasa ini bersedia untuk menyeru supaya satu pengisytiharan awam ke atas aset-aset dilakukan oleh semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik, Ketua Menteri dan Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri.

7-5-59

30. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bidang tugas Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai penyelewengan dalam Urusan Kerajaan;
- (b) apakah yang telah dicapai setakat ini oleh Jawatankuasa itu;
- (c) bilangan orang termasuk Menteri dan bekas Menteri di samping Menteri Besar dan

bekas Menteri Besar yang telah disiasat oleh Jawatankuasa kerana dituduh menerima rasuah dan menyeleweng; dan

- (d) sama ada Jawatankuasa bersedia menyiasat aduan yang dilaporkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Lim Kit Siang mengenai penglibatan menteri-menteri dalam kelulusan projek lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers (M) Berhad yang jelas satu kesalahan melakukan rasuah di bawah seksyen 2 (1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970, jika tidak, mengapa.

7-3-89

39. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang diketuai oleh Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh Menteri Kewangan, Menteri Kerja Raya, Menteri Buruh dan Menteri Perusahaan Utama bagi maksud menyiasat amalan-amalan kecurangan dalam Kerajaan bilamana Parlimen sendiri mempunyai sebuah Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, untuk menjalankan tugas itu;
- (b) tidakkah penubuhan Jawatankuasa ini satu tamparan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara serta melemahkan kewibawaannya; dan
- (c) sama ada kecurangan yang dilakukan oleh sebarang Menteri atau Timbalan Menteri, mahupun yang bekas atau yang masih, disiasat, jika ya, nyatakan hama mereka.

7-3-89

42. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bentuk serta skop kerjasama di antara Badan Pencegah Rasuah dengan jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan ketika menjalankan siasatan. Bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan yang konflik kepentingan tidak wujud di kalangan ahli jawatankuasa tersebut apabila penyiasatan dijalankan ke atas mana-mana satu Kementerian yang berkaitan. Apakah bidang kekuasaan serta prosedur siasatan yang akan diamalkan oleh jawatankuasa. Adakah jawatankuasa tersebut hendak mewujudkan sistem ombudsman. Jika ia, apakah bentuknya, jika tidak, apakah sistem alternatif.

9-3-89

26. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perlantikan Yang Berhormat Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Rasuah dan Amalan-amalan Curang bermaksud kuasa Jawatankuasa ini mengatasi kuasa Biro Pencegah Rasuah dan sama ada hakikat bahawa walaupun kuasa BPR telah ditambahkan, namun ia masih tidak mencukupi untuk mengambil tindakan terhadap "Ikan-ikan Besar" dan menyatakan mengapakah Kerajaan tidak menimbang untuk meletakkan BPR bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

9-3-89

33. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan iaitu sejak Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan ditubuhkan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan; dan
- (b) adakah Jawatankuasa berkenaan telah menyenaraikan

orang-orang yang akan diambil tindakan untuk dibuat siasatan dan jika ada sila sebutkan nama-nama mereka yang disenaraikan itu.

75-3-59

32. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah maksud dan tujuan di sebalik pembentukan "Jawatankuasa Anti Penyalahgunaan" oleh Kabinet, sila juga menyatakan kuasa, fungsi dan tugas Jawatankuasa ini dan apakah keberkesanan Jawatankuasa tersebut setakat ini.

15-3-89

43. Tuan Nik Abdullah bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah jawatankuasa menentang penyelewengan sudah diputuskan oleh kabinet dan adakah pengerusi dan anggota yang lainnya juga terdiri dari anggota-anggota kabinet; dan
- (b) sila senaraikan nama-nama anggotanya.

24-3-89

30. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kesannya dapat dibuktikan oleh Jawatankuasa Anti Penyelewengan (Ombudsman) bagi menyiasat kegiatan rasuah di kalangan ahli-ahli politik di negara ini. dan mengapa badan ini tidak diletakkan di bawah pengawasan dan penyeliaan Suruhanjaya Bebas yang bertanggungjawab kepada Parlimen.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan bersekali dengan soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat berikut memandangkan soalan-soalan tersebut mempunyai maksud yang hampir sama.

- (i) Y.B. dari Bukit Bintang pada 7-3-89;
- (ii) Y.B. dari Ipoh pada 7-3-89;
- (iii) Y.B. dari Kepong pada 7-3-89;
- (iv) Y.B. dari Sandakan pada 9-3-89;
- (v) Y.B. dari Maran pada 9-3-89;
- (vi) Y.B. dari Sandakan pada 15-3-89;
- (vii) Y.B. dari Pengkalan Chepa pada 15-3-89; dan
- (viii) Y.B. dari Pasir Pinji pada 24-3-89.

Terlebih dahulu saya ingin jelaskan di Dewan ini bahawa Jawatankuasa yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 30 November 1988 berikutan daripada cadangan Ketua Audit Negara semasa membentangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 1986 kepada Jemaah Menteri iaitu mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang turut dianggotai oleh seorang dua pegawai tinggi Kerajaan untuk mencari jalan mengeiakkkan penyelewengan dan memastikan tindakan-tindakan tatatertib diambil secara berkesan. Keanggotaan Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Y.B. Menteri Pendidikan — Pengerusi
- (ii) Y.B. Menteri Kerja Raya — Ahli
- (iii) Y.B. Menteri Perusahaan Utama — Ahli
- (iv) Y.B. Menteri Kewangan — Ahli
- (v) Y.B. Menteri Buruh — Ahli
- (vi) Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Y.B. Datuk Kasitah Gaddam) — Ahli

- (vii) Y.B. Mentendi — Ahli
Jabatan Perdana Menteri (Y.B. Dato' Dr Mohamad Yusof b. Hj. Mohamed Nor)
- (viii) Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara — Ahli
- (ix) Y.Bhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam — Ahli

Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa penyiasat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukum. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk memperakukan kepada pihak Kerajaan akan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi;

- (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan-pengurusan rancangan jabatan; dan
- (b) meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti.

Jawatankuasa ini mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk ditimbangkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa ini telah pun mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali semenjak bulan Januari 1989. Di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, Jawatankuasa telah berusaha untuk menganalisa dan mengenalpasti akan kelemahan-kelemahan yang pernah beriakku dalam pentadbiran kewangan Kerajaan, dalam pengurusan badan-badan berkanun dan telah melihat akan prosedur tatatertib bagi perkhidmatan awam.

Penubuhan Jawatankuasa ini tidak akan memberi "tamparan" kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan juga Badan Pencegah Rasuah, kerana matlamat dan peranan Jawatankuasa Kabinet ini adalah untuk memastikan sistem pengurusan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sebaliknya Jawatankuasa ini dapat bekerjasama dengan pihak-pihak tersebut untuk

mewujudkan satu jentera yang kuat bagi menghapuskan segala bentuk penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Jawatankuasa ini tidak ditugaskan untuk menyiasat kes-kes kecurangan dan penyelewengan kerana sudah ada badan yang diberi kuasa untuk membuat siasatan bagi kes-kes sedemikian iaitu Badan Pencegah Rasuah.

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No.2)

KEBEBASAN BERPOLITIK

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah resional Kerajaan di belakang penguatkuasaan syarat-syarat yang menyekat kebebasan berpolitik, pergerakan serta masa ke atas mereka yang diberi Penggantungan perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), khususnya ahli-ahli politik parti pembangkang. Adakah beliau sedar bahawa beliau sendiri menyatakan bahawa keadaan keselamatan telah terkawal. Setakat akhir Februari 1989, apakah bilangan yang masih dikenakan sekatan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sudah menjadi peraturan bahawa pembebasan seseorang tahanan di bawah penggantungan perintah tahanan mengikut Sek. 10, Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah tertakluk kepada syarat-syarat sekatan tertentu yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa orang itu benar-benar tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Keadaan keselamatan negara adalah terkawal hasil daripada tindakan cepat dan tegas Kerajaan dalam melaksanakan peruntukan undang-undang, khususnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Sehingga akhir bulan Februari 1989 bilangan yang masih dikenakan syarat-syarat sekatan di bawah penggantungan perintah tahanan adalah seramai 68 orang.

(Soalan No. 21. Sila lihat Jawapan No. 2).

KEMALANGAN JALAN RAYA

22. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa jalan-jalan raya makin sehari semakin bertambah baik sama ada kejadian kemalangan jalan raya telah berkurangan ataupun bertambah, sungguhpun usaha-usaha mengatasinya telah dijalankan dengan rapi jika keberkesannya itu tidak memuaskan bererti cara-cara yang telah dijalanannya itu masih belum cukup berkesan untuk mencapai matlamat. Apakah usaha-usaha cara baru untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di masa kini yang kerap berlaku dengan semakin bertambahnya kenderaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Perangkaan untuk tempoh tiga tahun yang lalu iaitu 1985 hingga 1987 menunjukkan kes kemalangan jalan raya yang dilaporkan semakin menurun.

Pada tahun 1985 sebanyak 82,059 kemalangan telah dilaporkan dengan 2,379 kematian, tahun 1986 sebanyak 79,804 kemalangan dengan 2,358 kematian dan tahun 1987 sebanyak 76,882 kemalangan dengan 2,240 kematian sahaja. Daripada perangkaan di atas jelaslah kadar kemalangan jalan raya di negara ini telah menurun.

Namun begitu Kerajaan masih belum berpuashati dengan penurunan tersebut dan sentiasa berusaha mengurangkan kemalangan jalan raya ke paras yang paling minima. Dalam

perkara ini Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia sentiasa berusaha ke arah tersebut. Baru-baru ini Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia telah menggubalkan strateginya dengan memberi penekanan kepada konsep 3E iaitu "Education, Engineering dan Enforcement" atau Pendidikan, Kejuruteraan dan Penguatkuasaan.

Perangkaan kemalangan menunjukkan lebih kurang 92% punca k malangan jalan raya disebabkan sikap manusia. Memandangkan ini, adalah menjadi tanggungjawab Majlis Keselamatan Jalan Raya melalui Jawatankuasa Kecil Pendidikan memberi pendidikan keselamatan jalan raya kepada semua lapisan masyarakat, khususnya bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi. Majlis dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sudah menyiapkan kurikulum pendidikan keselamatan jalan raya bagi kanak-kanak pra-sekolah dan sekolah rendah dan dijangka akan mula digunakan pertengahan tahun ini.

Kementerian Pengangkutan melalui JPJ sedang dalam peringkat terakhir untuk melaksanakan kurikulum baru sekolah memandu dan jika berjalan seperti dirancang JPJ akan melancarkannya pada akhir bulan April ini. Kurikulum baru sekolah memandu ini bukan sahaja melatih pemandu yang cekap tetapi dapat melahirkan pemandu yang mampu mengelakkan kemalangan. Majlis juga sentiasa berhubung dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan dan mencadangkan agar syarikat-syarikat berkenaan mengadakan program bagi pemandu-pemandu agar lebih berhati-hati dan berdisiplin apabila berada di jalan raya. Usaha-usaha juga dijalankan oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengkaji dan memperelokkan lokasi jalan raya yang mempunyai kadar kemalangan yang tinggi disamping meningkatkan

tindakan penguatkuasaan di lokasi-lokasi tersebut. Selain daripada itu, usaha-usaha berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara ini ialah:

- (i) Mengadakan ceramah di organisasi-organisasi Kerajaan dan swasta yang mempunyai ramai golongan pemandu;
- (ii) Menayangkan filem-filem keselamatan jalan raya di televisyen dan pawagam;
- (iii) Mengadakan kempen keselamatan jalan raya menjelang musim" perayaan supaya pemandu-pemandu lebih berhati-hati;
- (iv) Mengadakan pameran keselamatan jalan raya di pusat-pusat membeli-belah dan tempat tumpuan orang ramai;
- (v) Mengedarkan bahan-bahan kempen seperli posten stricker, risalah dan sebagainya;
- (vi) Menambah hukuman dend/ kompaun , bagi kesalahan lalulintas.

PROJEK TUMBOH BLOK

23. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan prestasi/kemajuan yang dicapai oleh Kementerian bersabit dengan Tumbuh Blok di Perak Tengah dari segi fizikal dan juga pembangunan k seluruhnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Pada mulanya Projek Tumbuh Blok ini telah dirancang untuk dilaksana dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) tetapi telah ditangguh disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun semasa penilaian Separuh Penggal . (Mid Term Assessment) Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sejumlah \$3.5

juta telah diluluskan untuk projek ini dan disalur kepada JPT Negeri untuk membiayai sebahagian kerja yang telah dikenalpasti untuk dilaksana dalam tahun 1989 dan 1990.

Setakat ini pengaluran dan pengorekan Sg. Sengkuang (845 rantai) dan Sg. Seluang (460 rantai) yang menyalirkan kawasan utara Paya Tumbuh terus ke Sg. Tumbuh telah disiapkan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Perak. Kerja-kerja ini telah dapat memperbaiki keadaan saliran dan membolehkan pemulihan/pembangunan kawasan rendah yang berpaya untuk tanaman kelapa sawit dijalankan dengan lancarnya. Selain dari itu, pengaluran dan pengorekan Sg. Tumbuh telah siap 100 rantai dari kualanya dengan Sg. Kinta ke sebelah hulunya. Kerja-kerja sambungan mengalir dan mengorek Sg. Tumbuh (600 rantai) dan pembinaan ban di tebing kanannya sehingga persimpangan Sg. Tumbuh/Sg. Sengkuang sedang dijalankan.

Pada masa ini pihak Kementerian memang memberi perhatian kepada projek ini dan Kementerian sedang berusaha mendapatkan bantuan agensi luar untuk membiayai pelaksanaan projek ini secara keseluruhannya.

PEMBEDAHAN CORONARY BY-PASS TERHADAP PERDANA MENTERI—RAWATAN

24. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan dan nama doktor-doktor yang telah mengambil bahagian dalam pembedahan ke atas Perdana Menteri dan nyatakan perbelanjaan yang ditanggung untuk menjalani pembedahan ini; dan
- (b) bilangan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Par-

limen yang mengidap penyakit yang sama atau lain-lam masalah kesihatan yang memerlukan pembedahan dan bilangan daripada mereka yang menjalani pembedahan di dalam dan di luar negeri, nyatakan tarikh dan tempat pembedahan-pembedahan tersebut dilakukan.

Dato' Chan Siang Sun;

- (a) Doktor-doktor pakar yang telah terlibat dalam rawatan dan pembedahan coronary by-pass terhadap Y.A.B. Perdana Menteri ialah Pakar-pakar Kardiologi dari Hospital Besar, Kuala Lumpur, Dato' (Dr) Robaayah Zambahari dan Dr Zainol Hamid. Pakar-pakar Bedah Kardiothoraxik dari Hospital Besar, Kuala Lumpur Dr Yahya Awang, Dr Lee Weng Seng, Dr Abdullah Harun dan Pakar Bedah Kardiothoraxik dari Subang Medical Centre Dr Rozali Wathooth dan Pakar-pakar Bius dari Hospital Besar, Kuala Lumpur Dato' (Dr) S. Radha Krishna, Dr K. Mohandas dan Dr V. Karthiresan. Pakar-pakar ini telah dibantu oleh satu pasukan yang mengandungi pegawai perubatan, jururawat, pembantu perubatan dan juruteknik dari Hospital Besar Kuala Lumpur.

Kos yang biasa dikenakan kepada seorang pesakit jantung yang menjalani pembedahan jantung termasuk kos pemulihannya di hospital adalah lebih kurang \$5,500/- mengikut Akta Fee. Sukalah saya menegaskan bahawa angka kos ini tidak termasuk perbelanjaan "operation theatre" rawatan di CCU ataupun upahan kepada pakar-pakar kardiologi dan pembedahan jantung, pakar

anaesthetics dan tenaga paramedik yang terlibat dalam urusan pembedahan ini.

- (b) Kementerian Kesihatan tidak ada maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

KENAIKAN HARGA BARANGAN

25. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan bahawa apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kenaikan harga barangan supaya para pengguna tidak menjadi mangsa.

7-3-89

31. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebab yang membawa kepada kenaikan harga barang-barang keperluan utama sejak beberapa bulan kebelakangan ini terutama musim-musim perayaan seperti Krismas dan Tahun Baru Cina dan minta menyatakan apakah rancangan yang lebih berkesan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang itu selain mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

8-3-89

30. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tentang di manakah punca sebenar kenaikan harga barangan keperluan harian sejak akhir-akhir ini dan apakah tindakan Kerajaan supaya perkara ini tidak berterusan yang mana akhirnya rakyat juga jadi mangsa.

9-3-89

4. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab harga banyak barang-barang makanan telah meningkat naik sejak kebelakangan ini sehingga ada

setengah barang harganya telah meningkat lebih 50% dalam masa satu dua bulan ini; dan

- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah harga barang selain daripada Y.B. Menteri sendiri memberi nasihat kepada pengguna-pengguna untuk memulaukan barang-barang yang berkenaan.

10-3-89

38. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab yang membawa kepada kenaikan harga bagi barang-barang keperluan di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan tersebut.

13-3-89

29. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan seruan beliau untuk memulaukan barangan-barangan yang tidak begitu perlu oleh kerana kenaikan besar ke atas harga-harga barangan tersebut, sama ada Kementerian beliau akan memberi bimbingan kepada pengguna-pengguna dengan mengenalpasti barangan-barangan yang tidak begitu perlu yang tertentu yang harus dipulaukan oleh pengguna-pengguna disebabkan oleh kenaikan harga-harga yang tidak berpatutan dan selain dari seruan untuk memulaukan ini, apakah langkah-langkah yang lain yang telah diambil oleh Kementerian beliau bagi memastikan bahawa harga-harga barangan tersebut tidak dinaikkan dengan tidak berpatutan.

15-3-89

7. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebutkan faktor-faktor menyebabkan kenaikan harga barangan tempatan;

- (b) apakah tindakan . Kementeriannya telah dan akan diambil terhadap barang-barang yang bukan keperluan asasi (Essential items) dari kenaikan harga; dan
- (c) sejauh manakah kesan positif atas ceruan tindakan BOIKOT atas pulaukan barang-baang keperluan yang dinaikkan harga sewenang-wenangnya.

16-8-89

88. Tuan Haji' Abdul Manaf Wan Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha dan langkah yang telah dibuat untuk mencegah peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang keperluan rakyat dengan sewenang-wenang. Berapakah kes-kes angkapan yang telah dilakukan

18 Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada seruan beliau supaya surirumah memulaukan barang-barang penting yang harganya melambung tinggi telah **disahut**. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan agar mereka yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga barang-barang keperluan itu dapat dikesan dan seterusnya diambil tindakan yang wajar. Dan sama ada pihak kementerian bercadang untuk memperketatkan lagi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ada bagi menghukum lebih berat mereka yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang-barang.

17-3-89

28. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa berlaku-

nya kenaikan harga barang-barang-keperluan harian, sama ada barangan kawalan atau tidak secara sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan sangat lambat baru dapat dikesan, kenapakah terjadi sedemikian rupa. Bagaimana wibawa Bahagian Penguatkuasa dalam menghadapi kes seperti ini.

27-3-59

41, Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hari ini harga kebanyakan barang-barang keperluan asas seperti barangan makanan telah melambung naik, adakah ini ada kena mengena dengan kenaikan gaji dan adakah kenaikan harga barang-barang yang tersebut suatu yang dikehendaki oleh Kerajaan,

23-3-89

8. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa bahan-bahan binaan asasi seperti simen, besi, kayu, papan, cat dan lain-lain menaikkan harganya sehingga tidak terkawal, akan menambah kos pembinaan rumah-rumah berharga murah. Apakah langkah diambil oleh Kerajaan urituk menjamin kenaikan kos itu tidak menambah beban kepada pembeli-pembeli berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat); Oleh kerana ada soalan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat atas perkara yang sama, maka saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai yang dijadualkan pada 7-3-1989, Yang Berhormat Puan Siti Zainaban binti Abu Bakar yang dijadualkan pada 8-3-1989, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim yang

dijadualkan pada 9-3-1989, Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu yang dijadualkan pada 10-3-1989, Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat yang dijadualkan pada 13-3-1989, Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee yang dijadualkan pada 15-3-1989 dan 23-3-1989, Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad yang dijadualkan pada 16-3-1989, Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib yang dijadualkan pada 17-3-1989 dan Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi Hassan yang dijadualkan pada 21-3-1989.

Jawapan yang telah disediakan ini adalah merupakan satu jawapan yang panjang. Ini diperbuat bagi membolehkan satu penerangan yang lengkap diberikan supaya semua pihak dapat mengetahui mengenai perkara ini serta tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang turun naik dari semasa ke semasa disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim. Kenaikan kos-kos bahan mentah, pengangkutan serta bahan-bahan pembungkusan dan kenaikan nilai mata wang negara-negara pembekal juga menjadi faktor-faktor terhadap kenaikan harga barang-barang ini. Sungguhpun kos-kos ini telah naik begitu tinggi namun kenaikan harga barang-barang pada keseluruhannya adalah didapati munasabah dan berpatutan. Kerajaan akan memastikan supaya kenaikan kos-kos ini diserapkan seberapa yang boleh oleh pengilang-pengilang dan pengedar-pengedar dan jika tidak boleh, kesan-kenaikan kepada pengguna-pengguna akan dipastikan ke tahap yang minimum. Kenaikan harga barang-barang ini tidak ada kena mengena dengan keriakan gaji kakitangan-kakitangan awam dan swasta baru-baru ini dan juga

bukanlah sesuatu yang dikehendaki oleh Kerajaan. Namun demikian, memang ada peniaga-peniaga yang sememangnya cuba mengaut keuntungan berlebihan dan menaikkan harga apabila mereka tahu bahawa kakitangan Kerajaan akan mendapat tunggakan gaji.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan baru-baru ini menyeru supaya para pengguna terutamanya suri-suri rumah memulaukan barang-barang yang tidak perlu seperti barang-barang makanan dalam tin yang harganya naik ketahap yang tidak berpatutan dan tidak munasabah. Saranan ini bukannya bermaksud memulaukan pembelian semua barang-barang termasuk barang-barang keperluan, tetapi apa yang diharapkan ialah supaya pengguna-pengguna bijak mencari alternatif kepada barangan yang telah naik harganya atau mengurangkan penggunaan sesuatu barangan berkenaan. Kerajaan berharap agar pengguna-pengguna menyambut cadangan ini dengan positif demi untuk kebaikan mereka.

Bagi barang-barang yang amut perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga, mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Siasatan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan,

Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Sungguhpun harga barang-barang ini tidak ditetapkan oleh Kerajaan, harga barang-barang ini wajib diletakkan tandaharga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang-barang wajib diletakkan tandaharga. Di samping itu sebanyak 20 jenis barang-barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang

kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah sebarang aktiviti penyorokan dan penyelewengan bagi maksud spekulasi. Dengan adanya bekalan barang-barang yang mencukupi dipasaran, secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabiikan.

Kerajaan akan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu ini mencukupi dan harganya diletakkan mengikut Penntah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tegas. Dengan adanya tindakan terus menerus sepanjang masa ini, adalah didapati bekalan barang-barang perlu mencukupi dan harganya pada keseluruhannya stabil dan berada diparas yang berpatutan dan munasabah. Kerajaan juga telah mempertingkatkan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga. Pemeriksaan besar-besaran ini telah dilancarkan mulai pada 2 Januari, 1989. Semenjak pemeriksaan besar-besaran ini dilancarkan sehingga 28 Februari 1989 sebanyak 20,142 premis-premis perniagaan, pasar-pasar raya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan telah menghasilkan 190 kes pekedai-pekedai yang tidak meletakkan tandaharga dan 32 kes peniaga-peniaga yang melakukan berbagai penyeiewengan ke atas barang-barang kawalan. Nilai barang-barang yang dirampas dianggarkan kira-kira \$113,663.08. Para peniaga yang terlibat akan dihadapkan ke Mahkamah tidak berapa lama lagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang. Pengguna-pengguna juga mestilah

mengambil peranan yang sama dengan mengamalkan sikap jimat cermat dan hanya membeli barang-barang yang difikirkan perlu sahaja dan memulaukan barang-barang yang tidak perlu. Cara ini adalah sebaik-baik cara untuk mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan harga barang-barang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada telah memperuntukkan hukuman-hukuman yang berat ke atas orang-orang yang melakukan kesaiahan. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengkaji undang-undang dan peraturan-peraturan ini dari semasa ke semasa dan jika perlu akan meminda peruntukan-peruntukan yang didapati tidak begitu berkesan untuk memerangi penyelewengan-penyelewengan ini.

PELABURAN AMERIKA DENGAN ASEAN

26. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian dan usaha Malaysia mengenai rancangan bagi kemungkinan menubuhkan satu 'Majlis San Diego—ASEAN, badan yang dapat menggalakkan lebih dagangan dan pelaburan antara Amerika Syarikat dengan ASEAN.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, dalam hubungan dialog di antara ASEAN dengan Amerika Syarikat, beberapa usaha telah dan sedang diambil oleh ASEAN untuk mempertingkatkan lagi hubungannya dengan Amerika Syarikat. khususnya penekanan di dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat' Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN Yang Ke-3 di Manila dalam bulan Disember 1987 yang lalu di

mana antara lain hubungan di antara Jawatankuasa-Jawatankuasa ASEAN di Negara-Negara Ketiga dengan pihak-pihak swasta di Negara-Negara Rakan Dialog dipertingkatkan.

Dalam usaha ini, Jawatankuasa ASEAN Washington yang dianggotai oleh Duta-Duta Besar ASEAN di Washington, telah melawat beberapa kawasan di Amerika Syarikat untuk memperkenalkan kawasan-kawasan yang berpotensi bagi kepentingan ASEAN, khasnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Semasa lawatan-lawatan tersebut, mereka telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tempatan berkenaan dengan perdagangan dan pelaburan dalam usaha mengenalpasti penubuhan beberapa Majlis di kawasan-kawasan tertentu.

Mengenai Majlis San Diego-ASEAN, saya ingin memaklumkan bahawa ianya adalah dalam proses penubuhan. Dalam usaha ini Duta-Duta Besar ASEAN telah pun membuat lawatan ke San Diego pada bulan Disember, 1988. Hasil dari lawatan ini, Jawatankuasa ASEAN Washington akan mengkaji dan mengemukakan pandangan serta ulasan mengenai penubuhan Majlis San Diego-ASEAN kepada Jawatankuasa Tetap ASEAN untuk pertimbangannya.

Malaysia pada dasarnya menyokong usaha-usaha seperti ini oleh ASEAN, kerana kita yakin bahawa penglibatan sektor swasta dalam proses dialog adalah penting untuk meningkatkan lagi kerjasama di dalam bidang perdagangan dan pelaburan di antara ASEAN dan rakan-rakan dialog, termasuk Amerika Syarikat.

KES KERACUNAN

27. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kesihatan menjelaskan tentang:

- (a) sebab-sebab utama berlakunya kes keracunan yang semakin

meningkat di waktu yang akhir-akhir ini;

- (b) jelaskan juga bilangan kes yang dilaporkan serta jumlah mangsa yang terlibat;
- (c) apakah usaha-usaha Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Chan Siang Sun:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab 'Utama berlakunya kes keracunan yang semakin banyak dilaporkan oleh media massa di waktu yang akhir-akhir ini ialah kerana kesedaran yang meningkat di kalangan media massa dan orang ramai. Jumlah penjaja makanan juga telah berlipat ganda. -Di samping itu, ada pengendali-pengendali makanan yang tidak mengamalkan kebersihan diri; yang mengendalikan makanan dalam keadaan sanitasi yang tidak sempurna; yang mengamalkan pengendalian dan penyimpanan makanan yang tidak memuaskan.
- (b) Sejumlah 69 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 2,219 orang (mangsa) telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1988. Dalam tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari sejumlah 21 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 826 orang telah dilaporkan.
- (c) Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan mempertingkatkan usaha melalui dua strategi, iaitu pelajaran kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan, dan Persatuan-Persatuan Pengguna serta media massa untuk memberi maklumat serta pendidikan kebersihan makanan kepada murid-murid, guru-guru sekolah, pengendali-pengendali makanan dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga telah memberi pendidikan kebersihan makanan kepada ibu-ibu yang datang di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik seluruh negara. Dari segi penguatkuasaan undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ianya memang sentiasa dijalankan oleh Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih ditekankan lagi.

JAWATAN KOSONG—PENGAMBILAN KAEUTANGAN KERAJAAN

28. **Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil pengambilan kakitangan Kerajaan Baru yang dicadangkan baru-baru ini untuk memperluaskan kaedah pengambilan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (b) umur-unsur yang menjatuhkan imej Perkhidmatan Awam;
- (c) laporan mengenai kontroversi struktur susunan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Doto' Dr Mohamad Yucof bin Haji Mohamed Nor;

- (a) Pengambilan kakitangan Kerajaan dilaksana berasaskan kepada keperluannya. Kerajaan hanya akan mengisi jawatan-jawatan kosong seka-

rang jika sekiranya ia boleh meningkatkan kelicinan perjalanan organisasi berkenaan.

- (b) Dari segi tata tertib, perbuatan, tindakan dan tatakelakuan seseorang pegawai awam yang bertentangan dengan peraturan atau undang-undang adalah merupakan unsur-unsur yang boleh menjatuhkan imej Perkhidmatan Awam.
- (c) Matlamat penyusunan semula Struktur Perkhidmatan Pentadbiran ialah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Ada kalangan yang tidak berpuashati dengan kaedah pertukaran perkhidmatan Pegawai Tadbir Am dan pertukaran perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah ke Pegawai Kerani walaupun pertukaran perkhidmatan ini memberi faedah kepada mereka. Kerajaan sentiasa bertindak untuk kepentingan bersama dalam mengkaji kaedah pertukaran perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan.

ZAKAT ATAS CARUMAN KWSP

29. **Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Hajl Abdul Latiff** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak KWSP bercadang membayar zakat ke atas wang caruman ahli-ahli yang beragama Islam seperti yang dibuat oleh LUTH. Kalau ya, bilakah agaknya, kalau tidak apakah halangannya.

Tuan Lohe Yuen Yow: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KWSP tidak membayar zakat ke atas caruman ahli yang beragama Islam. Oleh yang demikian, belum ada usaha-usaha dijalankan bagi mengasingkan caruman

pencarum-pencarum Islam di KWSP. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini cadangan tersebut sedang dikaji oleh Kementerian saya.

(Soalan No. 30. Sila lihat jawapan No. 181)

(Soalan No. 31. Sila lihat jawapan No. 25).

SEKOLAH BANTUAN MODAL

32. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan sekolah bantuan modal yang wujud sekarang mengikut kategori SRJK (C), SRJK (T) dan sekolah mubaligh; dan
- (b) jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi pembangunan sekolah-sekolah tersebut bagi tahun 1986, 1987 dan 1988.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah-sekolah bantuan modal yang wujud sekarang adalah sebanyak 881 dari SRJK (C) dan 389 dari SRJK (T). Dari jumlah 1270 sekolah ini, 212 adalah Sekolah Rendah Mubaligh.
- (b) Jumlah peruntukan bagi pembangunan sekolah-sekolah bantuan modal tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan\$
1986	7.5 juta
1987	2.0juta
1988	2.0juta

Jumlah peruntukan tersebut tidak dibahagi-bahagikan mengikut jenis sekolah. Pemberian peruntukan

bergantung kepada keperluan dan keutamaan sekolah-sekolah berkenaan.

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan No.21).

PENAHANAN Y.B. LIM KIT SIANG DAN Y.B. LIM GUAN ENG

34. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga berapa lamakah Kerajaan bercadang untuk menahan Y.B. Lim Kit Siang dan anaknya Y.B. Lim Guan Eng di Kem Kemuning;
- (b) apakah Kerajaan benar-benar merasa tidak selamat dan terancam dari segi politik dan mental seandainya kedua-dua Y.B. ini dibebaskan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Penahanan Y.B. Lim Kit Siang dan Y.B. Lim Guan Eng di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah bergantung kepada sejauh mana mereka tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.
- (b) Persoalan sama ada Kerajaan merasa tidak selamat dan terancam dibebaskan tidaklah timbul. Ini adalah kerana penahanan mereka adalah semata-mata berdasarkan ancaman terhadap keselamatan negara.

(Soalan No. 35. Sila lihat jawapan No. 8).

**PEMBEBASAN Y.B. LIM KIT
SIANG DAN Y.B. LIM GUAN
ENG**

36. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah dicadangkan pembebasan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat serta Ahli Parlimen Kawasan Tanjung, Y.B. Lim Kit Siang dan Ahli Parlimen Kawasan Kota Melaka, Y.B. Lim Guan Eng dari tahanan selanjutnya yang tidak adil di Kem Tahanan Kamunting di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang tidak berperikemanusiaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pembebasan seseorang yang telah ditangkap dan ditahan di bawah peruntukan pencegahan di bawah Akta Kesetamatan Dalam Negeri, 1960 adalah tertakluk kepada sama ada ianya masih merupakan ancaman kepada keselamatan negara atau sebaliknya.

Dalam hubungan ini, Y.B. Lim Kit Siang dan Y.B. Lim Guan Eng akan dibebaskan apabila Kerajaan berpuas hati mereka tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan negara.

**BUKU TEKS YANG BERTEN-
TANGAN DENGAN ISLAM**

37. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa terdapat baru-baru ini buku-buku teks yang telah dibekalkan untuk Sekolah Rendah yang mengandungi ajaran salah dan bertentangan dengan Islam, iaitu buku yang mengandungi cerita "Kematian Pak Ngah", tidakkah pihak Kementerian mempunyai satu Bahagian "Kajian dan Penyelidikan" sebelum buku-buku itu diedar untuk menjadi bahan bacaan di sekolah-sekolah dan sekiranya ada mengapakah perkara sebegini boleh berlaku.

Toan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku-buku yang mengandungi fakta-fakta yang salah serta bertentangan dengan ajaran Islam tersebut bukanlah merupakan buku teks yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, tetapi adalah merupakan buku bacaan tambahan KBSR bagi SRJK (C) dan SRJK (T) yang diterbitkan oleh penerbit swasta bagi pasaran terbuka. Kementerian telah pun mengarahkan supaya penggunaan buku ini dihentikan dengan serta merta. Pihak penerbit berkenaan telah meminta maaf secara terbuka atas kesalahan tersebut melalui akhbar Berita Harian pada 18 Januari, 1989.

**PEPERANGAN IRAN-IRAQ—
PENYELESAIAN**

38. Dato' Haji Mohd Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Malaysia untuk membantu negara Iran berbaik-baik semula dengan Negara Iraq dan adakah Malaysia yakin akan mendapat kejayaan apabila Malaysia telah gagal melalui OIC untuk mendamaikan kedua-dua Negara Islam itu yang sudah sembilan (9) tahun berperang dan bermusuhan-musuhan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, peperangan yang sengit di antara Iran dan Iraq yang bermula pada bulan September 1980 telah berhenti ekoran daripada penerimaan oleh Iran Resolusi 598, Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 Julai, 1988. Sejak dari tarikh ini, kedua-dua negara telah mengadakan perbincangan secara terus anjuran Setiausaha Agong PBB. Isu-isu terpenting berkaitan dengan gencatan senjata masih lagi dalam rundingan, dan kita yakin satu penyelesaian akan dicapai.

Usaha untuk mencari pendamaian Iran-Iraq bukanlah terhad kepada usaha satu negara atau kumpulan

sahaja, malah ianya diusahakan oleh beberapa pihak seperti PBB OIC, Negara-negara. Berkecuali, Ketua-Ketua Negara tertentu dan kumpulan-kumpulan serantau lain. Usaha-usaha mereka semua telah dapat membawa Iran dan Iraq kepada meja rundingan yang bermula di Geneva pada 25 Ogos 1988. Malaysia telah terlibat secara langsung dalam usaha ini semasa kita dipilih menjadi anggota Jawatankuasa Pendamaian Islam anjuran OIC. Walaupun usaha Jawatankuasa ini tidak dapat menghasilkan satu pendamaian seperti diharapkan namun demikian ia dapat merintis jalan untuk kumpulan-kumpulan lain menyambung usaha-usaha ini. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain telah juga menggunakan PBB supaya berusaha mencari pendamaian. Hasilnya telahpun dapat kita lihat.

Malaysia mengamalkan dasar berkecuali dalam persengketaan di antara Iran dan Iraq, dan kita mempunyai hubungan baik dengan kedua-dua negara tersebut. Adalah menjadi hasrat kita supaya kedua-dua negara ini dapat berbaik-baik semula, bukan sahaja untuk membolehkan mereka membangun semula ekonomi mereka yang telah banyak terjejas akibat peperangan, tetapi juga untuk keamanan serta keselamatan dirantau itu. Malaysia akan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala dengan mereka.

(Soalan No. 39. Sila lihat jawapan No. 18)

JEMAAH KABINET—MEMBELI SAHAM PELABURAN

40. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada wujudnya suatu perintah Jemaah Kabinet menghalang semua ahli-ahli Jemaah Kabinet dan kakitangan Kerajaan dari membeli saham-saham termasuk pembelian saham-saham spekulasi di bursa saham dan

sekiranya terdapat orang-orang berkenaan mengingkari perintah ini, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pada amnya, para Anggota Pentadbiran dan kakitangan Kerajaan tidak dilarang daripada membeli apa-apa saham untuk tujuan pelaburan. Walau bagaimanapun, para Anggota Pentadbiran dan kakitangan Kerajaan adalah dilarang sama sekali daripada menjual beli saham untuk tujuan spekulasi. Larangan bagi para Anggota Pentadbiran termaktub di bawah Tanggungjawab dan Tata Kelakuan Para Anggota Pentadbiran.

Larangan ke atas kakitangan Kerajaan pula dibuat di bawah Perintah Am 14, Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata Tertib) (Bab D) 1980. Sekiranya kakitangan Kerajaan didapati melanggar peraturan tersebut maka tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mereka, yang boleh mengakibatkan dikenakan hukuman sehingga dibuang kerja atau hukuman-hukuman lain yang lebih ringan.

KEMATIAN AKIBAT BANJIR

41. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah kematian akibat banjir di seluruh negara pada tahun 1987 dan 1988. Berapakah yang kehilangan rumah dalam tempoh yang sama dan apakah rancangan-rancangan yang diperkenalkan oleh Kementerian beliau supaya dapat bersedia menghadapi musim banjir di masa depan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jumlah kematian akibat banjir pada tahun 1987 dan 1988 adalah seramai 55 orang. Manakala jumlah yang kehilangan rumah dalam tempoh yang sama ialah 1,206 orang.

Rancangan persediaan Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi menghadapi banjir adalah seperti yang berikut:

- (a) mengenalpasti pusat pemindahan di semua negeri dan daerah supaya dapat digunakan untuk mangsa banjir;
- (b) mengenalpasti pengkalan hadapan di negeri-negeri pantai timur dan membekalkannya dengan beras, makanan kering dan barang-barang keperluan lain supaya dapat menggunakannya apabila diperlukan;
- (c) mengenalpasti pembekal makanan dan barang-barang keperluan lain supaya ia mudah diperolehi semasa kecemasan;
- (d) mengenalpasti pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah yang dapat memberi khidmat sokongan seperti memasak dan menyediakan makanan;
- (e) mengenalpasti tenaga sukarela dari kumpulan/persatuan dan individu yang dapat menolong Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat mengendalikan pusat-pusat pemindahan; dan
- (f) menyediakan bantuan pemuliharaan bagi mangsa-mangsa banjir apabila mereka kembali ke rumah masing-masing daripada pusat-pusat pemindahan.

(Soalan No. 42. Sila lihat jawapan No. 18)

(Soalan No. 43. Sila lihat jawapan No. 16)

MAKANAN BERACUN— PEMERIKSAAN

44. Tuan Haji Mohamad Haji Isa minta Menteri Pertanian menyatakan akhir-akhir ini didapati ramai orang

telah dirawati kerana bahan makan beracun, terutamanya sayuran yang mempunyai lebih kimia; apakah langkah Kementerian untuk mengelakkan supaya petani-petani tidak menggunakan bahan-bahan kimia sayuran berlebihan supaya tidak menjadi satu bebanan kepada pengguna/penjual sayuran; dan adakah pihak penguatkuasa kesihatan memeriksa sayuran-sayuran yang dipasarkan itu sebelum dijual.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Pertanian untuk memastikan penanam-penanam tidak menggunakan racun serangga atau racun perosak lain yang berlebihan ialah seperti berikut:

Pegawai pengembangan dari Jabatan Pertanian sentiasa melawat penanam sayur dan buah-buahan, untuk menasihatkan mereka supaya mengikut cara-cara yang betul dan selamat semasa menggunakan racun perosak. Penanam dimaklumkan tentang kepentingan mengikut kadar yang disyorkan di label racun perosak serta mengikut tempoh menunggu selepas semburan terakhir sebelum mengutip hasil, supaya paras sisabaki racun dalam hasil mereka tidak tinggi.

Beberapa sesi dialog dan ceramah dengan penanam sayur dan buah-buahan, telah diadakan untuk mengetahui masalah penanam supaya bantuan dan latihan boleh diberi. Di sesi-sesi ini, Pegawai Pengembangan juga mengambil peluang menekankan kepada penanam kesan-kesan buruk yang boleh berlaku jika hasil mereka dicemari dengan sisabaki racun perosak. Sesi dialog dan ceramah ini akan diteruskan di kawasan petani-petani.

Bingkisan-bingkisan, poster dan risalah juga telah diedar kepada penanam untuk memaklumkan mereka

tentang cara-cara mengguna racun perosak secara betul dan selamat.

Analisa sisabaki racun perosak di dalam sayur-sayuran dan buah-buahan dijalankan di Makmal Sisabaki, Jabatan Pertanian. Keputusan analisa dihantar kepada Pegawai Pengembangan untuk dimaklumkan kepada penanam yang terlibat. Keputusan analisa dihantar kepada Pengawal Pengembangan untuk dimaklumkan kepada penanam yang terlibat. Keputusan analisa juga dihantar kepada Kementerian Kesihatan, yang bertanggungjawab mengawal sisabaki racun perosak di dalam makanan iaitu di bawah Akta Makanan 1983.

Satu sistem menanda bakul sayur telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Pertanian bagi semua sayur-sayuran dari Cameron Highlands yang akan dieksport ke Singapura. Sistem ini akan diperluaskan kepada eksport ke Singapura. Sistem ini akan diperluaskan kepada eksport sayur-sayuran dari tempat lain tidak lama lagi. Tujuan sistem menanda bakul ini ialah untuk mengenalpasti penanam-penanam yang telah mengguna racun perosak dengan cara tidak betul.

Kajian kemujarapan dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk memastikan bahawa racun perosak yang didaftarkan adalah berkesan ke atas perosak sasaran. Berkenaan dengan kawalan sisabaki racun perosak di dalam makanan, ini adalah di bawah Akta Makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Analisa sayur-sayuran mengambil masa yang panjang, dan oleh sebab sayur-sayuran tidak boleh tahan lama, analisa ini biasanya tidak sempat diselesaikan sebelum sayur-sayuran tersebut dijual. Walau bagaimanapun, penjual sayur-sayuran yang didapati dicemar

dengan sisabaki racun perosak boleh didakwa di bawah Akta Makanan, selepas keputusan analisa diperolehi.

KADAR INFLASI

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi bagi bulan-bulan Januari 1988 ke Disember 1988, Januari 1989 dan Februari 1989, sebab-sebab kenaikannya dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawalnya.

Tuan Loke Yuen Yow: Kadar indasi bagi bulan Januari hingga Disember 1988 adalah seperti berikut:

	Kadar Pertumbuhan Angkatunjuk Harga Pengguna
Januari ..	1.4 peratus
Februari ..	1.4 peratus
Mac..	1.7 peratus
April	1.7 peratus
Mei ..	1.7 peratus
Jun ..	1.8 peratus
Julai	2.0 peratus
Ogos	2.1 peratus
September	2.3 peratus
Oktober ..	2.4 peratus
November	2.4 peratus
Disember	2.5 peratus

Kadar inflasi bagi bulan Januari dan Februari 1989 dianggarkan di antara 2.5 peratus-2.6 peratus.

Kenaikan harga barang-barang keperluan sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Sebahagian besarnya ialah peeningkatan harga barang-barang yang diimport oleh kerana peningkatan nilai matawang rakan dagangan utama Malaysia seperti Jepun, United Kingdom, Jerman Barat dan lain-lain berbanding dengan dolar Amerika Syarikat. Keadaan ini bersama dengan nilai ringgit yang rendah menjadikan kos import

menjadi lebih tinggi. Di samping itu terdapat peningkatan permintaan dalam negeri oleh kerana kuasa beli pengguna-pengguna meningkat selaras dengan pemulihan ekonomi negara. Seterusnya ada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang berikutan daripada kenaikan gaji pekerja-pekerja di dalam sektor awam dan swasta.

Walaupun kadar inflasi telah meningkat dalam tahun 1988, namun pada keseluruhannya, kadar ini masih lagi rendah. Bagi memastikan keadaan ini terkawal, Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan bekalan barang-barang keperluan dalam negeri agar ia sentiasa mencukupi. Di samping itu Kerajaan akan terus mengadakan pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan lagi untuk memastikan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Kerajaan juga sedang menggalakkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana meningkatkan aktiviti ekonomi mereka agar dapat menambah bekalan barang-barang keperluan dalam negeri. Di samping itu pihak-pihak pengimport juga diseru agar mengubah import mereka daripada punca-punca yang mempunyai kos tinggi kepada punca-punca yang lebih murah dan dengan ini dapat mengurangkan tekanan-tekanan inflasi.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988)1989

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi

memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PEMERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob); Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Dalam Negeri mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal

Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang di bawah nama Menteri Datang Negeri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.41 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda di Persidangan Parlimen Ketujuh ini, penggal yang ketiga, pada hari semalam 6hb Mac, 1989. Teks usul saya adalah seperti berikut:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat, mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh' ".

Tuan Yang di-Pertua, Izinkanlah saya menyatakan di sini bahawa di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kedelapan, negara mengalami banyak peristiwa-peristiwa sejarah yang akhirnya membawa kepada kemakmuran ekonomi, kestabilan politik dan kesejahteraan sosial. Di zaman pemerintahan Tuanku selama lima tahun ini suatu transformasi struktur-struktur ekonomi dan politik

ke arah suatu sistem yang akan menyegerakan pencapaian matlamat suatu Bangsa Malaysia yang hidup bersatu padu, makmur dan sejahtera telah berlaku.

Di bawah nauangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menanamkan suatu lagi tunjang ekonomi negara di dalam bentuk pembangunan sektor industri yang pesat di samping sektor pertanian dan sektor komoditi utama yang sedia maju. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini akan membolehkan pengagihan kekayaan negara secara meluas dan menyeluruh. Penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) akhir-akhir ini akan mempergiatkan lagi penglibatan perancangan pembangunan ekonomi negara. Di samping itu MPEN merupakan suatu forum yang khusus untuk semua golongan rakyat Malaysia mengartikulasikan kepentingan ekonomi masing-masing dengan lebih berkesan. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang bukan sahaja menunjukkan tahap kearifan yang tinggi, malah bersedia melakukan inovasi demi inovasi untuk kepentingan rakyat dan negara yang tercinta ini. Penubuhan MPEN ini adalah merupakan suatu inovasi yang penting di dalam sistem politik negara. Jarang terdengar di lain-lain negara di dunia ini suatu forum serupa ini ditubuh. Pada pendapat saya, inilah suatu peristiwa sejarah yang paling significant yang berlaku di zaman pemerintahan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Kedelapan.

Berasaskan pembangunan ekonomi dan politik yang pesat dan sihat ini, suatu order baru sosial negara diharapkan akan muncul. Penggerakan kemunculan order sosial ini mestilah diinisiatifkan dan diawasi oleh Kerajaan di mana perlu supaya

terkikislah akhirnya segala benteng-benteng pemisahan dan prejudis yang masih wujud di antara kaum dan golongan rakyat negara ini. Di atas platform order sosial negara yang baru ini, barulah sistem nilai Bangsa Malaysia bercambah dan akhirnya menjelmalah suatu kebudayaan bangsa yang jitu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi kelmarin persoalan ekonomi merupakan persoalan tunggak yang menjadi asas kepada usaha-usaha pembinaan negara seterusnya. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dari setahun ke setahun membolehkan Kerajaan mengagihkan kekayaan negara mengikut kaedah-kaedah yang telah dipersetujui dan dilulus oleh Dewan ini di dalam bentuk Dasar Ekonomi Baru. Tanpa pertumbuhan yang pesat, pengagihan kekayaan negara akan terbantut dan lantas akan timbul isu-isu sosial dan politik yang mengugut keutuhan negara kita. Gejala ini telah kita lihat apabila pertumbuhan KDNK pada tahun 1985 sehingga 1986 hanyalah pada tahap 1% hingga 4% sahaja. Akibat dari kelembapan ekonomi dunia yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara secara negatif pada awal 1980an kumpulan-kumpulan rakyat yang mengartikulasikan kepentingan politik dan sosial masing-masing mulai merasa resah. Dasar Ekonomi Kerajaan yang ada iaitu Dasar Ekonomi Baru mula dipersoalkan secara terbuka, bukan mengenai keadilannya, tetapi mengenai cara dasar ini diimplementasikan.

Tuan Yang di-Pertua, reaksi sosial dan politik terhadap perkembangan ekonomi yang lembab yang berlaku itu adalah suatu perkara yang natural. Semenjak masyarakat manusia wujud di muka bumi ini begitulah caranya manusia bertindak. Apabila hasil buruan lumayan ahli-ahli dalam

kumpulan manusia kuno yang memilikinya itu tidaklah berebut-rebut untuk mendapat bahagian masing-masing. Tiap-tiap orang pasti akan mendapat habuan yang lebih dari cukup untuk menampung kehendak asasnya. Malah di dalam keadaan begini kalau ada segelintir ahli-ahli kumpulan itu mendapat habuan yang jauh melebihi habuan lain-lain ahli-ahlianya tidak diperdulikan dan tidak menjadi isu. Tetapi apabila hasil buruan itu kurang dan kemungkinan tidak dapat memastikan bahawa tiap-tiap ahli akan mendapat habuan yang mencukupkan kehendak asas, maka akan timbullah reaksi perebutan. Perebutan ini merupakan ciri-ciri ekonomi politik atau dengan izin, political economy, awalan yang mencorak bentuk kumpulan manusia itu. Pengurusan pengagihan hasil inilah yang menjelmakan proses ekonomi politik masyarakat manusia. Ketua-ketua kumpulan manusia yang berkenaan itu perlu menunjukkan kebolehan membahagikan hasil-hasil yang sedikit tadi secara adil yakni secara memenuhi kehendak semua.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan pembahagian hasil-hasil ini tidaklah semestinya bermakna bahawa tiap-tiap ahli itu mendapat sama banyak. Permulaan keadilan ini ialah bahawa tiap-tiap ahli itu mendapat habuan sekurang-kurangnya pada tahap kehendak asas. Selepas itu faktor-faktor lain akan menentukan banyak mana tokoh tambah yang tiap ahli itu mendapat. Faktor-faktor ini termasuklah sumbangan-sumbangan tertentu tiap-tiap ahli itu kepada kehidupan kumpulan masyarakat yang berkenaan. Kemahiran pembahagian yang ditunjukkan oleh ketua-ketua kumpulan inilah yang akan menentukan keutuhan masyarakat itu dan seterusnya yang akan menentukan ketua-ketua itu berterusan menjadi ketua. Inilah asas political-economy yang menjadi penentu masa depan negara kita pada masa ini. Semenjak

merdeka negara kita diberi nikmat oleh Allah s.w.t. dengan tahap pertumbuhan ekonomi yang tinggi melalui peningkatan dan ketinggian harga komoditi kita seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit. Dan di tahun-tahun tujuh puluhan kita diberi nikmat lagi di dalam bentuk petroleum yang harganya mencapai tahap yang tinggi. Inilah masanya kelabaan negara cukup meningkat. Kerajaan Perikatan dan selepas itu Kerajaan Barisan Nasional tidak perlu sangat kepada kemahiran pembahagian kekayaan negara pada masa itu. Hasil negara adalah lebih dari mencukupi untuk kehendak semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan mewah ini tidak kekal selamalamanya. Apabila harga komoditi utama yang saya sebut tadi mula menurun pada pertengahan 1970an, kita terjerat dengan pergantungan yang terlampau kepada kuasa pasaran dunia di mana semua komoditi utama kita itu dijual. Sektor industri kita tidak begitu pesat membangun kerana kita dilekakan oleh harga komoditi yang tinggi. Malah pada masa itu sesiapa yang mencadangkan pembangunan industri yang comprehensive. Perundangan mengenai perindustrian termasuk pelaburan, pemindahan teknologi, dasar penggunaan Kabinet dipecat kerana berkeras hendak mendirikan kilang baja urea. Tetapi pada akhir tahun 1980an kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional telah mewujudkan dasar pembangunan industri yang comprehensive. Perundangan mengenai perindustrian termasuk pelaburan, pemindahan teknologi, dasar tenaga buruh, penggunaan bahan-bahan tempatan, percukaian dan lain-lain, diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Hasilnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah suatu pertumbuhan sektor industri yang pesat. Pencapaiannya melebihi kadar suatu pertumbuhan yang sangat tinggi dibandingkan dengan negara-negara membangun lain di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kebijaksanaan perancangan dan penyenggaraan pembangunan sektor industri oleh Kerajaan inilah yang pada masa ini membawa kepada transformasi struktur ekonomi negara kita, Transformasi dari pergantungan yang terlampau kepada sektor komoditi utama kepada perkembangan sektor industri menjadikan kekayaan negara yang berlebihan. Sektor kecil pembuatan dan pengilangan merupakan teras pembangunan sektor industri kita dengan kadar pertumbuhannya 11% tahun sudah. Melalui sektor kecil ini nilai pertambahan hasil pertanian, sektor komoditi utama dan penggunaan tenaga buruh yang cekap akan membawa kepada pencapaian tahap produktiviti yang tinggi. Ini tentu sekali akan mengukuhkan tapak pertumbuhan ekonomi negara. Sektor kecil perdagangan dan perkhidmatan di dalam sektor industri, telah juga menunjukkan kadar pertumbuhan yang pesat.

Di samping itu sektor pertanian sedang dibangun dengan pesatnya sebagai asas dan penyokong kepada pertumbuhan industri. Bil import bahan makanan sedang dikurangkan dari angka \$3,000 juta setahun dengan jayanya melalui program penggantian yang menyeluruh.

Gejala-gejala positif ini dengan disertai oleh dasar kewangan yang realistik yang dianuti oleh Kerajaan pada masa ini merupakan suatu hakikat pembangunan yang menjanjikan masa depan yang cerah untuk negara kita, insya Allah.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kelabaan lumayan yang akan kita dapati, kita tidak boleh lagi menganuti cara pengagihan kekayaan ini seperti di zaman lumayan sebelum tahun 70an dulu. Cara pengagihan di bawah Dasar Ekonomi baru yang dimulakan pada tahun 1970 dulupun perlu diperbaiki.

Strategi serampang dua mata DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penghapusan pengkhususan ekonomi mengikut batasan kaum perlu dikekalkan.

Apa yang perlu dilakukan ialah memperkemaskan lagi machinery pengagihan supaya pendapatan kumpulan rakyat 25% terbawah dinaikkan kepada tahap yang lebih substantive. Mungkin penggunaan 25% atau quartile yang terbawah adalah terlalu optimis. Saya cadangkan diambil dahulu kumpulan 10% atau decile yang terbawah supaya keupayaan pengurusannya tidak tertinggal dengan sasaran yang begitu tinggi. Lokasi di mana tertumpunya kemiskinan 10% ke bawah ini perlu dikenali dan tindakan yang comprehensive diambil.

Apa yang saya maksudkan dengan istilah comprehensive ialah masalah kemiskinan ini diselesaikan satu persatu di lokasi berkenaan. Contohnya, jikalau sesuatu kumpulan kampung dikenali sebagai kawasan miskin, langkah pertama ialah menentukan bahawa akibat kemiskinan yang mengurangkan kekuatan tenaga kerja dan tenaga berfikir penduduk-penduduk miskin itu mesti diatasi. Program-program amalan makanan dan pemakanan dan kesihatan yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini tidak mencukupi untuk mengatasinya. Program-program ini perlu dikemaskinikan dengan melebihi, mempertubi dan meluaskannya di lokasi ini. Dan program-program ini perlu dijalankan secara berterusan. Saya menyebut tentang pentingnya soal makanan dan pemakanan ini kerana masih banyak lagi rakyat kita yang mengalami kekurangan zat makanan.

Langkah kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah menentukan bahawa sumber-sumber pendapatan kumpulan sasaran ini adalah dari jenis yang menjamin pendapatan berterusan.

bukan pendapatan bermusim. Hasil-hasil yang disuruh mereka keluarkan biarlah dari jenis yang mempunyai permintaan berterusan di pasaran, dan yang mempunyai income elasticity of demand, dengan izin, yang tinggi, bukan setakat mengeluarkan barangan tradisional seperti beg mengkuang, kerusi rotan, dan penyangkut baju dari kayu saja. Biarlah hasil keluaran mereka dipasarkan di dalam pasaran industri negara. Ini bererti bahawa satu kaitan pembangunan industri negara yang menjalar ke desa perlu diwujudkan.

Kalau perlu tenaga buruh dari lokasi miskin ini dibawa ke bandar di mana pembangunan industri sedang berlaku dengan pesatnya. Ini akan memulakan proses pembangunan di dalam strategi kedua iaitu penghapusan pengkhususan ekonomi mengikut batasan kaum. Penghijrahan penduduk lokasi-lokasi miskin yang majritinya di luar bandar, ke bandar, akan membawa kepada pencapaian matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa depan ekonomi negara adalah tertumpu di kawasan bandar kerana industri kebanyakannya terletak di bandar. Penyelesaian kemiskinan di kalangan penduduk miskin perlu dibuat di dalam konteks sektor industri yang bertempat di bandar. Potensi pertanian di negara kita tidaklah setinggi yang dapat mempertahankan tahap pendapatan yang lumayan apabila tekanan penduduk di atas tanah pertanian meningkat dari setahun ke setahun. Di dalam kejayaan kita meningkatkan produktiviti pertanian pada masa ini kita tidak harus lupa bahawa had pertumbuhan ekonomi pertanian di mana-mana sahaja di dunia ini adalah bergantung kepada pembangunan teknologi yang pasti tidak dapat menghambat kadar pertumbuhan penduduk. Oleh itu, di samping kita membangunkan sektor pertanian, janganlah kita romantisasikannya.

Strategi yang patut dianuti ialah mengurangkan nisbah tenaga buruh kepada tanah dan menolakan tenaga buruh yang berlebihan ke dalam sektor industri yang tertumpu di bandar.

Apa yang-saya maksudkan dengan istilah bandar ialah kawasan-kawasan kependudukan seperti pekan-pekan yang diasaskan kepada aktiviti industri. Banyak di antara pekan-pekan kita pada masa ini selain dari Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur adalah bcrasaskan kepada aktiviti pentadbiran dan perdagangan semata-mata. Oleh itu patut sangatlah pekan-pekan yang ada pada masa ini disediakan dan ditambahkan lagi dengan infrastruktur-infrastruktur industri. Pelan Induk Pembangunan Perindustrian Negara yang mencartakan serambi-serambi pembangunan industri negara 'tidak begitu mengambil berat tentang perangkuman bandar-bandar kecil di wilayah-wilayah miskin seperti di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu ke dalam jaringan serambi-serambi ini. Pelan Induk ini hanya menumpukan kepada kawasan-kawasan yang sedia mempunyai infrastruktur perindustrian di pantai barat Semenanjung saja. Jikalau di Sarawak dan di Sabah, saranan saya ini boleh ditangkis dengan hujah-hujah bahawa kepadatan penduduk tidak menyumbang kepada kuantum yang kritikal untuk pembangunan bandar dan industri, hujah ini tidak boleh ditangkis untuk wilayah-wilayah miskin yang saya sebut tadi. Ini ialah kerana di sini kepadatan penduduk di pekan dan di desa sekitarnya adalah cukup. Hanya yang tidak ada ialah peluang pembangunan industri sahaja. Itulah yang menyebabkan mereka miskin terus kerana asas ekonomi pertanian mereka tidak berupaya mengatasi masalah ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan supaya pembangunan industri negara mesti menjadikan

pembangunan perbandaran sebagai satu elemen yang integral di dalamnya. Jikalau ini dapat dicapai, kedua-dua serampang di dalam strategi Dasar Ekonomi Baru akan berkesan dan membawa kepada pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat secara sekaligus.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang ada pada masa ini adalah satu guideline yang cukup baik dan realistik. Sebagaimana yang saya sebut di awal ucapan saya tadi, hanya yang dipersoalkan ialah cara penyenggaraannya. Setiap orang yang meneliti perancangan negara ini betul-betul akan mendapati bahawa usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bukanlah dihadkan kepada jangka masa 20 tahun. Hanya perlu diteruskan selagi kepincangan sosial dan ekonomi yang bermula dari dasar kolonia! British itu masih wujud. Pencapaian 30% pemilikan Bumiputera ke atas kekayaan koporat bukanlah satu angka yang muktamad.

Angka 20 tahun dan 30% ini adalah merupakan angka petunjuk di dalam rangka pelan perspektif Dasar Ekonomi Baru ini. Mereka menunjukkan prestasi yang dikehendaki dalam dasar itu.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang dari semua lapisan masyarakat tersalah anggap, lantas menyifatkan angka-angka ini sebagai angka muktamad. Anggapan yang salah inilah yang menimbulkan banyak isu khususnya mengenai penghapusan Dasar Ekonomi Baru itu sendiri. Siapakah yang boleh mempertikaikan cita-cita murni Dasar Ekonomi Baru khususnya ke atas strategi serampang dua mata itu.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang baru-baru ini ditubuhkan oleh Kerajaan perlu menganuti perspektif ini. Apakah

nama Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990 tidak menjadi soal. Yang menjadi soal pada masa ini ialah, masih ada lagikah objektif-objektif murni yang perlu ditambah kepada apa yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru itu? Jikalau tidak, apakah isu yang penting yang patut diketengahkan untuk perdebatan dan kata sepakat dicapai?

Saya menyeru MPEN supaya betul-betul menjalankan kerjanya mengikut kerangka (parameters) yang telah diterima sebagai asas kewujudan negara Malaysia yang kita cintai ini. Persoalan-persoalan ke atas asas-asas kerangka ini tidak patut dibangkitkan lagi. Apa yang patut diteliti dan digubal semula ialah cara-cara penyenggaraan dasar-dasar murni yang telah kita wujudkan bersama itu.

Tuan Yang di-Pertua, kefahaman ke atas realiti ekonomi yang menjadi tunggak pembinaan negara kita di kalangan semua kaum perlu dipupuk. Pupukan ini mestilah bermula di kalangan parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan sosial yang mewakili kepentingan kaum masing-masing. Perjuangan politik mengikut kepentingan kaum di negara kita ini adalah merupakan suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan selagi pengkhususan sektor ekonomi adalah mengikut kaum. Strategi menyusun semula masyarakat Malaysia yang disarankan oleh Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mencapai objektif menghapuskan pengkhususan ini. Pengintegrasian pembangunan industri dan pembangunan perbandaran yang saya sebut tadi adalah cara utama untuk mencapai objektif ini.

Di dalam pada itu MPEN seharusnya memandang jauh kedepan sebagai mengantisipasi isu-isu yang akan timbul hasil dari penyusunan semula masyarakat yang sedikit sebanyak telah tercapai selepas DEB terlaksana selama 19 tahun yang lalu. Misalnya, dengan penghijaran

kaum Bumiputera dari desa ke bandar maka akan wujud suatu masyarakat pekerja industri yang besar terdiri dari semua kaum di negara ini. Percampuran di antara kaum-kaum ini lama kelamaan akan memadamkan sempadan-sempadan perkauman di negara ini. Mungkin ini tidak akan berlaku dalam generasi ini, tetapi lambat-laun ianya akan menjadi hakikat sebenar.

Oleh itu, perakuan-perakuan MPEN mesti mengambil berat tentang faktor buruh industri, khususnya di dalam soal-soal trade unionism. Pergerakan trade unionism perlu diambil perhatian secara lebih meluas kerana di suatu masa nanti ianya akan merupakan suatu penggerak yang paling kuat kepada pembangunan industri negara.

Di peringkat pembangunan sektor industri yang matang, yang mungkin kita capainya di dalam satu dekad lagi, masyarakat pekerja industri akan menjadi satu kelas pekerja yang bukan sahaja merupakan pengeluar barangan siap dan perkhidmatan ekonomi, malah ianya akan merupakan masyarakat pengguna yang besar. Sebahagian besar kuasa pasaran tempatan adalah di dalam tangan mereka. Oleh itu, di samping kita mahukan produktiviti yang tinggi dari mereka, kita wajib membolehkan mereka menikmati hasil kekayaan negara. Pada hakikatnya dua faktor ini adalah sama-sama pengaruh dan mempengaruhi yang lain. Dengan ungkapan yang mudah, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana masyarakat pekerja yang menerima pendapatan tinggi dan kebajikan sosial yang cukup akan tahap produktiviti yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tercapainya apa yang saya katakan tadi, Insya Allah negara kita akan berubah corak politiknya. Pada masa ini kita terpaksa memberatkan kepentingan kaum masing-masing dan perpaduan di dalam bentuk Barisan Nasional adalah sebaik-baiknya.

Mana-mana parti politik yang cuba membelakangkan ini telah mengalami kegagalan. Dan mana-mana parti politik yang mendakwa mereka tidak berjuang mengikut aliran perkauman dan seterusnya mendapat kejayaan, adalah sebenarnya mengeksploitasikan sentimen perkauman lebih daripada parti-parti politik yang mengikut aliran kaum. Inilah kenyataan politik negara pada masa ini, yang kita harap akan terkikis apabila keadilan ekonomi dan sosial tercapai.

Kita mengharap dan mendoakan agar MPEN akan mencapai objektif-objektifnya tanpa terlalu banyak berpolitik. Untuk mengurangkan politicking di dalam MPEN, ahli-ahlinya mesti memahami parameter dan faktor-faktor persetujuan asas apabila negara ini dibentuk dahulu. Matlamat akhir ialah pembentukan suatu bangsa Malaysia yang bersatupadu berlandaskan kepada keadilan sosial dan berasaskan kepada Rukunegara.

Ekoran dari harapan kita kepada suatu bangsa Malaysia yang bersatupadu dan gigih ini segala pertumbuhan-pertumbuhan sosial mestilah melibatkan pengambilan bahagian oleh semua kaum yang ada pada mana-mana lokasi kependudukan yang berkenaan. Kerajaan sepatutnya mewujudkan suatu sistem penggalakan yang lebih berkesan di dalam bidang ini. Satu contoh baik yang boleh disebutkan di sini ialah persatuan bomba sukarela yang mempunyai objektif dan aktiviti yang sungguh murni. Walaupun masyarakat Tionghua di pekan-pekan kecil yang memeluporinya dan sehingga kini dianggotai oleh orang-orang Tionghua sahaja adalah lebih baik dibuka keanggotaannya kepada semua kaum di sekitar pekan-pekan kecil itu. Gerakan persatuan ini berasaskan kepada kehendak survival dan keselamatan yang paling asas. Ianya tidak mengenal perbatasan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan-pertubuhan sosial yang melibatkan semua kaum yang menjadi rakyat negara ini perlu digalakkan. Pengikisan batasan ekonomi mengikut kaum dan penjelmaan kesedaran politik penyatuan kaum adalah dua faktor dahulu dengan izin, antecedent, Sebelum tercapainya pertubuhan-pertubuhan sosial yang sedemikian. Tetapi walaupun dua faktor dahulu ini masih di dalam proses pembinaan tidak semestinya usaha-usaha ke arah mencapainya tidak boleh dimulakan. Di dalam contoh yang saya sebutkan tadi, Kerajaan boleh menggalakan penerimaan orang-orang bukan Cina memasukinya dengan insentif-insentif tertentu. Misalnya, cukai tanah dan cukai pintu rumah atau station persatuan bomba sukarela itu boleh dimansuhkan andainya penglibatan 50% orang-orang dari kaum-kaum lain dicapai.

Bentuk dan corak insentif-insentif lain boleh diwujudkan untuk organisasi-organisasi sosial yang lain, seperti kelab-kelab, persatuan sukan dan persatuan kebudayaan. Pada pendapat saya di bidang sosial inilah Kerajaan akan dapat mencorak dan mengawal aliran-aliran yang dicita-citakan dengan paling senang. Melalui sistem persekolahan, pergerakan belia dan beliawanis, sukan dan budaya yang mempunyai unsur-unsur pembelajaran dan recreational, Kerajaan dengan mudah memupukkan semangat perpaduan, persefahaman dan patriotism. Inilah permulaan nilai-nilai demokratik, toleransi, penghormatan kepada undang-undang dan patriotism yang kita cita-citakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala apa yang saya gariskan dari transformasi struktur ekonomi dan struktur politik kepada penjelmaan order sosial

baru adalah semuanya menyumbangkan kepada pembinaan kebudayaan kebangsaan. Perbincangan kebudayaan kebangsaan menjadi rancak tidak berupa lama dulu sehingga menjadi suatu polemik baik di luar maupun di dalam Dewan yang mulia ini. Perbincangan! dan perdebatan mengenai hal ini banyak menyerlah ketidak fahaman terhadap apa itu yang diertikan sebagai kebudayaan.

Kebudayaan itu adalah perangkuman keseluruhan cara hidup sesuatu bangsa atau kaum yang bermula dengan aktiviti ekonomi, politik dan sosial. Tunjang mana-mana kebudayaan ialah sistem nilainya yakni pernyataan prinsip-prinsip dan pandangan hidup baik di dalam bentuk jasmani mahupun rohani yang menjamin kehidupan kesejahteraan sesuatu bangsa dan kaum yang berkenaan. Sistem nilai menentukan batasan kepada perlakuan sosial, perlakuan politik dan perlakuan ekonomi sesuatu kaum atau bangsa itu. Berasaskan kepada batasan nilai-nilai ini segala perlakuan tiap-tiap ahli di dalam kaum atau bangsa itu dibentuk dan dicorakkan. Apabila perlakuan ini menjadi otomatis dan menjelma sebagai pola-pola perlakuan baik di dalam bentuk pemikiran dan tindakan yang dianuti ramai, maka ianya dipanggil norma-norma budaya.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dari sistem nilai dan norma inilah munculnya segala hasil-hasil ciptaan kaum atau bangsa di dalam bidang kesenian, falsafah, pengetahuan, bahasa dan kesusasteraan, etika, undang-undang dan adat-resam. Di negara kita ini tiap-tiap kaum mempunyai budayanya sendiri yang menunjukkan persamaan dan juga perbezaan dengan kaum-kaum lain. Perbezaan-perbezaan ini ialah disebabkan perbezaan kehidupan ekonomi, cara berpolitik, kepercayaan agama, dan norma sosial. Persamaannya adalah di dalam nilai-nilai yang meminta kepada kebaikan

kemanusiaan. Di dalam konteks negara, semula kebudayaan kaum dan sukuan ini adalah dipunyai oleh rakyat Malaysia. Misalannya budaya orang India di Malaysia adalah juga hak orang-orang Cina, Melayu, Kadazan, Dayak dan lain-lain yang menjadi rakyat Malaysia. Begitu juga budaya orang keturunan Cina rakyat Malaysia adalah hak kaum-kaum lain yang menjadi rakyat Malaysia. Oleh itu misalannya saya ambil satu misal tarian singa yang berasal dari kaum Cina adalah kepunyaan orang-orang keturunan India, Melayu, Kadazan, Dayak dan lain-lain kaum rakyat Malaysia. Begitu juga sumazau, joget, komping, songkok, nasi lemak, roti canai dan lain-lain adalah kepunyaan seluruh rakyat Malaysia. Malah semua cara hidup kaum atau sukuan adalah cara hidup bangsa Malaysia. Semuanya ini menjadi elemen-elemen kebudayaan bangsa -Malaysia. soal menjadikan mana-mana satu item budaya ini sebagai item kebangsaan tidak timbul kerana ianya adalah hak kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia patut memahami kaedah-kaedah budaya yang saya sebut itu sebelum membahaskan soal kebudayaan kebangsaan. Apabita kita memperkatakan soal kebudayaan kebangsaan, jangan kita lupakan bahawa kita memperkatakannya di dalam konteks pembinaan negara dan masyarakat Malaysia yang satu. Kita tidak boleh lagi mengungkit-ungkit mengenai kemajmukan masyarakat dan budaya Malaysia apabila kita menuju ke arah kesatuan ini. Pembinaan kebudayaan nasional yang satu dan padu ini mesti bermula dengan asas dan rangkuman yang logik. Logik pembinaan masyarakat dan kebudayaan adalah logik sejarah kerana budaya adalah seperti suatu organisma. Seperti pertumbuhan organisma, pertumbuhan budaya berlaku di dalam dimensi ruang dan dimensi masa.

Tuan Yang di-Pertua, ruang budaya kebangsaan Malaysia ialah ruang alam Melayu Bumiputera dan rakyat asal negara ini. Tamadun Melayu dan Bumiputera negara inilah yang mula-mula menanam cerucuk dan membina superstructure tamadun rantau ini. Ianya membesar mengikut sejarah perkembangannya. Ianya matang, sama matang dengan tamadun-tamadun besar lain di dunia. Di zaman pembangunan Agraria di benua India dan di benua China, tamadun Melayu diasaskan oleh sistem ekonomi yang lebih maju dan memberi hasil! yang lebih lumayan dari hasil Agraria iaitu perdagangan antarabangsa. Tetapi malangnya, penjajahan Barat yang memakan masa beratus-ratus tahun itu menyebabkan involusi ataupun pengunduran ke belakang tamadun ini kepada tamadun Agraria. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, segala elemen-elemen budaya tamadun Melayu dan Bumiputera untuk membentuk satu kebudayaan nasional masih wujud dan tegak dengan banyaknya sehingga budaya Melayu Bumiputera menjadi indentiti budaya pra-nasional (sebelum kemerdekaan dicapai) dan ianya terserlah sebagai tunggak budaya Malaysia pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kebudayaan nasional yang kita sedang melakukannya pada masa ini wajib bermula dengan fakta sejarah ini. Adalah tidak betul pendakwaan sesetengah golongan yang mengatakan bahawa kebudayaan kebangsaan mesti dibina dari unsur-unsur budaya Indonesia, budaya Cina dan budaya India mengikut permulaan yang sama dan percampuran yang liberal. Kesilapan gagasan ini ialah anggapan bahawa istilah Indonesia itu sebagai bermakna satu unit kebudayaan seperti yang dipakai untuk merujuk kepada perkataan Cina atau India. Perkataan Indonesia itu adalah sebenarnya merujuk kepada unit sosio-politik, bukan kebudayaan. Sebagai unit sosio-politik, negara Indonesia

yang 99% penduduknya dari rumpun Melayu mempunyai kebudayaannya yang tersendiri pada masa ini. Terasnya ialah budaya Melayu dan direndangkan dengan elemen-elemen budaya sukuan yang wujudnya di dalam bilangan ratusan yang berselerak di seluruh nusantara. Kebudayaan nasional Indonesia adalah unik kepada dirinya sendiri.

Di Malaysia teras kebudayaan nasional juga adalah kebudayaan Melayu Bumiputera dan direndangkan dengan elemen-elemen budaya sukuan yang akan menjadikannya unik kepada negara Malaysia sendiri. Segala ciri-ciri demokrasi, patriotisme, scientisme, kepercayaan kepada Tuhan dan etika yang berasaskan kepada nak-hak asasi manusia telahpun wujud di dalam tamadun Melayu/Bumiputera. Ciri-ciri ini yang dipunyai oleh sukuan-sukuan lain di negara ini bolehlah monokok tambahkan kepada apa yang ada itu.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat evolusi kebudayaan kebangsaan sebagai suatu organisma yang membesar mengikut sejarah ini mestilah diterima oleh semua sebagai suatu fakta. Gagasan yang mengatakan bahawa kebudayaan kebangsaan mesti dibina dari tiga teras iaitu Indonesia, Cina dan India itu adalah suatu usaha yang sengaja hendak menidakkan fakta ini, sama seperti usaha menidakkan atau sengaja melupakan perjanjian asal di masa penubuhan negara ini. Saya menyeru kepada golongan-golongan intelektual negara supaya patuh kepada disiplin intelektualisme, yakni menyisih yang tidak benar dari kebenaran dan membezakan kenyataan dari sentimen. Golongan-golongan intelektual bertanggungjawab menghidangkan kebenaran, bukan emosi kepada ahli-ahli politik. Apabila kebenaran menjadi hidangan maka ahli-ahli politik tidaklah melatah sehingga terугut ketenteraman negara.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, inilah yang banyak terjadi bukan sahaja di negara kita, malah di seluruh dunia di masa ini. Jikalau golongan intelektual tidak berdisiplin, orang-orang politik lebih-lebih lagi tidak akan berdisiplin kerana segala idea-idea itu datang dari golongan intelektual. Misalnya, mengapakah golongan intelektual tidak menerangkan kepada masyarakat negara bahawa angka-angka 30% penyertaan bumiputera di dalam sektor koperat, dan 20 tahun jangka masa perjalanan DEB adalah angka-angka outline di dalam pelan perspektif pembangunan negara? Dan mengapakah sebilangan golongan intelektual menyogokkan idea bahawa angka-angka di dalam statistik Kerajaan adalah salah, seolah-olah Kerajaan menipu, tanpa mengakui bahawa methodology perangkaan bukanlah satu dan interpretasinya adalah banyak?

Oleh itu, saya mengambil peluang ini menyeru kepada semua supaya suatu sikap bertanggungjawab kepada negara adalah sebagai satu kewajiban.

negara kita terjamin. Segala prejudis ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan perlu dikikis.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya merumuskan di sini bahawa segala-galanya tidak baik. Malah setakat yang apa kita capai sebagai satu bangsa Malaysia sehingga kini adalah satu kebanggaan kita. Tidak ada negara di dunia yang diberi hukuman mati di masa kelahirannya yang dapat mencapai prestasi ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan seperti yang kita capai. Saya membangkitkan soal-soal ini sekadar memperingatkan diri saya dan semua rakyat Malaysia supaya selalu berwaspada kepada keadaan-keadaan yang menggugatkan negara kita. Saya yakin bahawa rakyat Malaysia sudah arif di dalam soal siapa kita, ke mana kita hendak tuju dan ke mana kita

hendak dibawa. Kearifan ini terbukti akhir-akhir ini oleh keputusan pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya.

Di dalam pilihanraya ini pengundi-pengundi di situ mempamerkan ciri-ciri sosio-politik yang saya sarankan di awal tadi sebagai idaman kita di hari muka. Segala sentimen-sentimen perpecahan yang kuat diatasi oleh pengundi-pengundi Ampang Jaya. Oleh itu, sebagai mengalu-alukan Yang Berhormat Ahli Parlimen baru dari Ampang Jaya saya menyeru beliau supaya terus membawa obor perjuangan Barisan Nasional yang memegang kepada kenyataan dan hakikat kewujudan negara kita seperti yang saya gariskan tadi. Perjuangan kita adalah perjuangan rakyat Malaysia. Jika ada apa-apa masalah marilah kita berunding bersama secara keluarga. Janganlah menggunakan taktik "sabre-rattling" kerana ianya berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan kebangsaan yang sedang kita bina ini mestilah merangkumi segala pernyataan di dalam Rukunegara. Tetapi asas utamanya ialah keadilan sosial untuk semua. Keadilan ini akan wujud apabila semua rakyat menyedari bahawa hasil dari usaha-usaha ekonomi mereka tidak seharusnya dimiliki dan digunakan untuk diri sendiri sahaja. Sebahagian daripada hasil ini ialah hak masyarakat.

Agama Islam yang maha suci telah pun menggariskan sistem pengagihan yang murni dan adil melalui amalan zakatnya. Sistem percukaian negara mengutip hak-hak ini untuk diagihkan kepada semua rakyat di dalam berbagai-bagai bentuk. Sistem-sistem ini menentukan bahawa hak asasi kemanusiaan yang paling asas iaitu hak untuk hidup terjamin.

Sesiapa sahaja yang mendakwa memperjuangkan dan membela hak-hak asasi manusia tidak sepatutnya lari

dari tanggungjawab memberi sebahagian daripada haknya untuk masyarakat umum ini. Inilah intipati perjuangan pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh Kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, hak-hak asasi manusia mendahului mana-mana sistem politik. Hak-hak ini menentukan kebebasan untuk hidup di dalam batasan-batasan yang ditentukan oleh sistem nilai dan norma masyarakat. Misalnya jikalau nilai sosial masyarakat Malaysia mahukan perpaduan kaum yang menjadi penentu utama hidup atau matinya negara ini, maka sesiapa yang melanggar kehendak ini mestilah dihukum dengan setimpal.

Pentingnya kaitan batasan kebebasan dengan hidup atau matinya sesuatu masyarakat itu dapat dilihat ke atas hukuman mati yang dikenakan kepada sesiapa yang mengotorkan air sungai di dalam masyarakat Mongol dahulu kala. Oleh sebab kekurangan sumber air di kawasan kediaman mereka sesiapa sahaja yang mengotorinya maka ianya seolah-olah bertindak membunuh masyarakat itu, lantas hukuman bunuhlah yang dikenakan ke atasnya.

Saya bukan mencadangkan supaya hukuman mati dikenakan kepada sesiapa yang menggugat perpaduan kaum di negara ini. Yang saya hendak tegaskan di sini ialah tindakan Kerajaan yang dianggap melanggar prinsip-prinsip hak asasi manusia oleh setengah pihak adalah kena pada tempatnya. Tindakan ini bukanlah tindakan yang zalim. Orang-orang yang dihukum itulah yang melanggar hak-hak asasi manusia di dalam konteks kehendak sistem nilai sosial negara kita. Tentang bagaimana Kerajaan menjalankan keadilan ini tidak boleh dipersoalkan kerana ianya dilulus oleh Dewan yang mulia ini, yang merupakan puncak perundangan yang menentukan pengimplemantasian sistem nilai ini. Kefahaman

terhadap kaitan-kaitan logik ini adalah sangat-sangat diperlukan, semoga tidak ada lagi rakyat negara ini yang sanggup memburuk-burukkan negaranya sendiri di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, gejala ini adalah sangat-sangat dikesali, apabila hasil dari perlakuan khianat segelintir rakyat Malaysia ini, media-media luar negeri berani memburuk-burukkan negara kita bersandarkan kenyataan yang diputarbelitkan. Rakyat yang memburukkan negara kita di luar negeri ini melakukannya dengan tujuan menjadi wira di kalangan masyarakat angkat mereka itu yang mempunyai nilai-nilai sosialnya tersendiri, berlainan dengan nilai-nilai sosial masyarakat kita.

Kerajaan patut bertindak dengan lebih berkesan lagi di dalam usaha membanteras pengkhianatan ini. Penuntut-penuntut kita mesti diberi orientasi yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai sosial negara sebelum mereka pergi ke luar negeri. Sesiapa sahaja yang terbukti melakukan pengkhianatan ini perlu diambil tindakan melalui undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi yang diamalkan di negara kita adalah berasaskan kepada hak-hak asasi manusia sepertimana yang digariskan oleh nilai-nilai sosial negara kita. Bentuk demokrasi yang diamalkan oleh masyarakat di mana sahaja di dunia ini adalah dicorakkan oleh sistem nilai sosial masyarakat itu. Oleh itu bentuk demokrasi adalah berbeza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain, dan di antara satu negara dengan negara yang lain. Misalnya bentuk demokrasi Malaysia adalah berlainan dengan bentuk yang terdapat di Argentina, di Canada atau di United Kingdom. Oleh itu adalah tidak adil bagi sesiapa sahaja menilai demokrasi Malaysia dengan menggunakan pengukur daripada negara-negara lain. Batasan ataupun had-had mana-mana demokrasi adalah

apa yang boleh dan apa yang tidak dibolehkan oleh sistem nilai masyarakat atau negara yang mendukung demokrasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu ciri scientisme daripada keseluruhan erti scientisme yang dituntut oleh setengah golongan sebagai asas pembinaan kebudayaan kebangsaan. Persepsi ke atas nilai sosial negara dan arah tujuan pembangunan negara serta kaitan-kaitan lain sebagaimana yang saya gariskan di atas adalah satu tanggapan yang logik dan saintifik. Scientisme bukan sahaja berkisar di sekeliling isu-isu materialisme dan teknologi-teknologi sahaja, malah ianya juga merujuk kepada isu-isu sosial dan budaya yang abstrak. Di dalam hal ini Kerajaan patut memperkuatkan kefahaman di kalangan semua, khususnya di dalam cara-cara kenegaraan yang membolehkan pencapaian kemakmuran dan keredaan serta pengampunan Allah s.w.t. Usaha Research and Development (R & D), dengan izin, perlu dipergiatkan bukan sahaja di dalam usaha pencapaian matlamat materialisme sahaja, malah perlu dipergiatkan lagi di dalam bidang sains sosial yang sama penting di dalam menentukan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Perancangan pembangunan negara sering kali menghadapi kekurangan data di dalam bidang ekonomi, sosiologi, anthropologi dan sains politik. Banyak rujukan-rujukan mengenai bidang ini masih dibuat kepada karya-karya yang ketinggalan zaman dan yang ditulis oleh orang-orang asing. Sebagaimana kumpulan orientalis mencemarkan agama Islam, begitu jugalah ahli-ahli sains sosial ini memesongkan kefahaman kenegaraan di kalangan rakyat kita. Oleh itu, jikalau Kerajaan mahu menanamkan semangat patriotisme yang kuat sebagai satu asas pembinaan kebudayaan nasional, maka penyejukan semula kenyataan sosial

politik dan ekonomi negara perlu dilakukan menerusi kegiatan Research and Development yang lebih gigih dan menyeluruh.

Saranan saya ini dibuat di dalam suasana masa ini di mana trend-trend extremism mula muncul semula selepas beberapa tahun lenyap. Kita telah lihat pematikan extremism di dalam bidang agama yang diterajui oleh oportunist-oportunist agama. Kita telah juga lihat kemunculan extremism sosial dua tiga hari yang lalu.

Gejala-gejala ini menyokong saranan saya supaya lebih banyak R & D dibuat di dalam bidang sosio budaya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi setengah-setengah insiden extremism tidak memerlukan kajian sosial yang mendalam. Misalnya ejek-ejekan yang dibuat oleh sekumpulan pemuda Melayu terhadap nyanyian dan tarian asli di pertunjukan pentas DBKL baru-baru ini adalah hasil dari pendedahan media elektronik kita yang mengejar wang iklan. Budaya rock dipancar dan ditayangkan tanpa batasan kepada anak-anak muda yang jiwanya masih di dalam proses pembentukan. Dan di dalam pada itu iklan-iklan ini mempamerkan corak hidup budaya decadent barat yang memberi nilai leisure, dengan izin, ataupun bersuka-sukaan dan beristirahat yang lebih daripada nilai bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, gejala-gejala ini hanya memerlukan tindakan membataskan pendedahan kepada unsur-unsur negatif ini. Sudah tentu Kerajaan berupaya melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja asas-asas pembinaan budaya dan pembinaan negara yang sedang kita tuju sekarang ini. Kebudayaan Kebangsaan adalah perangkuman keseluruhan cara hidup kita rakyat Malaysia, dan marilah kita

wujudkannya ke arah pencapaian kemakmuran dan keredaan Allah serta pengampunan dari Allah s.w.t.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh takzim saya mempersembahkan Usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Baginda di persidangan Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Bakri.

4.30 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon menyokong Usul mengucapkan setingginya terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini semasa pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh.

Baginda akan menamatkan pemerintahannya sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak lama lagi.

Dalam tempoh masa lima tahun yang lepas ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh serba aspek kehidupan rakyat jelata. Jelas menunjukkan bahawa Baginda sungguh-sungguh mengambil berat mengenai kehidupan rakyat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat jeita. Negara telah mencapai berbagai kejayaan yang cemerlang semasa pemerintahan Baginda. Ekonomi negara bertambah maju dan makmur. Nama negara juga semakin harum di arena antarabangsa dan

masih bersatu-padu walaupun wujudnya tekanan-tekanan dan cabaran-cabaran yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti saya dan rakyat, saya ingin mengambil .kesempatan ini mengucapkan semoga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sembuh dengan secepatnya. Semoga Tuhan mengurniakan supaya beliau pulang kepada kita lebih sihat dan cergas dan sedia memimpin negara kita yang tercinta ke era 90an yang sungguh mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah berjaya hidup dengan aman damai serta berkembang pesat untuk lebih daripada 30 tahun walaupun wujudnya berbagai cabaran-cabaran serta forboding from the prophets of doom, dengan izin, yang mengancam kestabilan dan politik negara. Ini jelas menunjukkan kekuatan negara serta keazaman rakyat hendak menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya dan maju. Saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini bahawa kejayaan kita sebagai sebuah negara adalah kerana semangat akomodasi dan kompromi yang dipraktikkan dan dimajukan oleh para pemimpin negara serta bekas pemimpin-pemimpin kita yang mengutamakan perpaduan negara lebih daripada yang lain.

Asas-asas kukuh untuk pembentukan negara hanya dengan menghadapi cabaran masa jika setiap generasi pemimpin yang berikutnya berpegang teguh kepada prinsip perpaduan negara sama seperti pengasas tanahair. Mereka juga mesti berpegang teguh kepada kewujudan sebuah negara yang bersatu, liberal dan demokratik yang mengamalkan prinsip kepelbagaian dalam perpaduan. Kebijaksanaan dan kepintaran bekas-bekas pemimpin-pemimpin kita membawa kepada penggubalan Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru di mana objektifnya yang tertinggi sekali ialah pencapaian

perpaduan negara. Adalah menyakitkan hati melihat bahawa pegangan kita kepada prinsip-prinsip liberal dan demokrasi serta kepada perpaduan negara yang seolah-olah telah mulai pudar di kalangan generasi pemimpin yang baru. Amalan perundingan dan consensus juga mulai menjadi lemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengejar kuasa politik dalam kesibukan dan keghairahan menaiki tangga politik, kadangkala kita terlupa akan impian sebuah negara yang bersatu-padu. Pegangan dan komitmen kita ke arah perpaduan dan pengukuhan negara pada masa ini lemah. Demikian juga dengan tahap toleransi, muhibbah dan saling hormat-menghormati di kalangan masyarakat. Kita lebih sering mengutamakan kepentingan-kepentingan sempit sesuatu komuniti tanpa memperakui keperluan menjalin bersama negara. Kita telah hilang impian negara Malaysia. Setengah-setengah pemimpin politik kita lebih mengutamakan pembentukan sebuah negara Melayu Malaysia, Cina Malaysia ataupun India Malaysia. Apakah yang sudah terjadi kepada impian kita hendak membentuk sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu. Apakah yang telah terjadi kepada konsep perundingan dan consensus tradisional kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini merenungkan dan berfikir sedalam-dalamnya mengenai pembentukan negara kita. Kita perlu meneliti sama ada kita telah berjaya dalam matlamat membentuk sebuah negara yang bersatu lagi saksama. Kita perlu mencurahkan tenaga dan perhatian kita ke arah mengurangkan perselisihan dan lebih menitikberatkan persamaan. Kita mesti memperkukuhkan mekanisma perundingan yang aktif demi mencapai consensus yang sebenar. Soal mencari

satu agenda yang sama, satu impian yang sama mesti diperhebatkan supaya negara Malaysia yang dibentuk nanti dalam tahun 1990an akan merupakan Malaysia yang semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum akan berasa bangga memanggilnya rumahku, ibu pertiwi dan tanah tumpah darahku.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lepas pemisahan dalam masyarakat Malaysia kian bertambah. Setengah-setengah daripada kita berasa ini tidak lagi merupakan Malaysia yang kita diperbesar, sebuah negara yang hidup berharmoni dan aman sentosa. Sekarang keadaan telah menjadi terlalu memainkan politik sehingga ahli-ahli keluarga menentang sesama sendiri. Kita telah kehilangan arah, ke arah manakah kita mahu negara Malaysia menuju apabila kita memasuki era baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin semua rakyat Malaysia mahu melihat Malaysia bergerak maju dan makmur, sebuah negara yang bersatu dan kukuh serta berperikemanusiaan kepada yang miskin dan yang memerlukan bantuan. Kita mahu sebuah negara yang pesat membangun dan yang dapat membangunkan segala sumber manusianya dengan sepenuhnya. Matlamat kita bagi abad yang akan datang sepatutnya ialah untuk membangunkan negara kita sehingga ke tahap di mana daya produktiviti negara berlipatganda dan sumber-sumber asli dan tenaga manusia digunakan dengan sepenuhnya.

Adalah menjadi kepercayaan saya bahawa setiap rakyat Malaysia yang mencari pencapaian diri patut diberi segala peluang untuk mengembangkan sepenuhnya potensi pada dirinya. Dalam hal ini kita perlu memperluaskan lagi kemudahan pengajian tinggi kita. Kita mesti memperluaskan institusi-institusi pengajian tinggi supaya mereka yang layak menerima pendidikan lanjut dapat berbuat demikian.

Pendidikan dan pembangunan sumber tenaga manusia akan memastikan kejayaan negara kita yang masih muda ini. Ia juga merupakan insuran bagi masa hadapan kita. Kita mesti memastikan bahawa peluang-peluang pendidikan itu tidak dinafikan kepada mereka yang sanggup dan berupaya menerimanya. Segala usaha mesti diambil untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan pendidikan dan latihan demi membangunkan sumber tenaga manusia kita ke tahap yang sepenuhnya. Universiti-universiti kita dan lain-lain institusi pengajian tinggi mesti menekankan kecemerlangan. Kita tidak patut menghasilkan satu generasi graduan yang mediocre, dengan izin, dan hanya mementingkan diri sahaja. Merit, kecemerlangan dan nilai-nilai yang tinggi dan mulia patut menjadi asas perjuangan kita untuk membentuk sebuah negara bersatu padu, dapat bersaing dalam dunia teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempersembahkan di Dewan yang mulia ini bahawa polarisasi kaum dan pelampau agama merupakan dua penyakit yang endemic dalam masyarakat yang berbilang kaum dan jika ia tidak diawasi dengan efektif akan menjadi satu wabak atau epidemic. Kerajaan mesti mengambil langkah yang berani dan positif untuk mengurangkan atau meminimumkan polarisasi kaum.

Saya ingin mencadangkan bahawa kita kembali kepada nilai-nilai asas Rukunegara. Usaha yang lebih gigih mesti diwujudkan untuk menegakkan semula Rukunegara pada setiap peringkat dalam setiap sektor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat yang berbilang kaum memang wujud kecenderungan semula jadi di kalangan para pemimpin politik untuk memperjuangkan kepentingan bahagian serta dipengaruhi oleh para penyokong mereka yang kuat. Oleh yang demikian, mereka hanya menjadi

pemimpin bahagian dan bukan pemimpin negara yang sebenar yang mempunyai keberanian untuk menggantikan kepentingan bahagian mereka atau kumpulan tekanan dengan kepentingan negara.

Kita mesti menanamkan dalam setiap pemimpin negara dari berbagai kaum bahawa tanda kepimpinan politik yang sebenar dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang agama ini ialah perpaduan yang dibawa olehnya dan bukannya pemisahan yang ditimbulkan olehnya.

Malaysia memerlukan pemimpin dari semua komuniti bangun mengatasi pandangan mereka yang sempit demi mencari asas-asas yang sama serta mencapai kepentingan dan buah fikiran bersama. Kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang dapat mengatasi perbezaan-perbezaan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika kita semua mempunyai komitmen yang sebenarnya untuk membentuk sebuah negara yang bersatupadu lagi saksama, Malaysia akan menjadi lebih stabil dan progresif. Saya memberi sokongan sepenuhnya kepada seruan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak yang baru-baru ini menyeru rakyat mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara. Pada bulan Mei tahun hadapan Rukunegara akan berusia 20 tahun. Kita patut mengambil tarikh bersejarah ini untuk menilai semula kedudukan Rukunegara dalam kehidupan negara dan persendirian kita serta meneliti di manakah kita telah gagal atau berjaya mencapai matlamatnya. Iklim politik semasa dan hubungan kaum negara patut menggerakkan semua rakyat Malaysia berlindung di bawah payung ideologi Rukunegara demi menegakkan semula kepercayaan untuk mencipta sebuah negara yang bersatu, sebuah masyarakat yang demokratik, adil, liberal dan progresif dan prinsip-prinsipnya yang mengatakan Kepercayaan kepada Tuhan;

Kesetiaan kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Kita juga perlu mencari cara yang baru dan praktikal untuk membangkitkan semula semangat pembentukan negara dan perpaduan tanahair kita. Cara-cara yang baru untuk menghidupkan semula cita-cita dan keghairahan rakyat tentang Rukunegara didapati dalam berbagai bentuk. Saya ingin mencadangkan kepada para pemimpin kita memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan-cadangan berikut:

- (1) Mengadakan persidangan kebangsaan mengenai Rukunegara untuk meninjau di manakah kita telah berjaya atau gagal mencapai cita-cita Rukunegara dan bagaimana caranya kita patut menyatupadukan semula rakyat serta memberi kekuatan baru kepada negara kita dengan mengambil inspirasi dan ilham dari Rukunegara.
- (2) Menganjurkan bengkel-bengkel, seminar-seminar di merata-rata tempat untuk dihadiri oleh berbagai kumpulan peserta bagi memperolehi maklumbalas mengenai Rukunegara berhubung kehidupan mereka dan menyediakan laporan dan kertas kerja bagi persidangan kebangsaan tersebut tadi.
- (3) Melancarkan kempen-kempen mengenai penyerapan prinsip-prinsip Rukunegara di sekolah, universiti, pejabat dan kilang, kawasan bandar dan luar bandar, kelab dan persatuan untuk memberi nafas baru kepada Rukunegara dan menjadikannya sebahagian daripada kehidupan kita sehari-hari.

- (4) Menjadikan Rukunegara sebagai tema perayaan Hari Kemerdekaan tahun 1989 atau 1990.
- (5) Mencetak semula Rukunegara dalam bentuk atau format yang lebih menarik dengan memasukkan grafik-grafik, foto-foto dan ilustrasi-ilustrasi yang berwarna-warni untuk disebarkan atau dijual kepada sekolah-sekolah, pejabat-pejabat, pegawai-pegawai Kerajaan, serta parti-parti politik.
- (6) Secara bermakna menyerapkan prinsip dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung di dalam Rukunegara ke dalam perlembagaan parti-parti politik dan juga manifesto pilihanraya Barisan Nasional.
- (7) Meresapkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip Rukunegara ke dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun serta dasar-dasar Kerajaan dan mengawasi perlaksanaannya.
- (8) Mengawasi penyelewengan-penyelewengan dari Rukunegara, mendedahkannya dan mengambil langkah untuk mengatasinya.
- (9) Mempamerkan Rukunegara di tempat-tempat yang sesuai dalam pejabat-pejabat, di sekolah-sekolah, mungkin juga dalam Parlimen ini pun dan tempat-tempat lain.
- (10) Yang akhir, menjadikan Rukunegara sebagai bahan kajian dalam kurikulum sekolah dan menjadikan pelajar menghafalkannya di dalam perhimpunan sekolah setiap minggu.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang digubal untuk menyusun semula masyarakat dan

membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum akan tamat tidak lama lagi. Pada umumnya Dasar Ekonomi Baru ini telah berjaya sebagai satu rancangan kejuruteraan sosial yang menyeluruh. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas pencapaian DEB khususnya dalam mengurangkan insiden kemiskinan dan dalam kewujudan sebuah komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputera. Kita tidak menafikan bahawa DEB telah banyak memberikan bantuan kepada golongan bumiputera memasuki ke zaman moden. Persoalan tidak timbul tentang perlunya memperbaiki ketidakseimbangan yang wujud dan memajukan pengagihan kekayaan yang saksama, hanya pelaksanaan yang salah dan terlalu gigih yang menimbulkan ketidaksenangan hati sebahagian rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah dikemukakan pada satu tahap yang genting dalam usaha pembentukan negara, satu tempoh masa transisi yang strategik, akan tetapi seperti tempoh transisi yang lain, mestilah wujud satu tempoh masa yang tetap kerana masa transisi tidak boleh berjalan selama-lamanya. Ramai rakyat Malaysia jelas sekali mengingati bahawa DEB ini mempunyai satu tempoh masa yang ditetapkan. Para penggubal DEB memperlihatkan DEB itu sebagai satu generasi atau selama 20 tahun.

Perlanjutan DEB sehingga selepas tempoh masa itu tidak diterima oleh rakyat Malaysia sebagai adil dan saksama. Justeru itu wujudnya satu keperluan untuk menggubal satu kontrak sosial yang baru, satu agendanegara yang dapat diterima oleh semua rakyat Malaysia sebagai adil dan saksama.

Oleh yang demikian, dalam konteks ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kita kerana sudi menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara

(MPEN) untuk membincangkan polisi-polisi selepas tahun 1990 dan dengan itu menunaikan hasrat permintaan ramai rakyat termasuk parti saya serta permintaan saya sendiri yang dibuat semasa sidang Parlimen yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melangkah maju ke tempoh 1990-an yang merupakan satu dekad baru yang penuh dengan cabaran baru, ketidaktentuan dan kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia serta perlindungan dagangan dan persaingan yang semakin ketara di kalangan negara-negara maju yang lain, Malaysia tidak boleh ketinggalan di belakang.

Kita tidak boleh dipisahkan dari tekanan-tekanan dunia dan pergerakan modal dan sumber manusia di arena antarabangsa. Saya menyeru agar kita menyesuaikan polisi mikro ekonomi kita dengan mengambil kira aliran dan perspektif antarabangsa jika kita ingin menjayakan strategi-strategi perindustrian dan pembangunan ekonomi kita.

Rintangan-rintangan yang menghalang pertumbuhan mesti dikurangkan. Penekanan yang berlebihan ke atas penyusunan semula masyarakat mesti digantikan dengan persaingan yang lebih bebas. Kita memerlukan pertumbuhan yang mantap lagi cepat untuk membolehkan ekonomi kita menghadapi kelembapan ekonomi antarabangsa. Dalam hubungan ini saya yakin bahawa polisi-polisi selepas 1990 yang digubal akan menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dan persaingan antarabangsa Malaysia.

Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz dan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Datuk

Paduka Daim Zainuddin atas inisiatif-inisiatif polisi mereka untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi kita Impact serta-merta dynamicsme pragmatik ini telah memperlihatkan pemulihan ekonomi yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi beberapa pandangan dan pendapat saya:

- (1) Tidak kira apa rancangan baru yang bakal digubal nanti untuk tahun-tahun selepas DEB mesti menekankan pencapaian perpaduan negara;
- (2) Rancangan itu mesti menitikberatkan perlunya pertumbuhan ekonomi yang teratur, kerana hanya dengan ekonomi yang berkembang boleh wujudnya pengagihan;
- (3) Rancangan itu mesti dilaksanakan dalam bentuk tawar menawar. Jika sesuatu komuniti memerlukan tindakan afirmatif untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam sesuatu sektor tertentu kelemahan-kelemahan komuniti-komuniti lain dalam sektor-sektor lain mesti diberi tindakan yang sama;
- (4) Walaupun kita telah hampir mendekati sasaran tahun tujuh puluhan dalam membasmi kemiskinan kita masih perlu menegakkan prinsip ini untuk memastikan bahawa semua golongan yang miskin sama ada di kawasan bandar mahupun desa tanpa mengira kaum akan menerima bantuan Kerajaan. Akhir sekali, sistem perbezaan kaum tidak patut dititikberatkan jika kita mahu berjaya dalam pembentukan sebuah negara yang bersatu padu, sebuah negara yang bersimpati dengan golongan

yang miskin dan yang memerlukan, bantuan tanpa mengira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, demi mempercepat pembangunan ekonomi negara, saya mencadangkan keutamaan patut diberi kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Dalam hal ini inisiatif-inisiatif untuk perusahaan kecil dan sederhana yang baru-baru ini diumumkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta cadangan-cadangan yang diberi oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan beliau dalam tahun lepas menandakan masa hadapan yang baik untuk pembangunan dan pemodenan perusahaan kecil dan sederhana.

Saya percaya usaha yang lebih gigih patut diambil untuk memperbaiki perusahaan ini supaya mereka boleh menjadi sektor utama dalam ekonomi negara.

Pada masa yang sama kita mesti berani menilai kemajuan kita dalam perindustrian berat dan belajar dari kesilapan-kesilapan kita kerana negara kita yang kecil lagi muda tidak boleh membazir sumber-sumber kita yang bernilai lagi terhad. Kita mesti mengorientasikan semula strategi perindustrian negara kita untuk menumpukan lebih perhatian kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya menyeru Kerajaan memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan latihan bagi ahli-ahli perniagaan kecil dan sederhana supaya mereka dapat bersaing dengan perusahaan besar melalui perolehan perniagaan baru, kemahiran pengurusan dan teknikal. Pada masa yang sama dalam bidang industri bank dan kewangan mesti wujud lebih pembaharuan dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana. Ini kerana wujud satu keperluan yang penting bagi para ahli-ahli bank dan kewangan menggunakan pemikiran

baru dan amalan baru dalam menilai risiko kredit para peminjam khas mereka dari perusahaan kecil dan sederhana.

Saya menyeru agar ahli-ahli bank dan kewangan memperakui nilai dan keperluan modal venture bukan setakat menilai sesuatu projek dari sudut cagaran dan sekuriti tetapi mempunyai satu lagi dimensi akan dapat keuntungan dan aliran tunai sesuatu perniagaan yang merupakan ukuran viability sesuatu perniagaan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kepercayaan saya yang jujur dan ikhlas hati bahawa untuk membentuk sebuah negara yang bersatu padu dari latar belakang negara yang berbagai bangsa dan agama kita perlu saling kepercayaan dan kerjasama yang ikhlas. Walaupun kita telah berjaya dalam usaha-usaha menyusun semula masyarakat demi menghapuskan atau mengurangkan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi telah membawa kepada kewujudan sebuah kelas pertengahan golongan bumiputera dan sebuah komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputra. Akan tetapi keazaman yang sama tidak dilanjutkan kepada penyusunan semula sektor awam untuk membolehkan lebih ramai bukan bumiputra menyertai setiap peringkat dalam pekhidmatan awam. Demi mencapai perpaduan negara yang sebenar, saya menyokong usaha-usaha mengadakan rancangan-rancangan membawa lebih ramai kaum bumiputra ke dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Begitu juga perlu wujud usaha-usaha yang lebih kukuh untuk meningkatkan penyertaan bukan bumiputra dalam setiap peringkat dalam sektor awam khususnya di peringkat tertinggi demi membasmikan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi atau pekerjaan yang merupakan matlamat utama DEB.

Saya amat khuatir jika usaha-usaha itu untuk menyusun semula sektor awam gagal, persepsi sebahagian besar rakyat terhadap intepretasi dan pelaksanaan polisi-polisi Kerajaan pada masa-masa tertentu akan kelihatan negatif.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyeru Dewan yang mulia ini mengambit perhatian tentang seruan mengadakan checks and balances untuk menghalang dan mengurangkan penyalahgunaan kuasa. Ini adalah kerana wujud persepsi bahawa dalam bidang-bidang tertentu penghirauan terhadap aspirasi masyarakat kita yang berbilang kaum telah berkurangan dan telah mengakibatkan kekurangan perundingan dan accountability. Dalam hubungan ini saya menyambut baik cadangan menubuhkan satu mekanisme yang efektif untuk mengawasi dan memperbaiki penyelewengan-penyelewengan dalam polisi-polisi 'negara. Orang ramai rakyat biasa mesti diberikan peluang di mana jika mereka ada rungutan yang benar boleh mencari penyelesaian melalui satu sistem yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini berasa gembira dengan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sebagai Duli Yang' Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-9. Kami memohon menyembah setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syukur kerana rakyat Malaysia menyanjung Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sebagai Raja yang arif dan terpelajar dan akan memerintah dengan adil dan saksama serta akan membawa negara kita yang tercinta ini ke taraf pencapaian yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin sekali lagi menyokong Usul ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh diadakan pada saat di mana demokrasi dan hak asasi manusia masih diancam dengan serius dan Kerajaan nampaknya tidak ikhlas dan tidak memberikan komitmen yang sepenuhnya bagi rekonsiliasi nasional dalam usaha hendak mewujudkan syarat-syarat perpaduan bagi semua rakyat Malaysia untuk tahun-tahun 90an.

Parti DAP terpaksa menyuarakan kemarahannya atas penahanan berterusan Ketua Pembangkang yang juga Ahli Parlimen Tanjong serta anaknya Ahli Parlimen Kota Melaka kerana penahanan mereka yang tidak adil dan tidak berpatutan dan yang dibuat sesuka hati. Mereka tidak dapat berada dalam Dewan yang mulia ini untuk menyertai perjalanan urusan Dewan ini dan memberikan pandangan penuh mereka bagi pihak para pengundi mereka yang telah memilih mereka dalam Pilihanraya Umum tahun 1986.

Penahanan berterusan bapa dan anaknya meskipun berulang kali seruan dibuat oleh parti dan keluarga mereka bagi pembebasan segera mereka tanpa syarat, adalah merupakan satu tindakan membalas dendam dan penzaliman ke atas seseorang. Tidak ada sebab-sebab yang kukuh mengapa kedua-dua mereka mesti terus ditahan kerana mereka tidak mengancam keselamatan negara. Jika kegiatan masa lepas mereka mengancam sesiapa, maka itu adalah Kerajaan Barisan Nasional dan tentunya bukanlah keselamatan negara.

Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terhutang maklumat kepada rakyat

Malaysia dalam menerangkan bagaimana bilangan orang tahanan ISA meningkat menjadi 150 orang apabila Yang Amat Berhormat baru-baru ini memberitahu pihak akhbar bahawa masih terdapat 150 orang dalam tahanan. Di Kem Tahanan Kamunting hanya terdapat 57 orang tahanan termasuk baki 2 orang tahanan di bawah Operasi Lalang, iaitu Ahli Parlimen Tanjong dan Ahli Parlimen Kota Melaka. Di manakah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk sekejap. Yang Berhormat tidak dibenarkan membangkitkan perkara 2 orang Ahli Parlimen ini oleh kerana kedua-dua kes Ahli Parlimen dari Tanjong dan Kota Melaka ini dalam timbangan mahkamah sekarang dan sebelum daripada ini Yang Berhormat telah membawa usul dan Dewan Rakyat telah memberi jawapan. Perkara-perkara ini tidak boleh dibangkitkan dalam Dewan ini oleh kerana masih lagi dalam timbangan mahkamah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Tuan Speaker oleh kerana. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh tidak bersetuju tetapi. . . .

Tuan Lee Lam Thye: . . . masalah ini yang disentuh oleh saya adalah berkaitan dengan perbahasan atas dasar Kerajaan dan saya ingin tidak merujuk kepada perkara tertentu atau permohonan yang dibuat oleh mereka ke mahkamah. Itu ialah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Walaupun Yang Berhormat boleh membangkitkan apa-apa perkara

dalam Dewan ini, tetapi 'Yang Berhormat tertakluk kepada Peraturan 36 (1), (2), (3), (4) sehingga (11), jadi saya tak benarkan Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Keputusan saya adalah muktamad mengikut Peraturan 99.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bahas ialah mengenai aspek demokrasi di negara kita, aspek mengenai pencabulan hak asasi. Dan apabila saya menyentuh penahanan berterusan 2 orang Wakil Rakyat ini, saya adalah membincang perkara ini dari aspek pencabulan hak asasi di negara kita dan berkenaan dengan aspek. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Tetapi Yang Berhormat telah membangkitkan perkara tahanan 2 Ahli Parlimen yang khusus, yang pada masa ini dalam pertimbangan mahkamah, sebab itulah saya tak benarkan. Kalau Yang Berhormat bercakap secara umum, boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya ada cakap secara umum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak, daripada mula-mula tadi Yang Berhormat sebut Ahli Parlimen dari Tanjong dan anaknya. Ini adakah satu perkara yang tertentu, 'Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyentuh kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini apabila Yang Amat Berhormat memberitahu pihak akhbar bahawa lagi terdapat 150 orang dalam tahanan di bawah ISA. Apa yang saya menimbulkan sekarang ialah berkaitan dengan aspek ini bahawa saya hendak bertanya tentang

bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mendapatkan maklumat seperti yang telah dikatakan oleh beliau kepada pihak akhbar?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh menyebutkan tahanan ISA tetapi jangan khusus untuk 2 orang Ahli Parlimen yang dalam tahanan pada hari ini. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Yang sebenarnya saya membincang.

Tuan P. Patto: Point of order, Tuan Speaker—36 (2). Peraturan 3b (2) berhubung: boleh disebutkan apa-apa

perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu".

bolehkah Tuan Speaker menerangkan bagaimana sebutan nama Ahli Parlimen Tanjong dan anaknya Ahli Parlimen Kota Melaka yang dalam tahanan akan atau boleh merosakkan kepentingan-kepentingan, cuma menyebut sahaja penahanan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi ada menyebut mengenai dengan kebebasan hak-hak manusia, tetapi saya sudah buat keputusan tadi setelah menimbang perkara ini dengan teliti dan keputusan saya muktamad.

Tuan P. Patto: Bolehkah Tuan Speaker, atas 36 (2), menerangkan bagaimana ia boleh merosakkan, sama ada menyebutkan hanya penahanan seseorang Ahli Parlimen itu boleh merosakkan? Kalau boleh itu, tolong menerangkan. Kalau Tuan Speaker boleh meyakinkan Ahli Parlimen dari Bukit Bintang, barangkali boleh terima.

Tuan Lee Lam Thye: Itulah yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya. Yang sebenarnya apa yang saya telah.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: . . .katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar Yang Berhormat dari Bukit Bintang terangkan. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: . . . ialah saya membawa perkara penahanan berterusan kedua-dua Wakil Rakyat ini sebab ia adalah berkaitan dengan perjalanan urusan Parlimen dan di samping itu adalah membabitkan perkara demokrasi berparlimen dan pencabulan hak asasi manusia. Dari konteks itu maka saya membawa perkara ini ke dalam Parlimen.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang minta duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta Yang Berhormat dari Arau duduk, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu duduk, tolong minta duduk. Saya sudah buat keputusan tadi, jadi saya teruskan Yang

Berhormat dari Bukit Bintang boleh teruskan ucapan dengan tidak menyentuh perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Saya tidak mahu ulang lagi apa yang disebutkan. Teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyentuh kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Pemangku Menteri Dalam Negeri berkenaan dengan bilangan orang-orang tahanan di bawah ISA. Di manakah baki 100 orang tahanan ISA yang lain ditahan atau adakah Kerajaan membuka sebuah lagi pusat tahanan rahsia di negara ini dan apakah sebab-sebab lebih 100 orang itu ditahan di bawah ISA dalam beberapa bulan lalu?

Parti DAP telah berkali-kali menyuarakan bahawa kedua orang pemimpinnya yang masih ditahan di bawah ISA serta Ahli-ahli Parlimen DAP yang lain yang telah dibebaskan dengan bersyarat baru-baru ini tidak mengancam keselamatan negara. Kami menyatakan sebab sebenar penahanan mereka di bawah ISA ialah bertujuan politik semata-mata dan tidak ada kaitan apa juga dengan keselamatan.

Jika Kerajaan masih mengatakan mereka mengancam keselamatan negara, maka DAP mencabar pihak berkuasa supaya membuktikan bahawa mereka adalah mengancam kepada keselamatan negara dalam sebuah mahkamah terbuka (*Tepuk*) dan memberi peluang kepada mereka untuk mempertahankan diri mereka dan bukan terus menahan tanpa perbicaraan. DAP sekali lagi menafikan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dan menyeru Kerajaan membebaskan Ketua Pembangkang dan anaknya dengan segera tanpa syarat sebagai bukti penghormatan Kerajaan terhadap hasrat rakyat yang

telah pun menyeru pembebasan mereka, terutama para pengundi mereka yang telah memilih mereka dalam Pilihanraya Umum 1986.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu pihak akhbar pada 18hb Februari, 1989 selepas merasmikan Kongres Ekonomi Pemuda UMNO selama tiga hari bahawa Ketua Pembangkang dan anaknya akan hanya dibebaskan jika Kerajaan berpuas hati bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya minta tarik balik perkataan "Ketua Pembangkang dan anaknya". Kalau tidak, saya tidak membenarkan Yang Berhormat meneruskan ucapan.

Tuan Lee Lam Thye: Itu ialah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat. Saya beri amaran, minta tarik balik perkataan.

Tuan Lee Lam Thye: Itu saya berpendapat bahawa ruling daripada Speaker adalah tidak adil oleh sebab itu ialah satu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Saya tidak benarkan Yang Berhormat meneruskan ucapan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak membantah dengan sekeras-kerasnya ruling daripada Tuan Speaker itu, oleh kerana itu ialah satu perkara yang kita harus bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Jemput Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan P. Patto: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak protes dengan sekeras-kerasnya. . . .

Tuan P. Patto: On a point of order.

Timbalan -Yang di-Pertua. (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh. apa!

Tuan P, Patto: Point of order 36 (2), saya tadi ada minta Tuan Speaker, apabila Tuan Speaker mengatakan sudah membuat satu keputusan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak boleh menyebut pun nama anggota dari Tanjong dan juga anggota dari Kota Melaka tentang penahanan mereka pun tidak boleh. Saya cuma menanyakan Tuan Speaker, apabila Tuan Speaker membuat keputusan menggunakan 36 (2), tentu ada sebab-sebabnya. Bagaimanakah/penyebutan itu sahaja sendiri boleh merosakkan perbicaraan itu, ataupun kepentingan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan P. Patto: Dengan izin, masih lagi 36 (2):

"Reference shall not be made to any matter which is subjudice in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of the parties thereto".

Could you please explain how the interests of the parties could be prejudice before you make your decision?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, Yang Berhormat! Saya sudah buat keputusan tadi. . . .

Tuan P. Patto: Ya, atas? Tidak ada asas.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kita tidak boleh berdialog di sini.

Tuan P. Patto: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan P. Patto: Kita menuntut keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan P. Patto: Apakah satu dasar ucapan yang dititahkan oleh Raja itu tidak boleh dibahaskan oleh Pembangkang, khususnya Pemangku Ketua Pembangkang (*Tepuk*) sehingga tidak boleh menyebut nama Ketua Pembangkang, tidak boleh menyebut penahanan Ketua Pembangkang dengan anaknya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk,

Tuan P. Patto: Apa sebab?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang, Berhormat dari Ipoh, duduk, duduk.

Tuan P. Patto: Tidak! Saya minta supaya Tuan Speaker membuat satu ruling memberi satu penerangan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya akan keluarkan Yang Berhormat dari Ipoh, kalau tidak mahu duduk.

Tuan P. Patto: Saya minta penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bentara Mesyuarat, keluarkan Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah

salahnya apabila saya menyebut Ketua Pembangkang dan anaknya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, duduk dahulu!

Tuan Lee Lam Thye: Itu adalah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk, saya minta duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Saya enggan duduk, sebab saya berpendapat bahawa ruling daripada Speaker adalah amat tidak adtl dan itu tidak mengikut lunas-lunas demokrasi. Saya sebagai Pemangku Ketua Pembangkang, saya harus diberi hak untuk menyampaikan pandangan saya atas satu tajuk yang ada berkaitan dengan pengurusan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat tidak boleh bercakap lagi, Kalau tidak, saya akan suruh Yang Berhormat keluar juga.

Tuan Lee Lam Thye: Saya enggan duduk, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bentara Mesyuarat, keluarkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Saya enggan duduk, sebab saya hendak protes sekeras-kerasnya atas ruling daripada Speaker itu. Apa salahnya apabila saya menyebut Ketua Pembangkang dan anaknya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, sebelum Tuan Speaker suruh seseorang keluar daripada Dewan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk semua sekali, saya tidak

benarkan bercakap. Yang Berhormat dari Ipoh, sila keluar!

Tuan Lee Lam Thye: Saya rasa ini adalah satu "sham" bagi Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahii dari Pasir Mas, teruskan.

Tuan P. Patto: Saya ingat Tuan Speaker seorang peguam yang faham. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya sudah perintahkan keluar.

Tuan P. Patto: It is a disgrace.

Tuan Lau Dak Kee: Atas perintah apa?

(Semua Ahli-ahli DAP keluar Dewan).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.15 ptg.

Tuan Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbahasan usul terima kasih di atas Titah Ucapan Di Raja bagi Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga dengan penuh takzim dan rendah diri.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pergolakan politik semasa, terutama di kalangan umat Melayu khususnya dan sikap yang sentiasa konsisten serta keinsafan yang sentiasa menjunjung kepentingan agama, bangsa dan negara dan mengatasi kepentingan. Oleh itu, sebagai rakyat yang cintakan kedamaian, kestabilan dan kesejahteraan umat, maka-saya mengambil kesempatan ini menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini memikirkan tentang masalah semasa yang kita hadapi sekarang ini.

Saya ingin memulakan ucapan ini dengan membacakan sebuah puisi yang tidak diberi tajuk:

Mari kita tenung sisa keyakinan rakyat menjadi sehelai hamparan menutupi bungkusan maruah bangsa dari tempias serta habuk sengketa;

bagaimana kalau disulamkan bungkusan itu bersama sengketa ketahanan bangsa dari manik-manik keinsafan yang bertunjangkan dari keimanan;

Johor Bahru, Parit Raja, Ampang Jaya mengajar kita lebih peka pada rahsia mencari ubat mentera pengasih duka lara agar luka dan bisanya tidak sampai membelah bangsa;

benarkah lukanya menjadi dalam, tiada kesempatan menangkupkannya titik pertemuan menjadi cair, hanyut bersama niat kepalsuan;

apakah kusutnya menghilang punca, tiada mungkin meyusur mencari hujung, tangkai penyelesaian sudah terbenam ke dalam lumpur kepuakan, bertakhtakan dosa dan kepuaraan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat merasa seronok dengan pengumuman Kerajaan tentang pertumbuhan ekonomi negara. Rakyat turut merasa lapang bila Kerajaan menunjukkan angka-angka lebihan dagangan. Semuanya ini menggambarkan kesejahteraan rakyat sedang di ambang. Anihnya, bersambut lagu-lagu indah ini, masalah berhubung ekonomi negara masih di dalam keadaan tenat, nilai matawang ringgit turun menjunam, harga barang melonjak naik, pengangguran semakin bertambah dan berada di tahap yang membimbangkan. Kemiskinan rakyat berada di tahap yang menakutkan,

biarpun Dasar Ekonomi Baru berada di penghujung jalan.

Menteri Kewangan berkata bahawa penurunan ringgit Malaysia boleh menarik pelabur-pelabur asing. Kita juga percaya bahawa kejatuhan nilai ringgit itu disengajakan oleh pihak Kerajaan. Cuma kita tidak bersetuju bahawa langkah itu boleh mensejahterakan penghidupan rakyat. Sepatutnya Menteri Kewangan lebih jujur dan bertanggungjawab kepada rakyat. Beliau sepatutnya tidak mengelirukan rakyat berhubung dengan kejatuhan nilai ringgit ini, di mana kejatuhan nitai ringgit itu pasti akan menyusah serta menyempitkan penghidupan rakyat.

Apakah benar Kerajaan menurunkan nilai ringgit ialah untuk menarik pelabur-pelabur asing yang kebelakangan ini tidak berminat melabur di negara kita? Mungkin langkah menurunkan nilai ringgit boleh menarik minat pelabur tetapi langkah itu semata-mata menguntungkan pelabur asing dan tidak banyak pelabur yang datang kalau dibandingkan dengan pengaliran wang ringgit yang keluar dari negara. Pelabur-pelabur asing dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka. Mereka boleh menggunakan tenaga rakyat ini dengan bayaran yang lebih rendah. Dijangkakan dari langkah Kerajaan ini pelabur-pelabur asing dapat mengurangkan pendapatan benar rakyat negara ini sebanyak 25%.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus dipandang serius oleh Menteri Kewangan ialah tentang bertambahnya hutang negara kerana nilai ringgit jatuh dan pertambahan hutang yang berterusan nampaknya mungkin keseluruhan hutang negara meningkat pada angka \$100 bilion—satu angka yang menakutkan. Sudah tentu bayaran bunga untuk hutang-hutang tersebut semakin berat kesan dari kejatuhan nilai ringgit. Mengikut angka rasmi Kerajaan, jumlah hutang

belum selesai Kerajaan Persekutuan telah berganda dari \$11.3 bilion pada tahun 1975 ke \$23.4 bilion pada tahun 1980; tahun 1981 kepada \$30.6 bilion; tahun 1982 \$41.1 bilion menjadi \$50.8 bilion pada tahun 1983; bertambah kepada \$57.8 bilion pada tahun 1984 dan \$62.5 bilion pada tahun 1985.

Kita dapati hutang luar negara telah berkembang dari \$2.4 bilion pada tahun 1975 kepada \$4.9 bilion pada tahun 1981, menjadi \$13.2 bilion pada tahun 1982, pada tahun 1983 kepada \$17.7 bilion, menjadi \$20.8 bilion pada tahun 1984 dan \$21.8 bilion pada tahun 1985 dan sehingga pertengahan tahun 1988 meningkat kepada lebih \$35 bilion. Pertambahan hutang yang banyak ini kesan dari projek-projek mewah Kerajaan, Dasar Pandang ke Timur dan penswastan, di mana Professor Johan Saravanamuthu membuat ulasan bahawa dasar itu telah memudahkan penguasaan banyak bidang ekonomi Malaysia oleh Jepun yang dapat digelar serangan kedua Jepun.

Menurut angka hutang luar negeri, bahagian hutang Kerajaan Persekutuan dari Keluaran Negara Kasar (KNK), telah bertambah dari 10% pada tahun 1980 kepada 28% pada tahun 1983 dan 30% pada tahun 1985. Di samping ini hutang sektor awam termasuk pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan meningkat dari 20% pada tahun 1981 kepada 49% pada tahun 1983 dan 57% pada tahun 1985. Jika dibandingkan hutang luar negara dengan KNK, saiz hutang luar negeri sudah ditahap yang membimbangkan. Jumlah hutang luar negara adalah 49% dari KNK pada tahun 1983 berbanding dengan purata 30% bagi semua negara membangun dan fenomena ini berterusan hingga kini.

Khidmat bayaran hutang luar meningkat dengan cepat dari \$0.6 bilion pada tahun 1980 kepada \$2.7 bilion pada tahun 1984, pada tahun 1985 ialah \$7.5 bilion. Khidmat

bayaran hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat dari tahun 1984 sebelum melambong naik kepada 56% pada tahun 1985. Khidmat bayaran hutang asing Kerajaan Persekutuan telah meningkat dari 4% pada tahun 1980 kepada 13% pada tahun 1984 dan 35% pada tahun 1985. Jumlah bayaran faedah ke luar negeri meningkat dari \$1.2 bilion pada tahun 1981 kepada \$2.1 bilion pada tahun 1983, \$2.9 bilion pada tahun 1984 dan \$3.5 bilion pada tahun 1985. Dari angka-angka ini kita perlu insaf bahawa pinjaman bukanlah jalan keluar bagi menyelesaikan masalah ekonomi. Peminjam biasanya menjadikan masalah lebih teruk dan rumit. Akhirnya negara menjadi ketagih untuk menambah hutang-hutangnya. Sepatutnya kepimpinan semakin insaf dan sedar bahawa \$6,000 hutang setiap kepala rakyat ini adalah satu petaka kepada rakyat dan negara. Ini bermakna setiap orang kena bayar \$500 sebulan untuk dihabiskan dalam masa setahun, di mana bayaran itu lebih tinggi dari garis kemiskinan untuk negara ini.

Maka perlulah kita sedar bahawa projek-projek mewah mestilah dihentikan dari terus dilaksanakan. Projek Lebuhraya Fraser's Hill-Cameron Highlands-Genting yang memakan belanja \$600 juta itu perlu dilupakan sahaja. Kesannya kepada ekonomi negara adalah berat. Keuntungan kepada rakyat terlalu sedikit, rasional untuk menarik pelancong dan membangunkan tanah di sekitar jalan-jalan raya tersebut sukar diterima oleh rakyat. Bukankah lebih bijak kalau \$600 juta itu dibangunkan penghidupan rakyat yang mundur dan miskin melalui lain-lain projek yang lebih berfaedah. Kita mesti insaf kemiskinan masih menghantui pemikiran rakyat negara kita. Ethnik Melayu merupakan golongan termiskin yang terbesar di negara ini. Pada tahun 1987 kadar kemiskinan kaum Melayu ialah 24%, kaum Cina 17% dan kaum India 10%.

Jika dilihat dari kehidupan rakyat secara teliti keadaannya lebih teruk dari angka peratus yang sentiasa kita baca.

Langkah Kerajaan dengan membiarkan nilai ringgit terus jatuh akan membebankan rakyat. Akhirnya Kerajaan akan membiarkan inflasi berlaku di negara ini. Inilah fenomena yang akan melanda negara kesan dari sikap Kerajaan yang mahu berkalikong dengan rakyat. Yang untung pemodal asing, sedangkan rakyat akan terus dicekik penderitaan. Setakat ini rakyat masih menunggu langkah-langkah positif Kerajaan dalam menyelesaikan masalah pengangguran. Gesaan supaya graduan kembali bertani ke desa adalah sebagai yang tidak munasabah dan dianggap oleh siswazah sebagai sandiwara yang tidak nampak rasionalnya dan ianya bukan jalan penyelesaian. Kalau mahu mereka bertani, maka tidak perlu mereka ke universiti, petani moden boleh dilahirkan tanpa ijazah universiti.

Rakyat juga sedar dan sesak nafas apabila mereka mendengar berita bagaimana Bank Negara boleh ditipu oleh sekumpulan perompak moden sebanyak \$22.2 juta. Bank Negara yang menjadi pengawas kepada perjalanan bank-bank dan institusi-institusi kewangan negara ini sudah hilang kredibilitinya. Rakyat ingin tahu apakah sikap dan pendirian Gabenor Bank Negara dan Menteri Kewangan dalam soal ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Polis Bahagian Jenayah Perdagangan, Bukit Aman yang setakat ini telah hampir berjaya untuk mendapatkan kembali sebahagian dari wang yang hilang itu dan telah membericas beberapa perompak moden yang jahat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan dan jawapan dari Menteri Kewangan mengenai dengan Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham secara terperinci dalam South East Asia

Bank di Mauritius. Soalan saya dalam sidang Dewan yang mulia ini tahun lalu tidak mendapat jawapan. Apakah pemegang saham masing-masing telah mengeluarkan modal dan siapakah yang mengetahui operasi pengurusannya? Rakyat berhak tahu dan kenapa Bank Bumiputera hanya memegang saham 20% sahaja manakala difahamkan pengurusannya diterajui oleh Bank Bumiputera Malaysia Berhad. Rakyat berhak mengetahui semua persoalan ini dan Menteri Kewangan sewajarnya menjawab dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perbahasan mengenai masa depan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 mulai rancak sejak akhir-akhir ini. Pemuda UMNO Baru telah mengadakan kongres ekonomi. Beberapa resolusi telah diambil dan sedap dari segi pendengarannya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Cuma kita bimbang keputusan mengenai masa depan Dasar Ekonomi Baru tidak ditentukan atas asas kepentingan atau kehendak rakyat. Sebaliknya, ia merupakan selera golongan berkuasa serta golongan yang mempengaruhi mereka. Kita turut merasa bimbang kerana trend ekonomi kita menuju ke arah pertumbuhan perindustrian pesat serta pergantungan kepada kuasa pasaran. Trend ini memberi ruang yang luas kepada kapitalis swasta, terutama pelabor asing untuk menggelidih tenaga buruh kita di mana tenaga buruh ini akan dibayar dengan gaji yang rendah untuk menghasilkan barangan dengan kos yang rendah bagi tujuan eksport. Sekiranya perkara ini berterusan, maka tujuan utama Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan itu tidak akan berhasil. Biarpun kita telah digemburkan dengan penurunan peratusan yang baik dari segi kemiskinan di mana laporan telah dibuat kadar kemiskinan telah menurun dari 49% pada tahun 1970, pada tahun 1984 berkurangan kepada 18% dan kononnya pada

tahun 1988 ianya menurun kepada 17%. Kadang-kadang angka yang menarik itu juga telah mengelirukan kita, terutama melihat kepada realiti hidup rakyat hari ini, di samping itu adakah ianya masih diasaskan kepada garis kemiskinan yang lama itu juga, walaupun ringgit kita telah jatuh dengan teruknya.

Di samping itu kita dapat melihat bahawa agihan kekayaan adalah tidak seimbang, kononnya golongan bumiputera mendapat hasil yang besar dari Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, peratus angka sahaja tidaklah menjadi pengukur yang baik dalam menentukan pertambahan pendapatan atau penglibatan kaum bumiputera. Apa yang jelas soal agihan kekayaan sama ada saham atau kekayaan hanya melibatkan segelintir yang kecil. Pelaburan di dalam Amanah Saham Nasional dapat dijadikan contoh yang baik kepada kita. Biarpun 40% dari bumiputera yang dewasa memiliki Saham Amanah Nasional, tetapi hanya 1.3% sahaja yang memiliki 75% dari jumlah saham itu.

Melihat kepada keadaan ini, kita menyeru pergerakan Pemuda UMNO Baru supaya tidak hanya terperangkap dengan angka-angka yang menarik. Hasrat Pemuda UMNO Baru ingin mengubah angka maksima lebih dari 35% itu kita sanjungi. Tetapi mereka perlu ingat dan insaf bahawa peratusan yang dicapai itu tidak kepada golongan tertentu di dalam masyarakat, sebaliknya dirasai oleh majoriti rakyat di negara ini.

Kita dan rakyat menjadi bimbang kalau keghairahan ini menjadi seperti keghairahan kepimpinan dengan Dasar Pandang Ke Timur dan penswastan yang lepas, di mana keuntungan yang sebenarnya tidak dirasai oleh rakyat. Sebaliknya, hanya dikecapi oleh golongan tertentu di dalam masyarakat. Dasar indah itulah disifatkan oleh Linda Golly dari South East Asia Resource Centre, Berkeley, California, iaitu bahawa Kerajaan

melaksanakan dasar-dasar yang telah menjadikan Malaysia syurga untuk pelabur asing, khususnya Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pembentukan Majlis Perundingan ekonomi Negara yang akan menentukan landasan baru perjalanan ekonomi negara kita selepas 1990. Komposisi yang luas itu seharusnya disertai bersama dari wakil organisasi yang lebih banyak sehingga terdapat wakil pertumbuhan golongan miskin seperti organisasi petani, nelayan dan buruh. Tentulah golongan yang dimamah kemiskinan ini lebih tahu dan arif tentang kemiskinan. Semoga Majlis Perundingan Ekonomi Negara dalam menentukan garisnya yang baharu ini tidak lari dari apa yang diasaskan oleh Dasar Ekonomi Baru dahulu di mana kepentingan kaum bumiputera menjadi tujuan asas, kerana kemantapan politik negara bergantung kepada kedamaian umat Melayu.

Semua pihak harus ingat bahawa pengajaran peristiwa 13 Mei, 1969 yang melahirkan Dasar Ekonomi Baru; selepas tuntutan peristiwa tersebut. Kita difahamkan asas yang telah ditentukan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara dalam menggubalkan Dasar Ekonomi Negara yang baru ialah perpaduan dan membasmi kemiskinan. Biarpun menghapuskan kemiskinan adalah sukar, tetapi untuk melahirkan masyarakat bahagia bukanlah satu perkara yang mustahil.

Konsep masyarakat bahagia yang pernah dianjurkan oleh Menteri Pertanian di mana rakyat seharusnya menerima kemudahan asas yang cukup. Melahirkan masyarakat bahagia lebih mudah dari membasmi kemiskinan. Mereka juga perlu mendapat kemudahan sosial yang lain tanpa ditentukan di mana mereka berada. Di samping itu kebebasan bergerak, kebebasan berorganisasi, kebebasan berfikir, kebebasan berucap, kebebasan berkarya dan

bebas dari perkara yang mungkar perlulah diberikan kepada rakyat. Ini juga asas penting selain daripada membebaskan mereka dari garis kemiskinan. Kiranya ini dapat dilahirkan maka dapatlah kita menghasilkan masyarakat bahagia, semoga mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pendidikan akan menentukan kualiti masyarakat dan negara. Pendidikan yang baik akan melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti sesuai dengan keperluan negara. Maka Kementerian Pendidikan sentiasa menjadi perhatian rakyat dan Menteri Pendidikan selalunya dianggap sebagai seorang Menteri yang mempunyai kualiti serta mampu melonjak naik di dalam Kerajaan. Telah menjadi kebiasaan di negara ini seorang yang menjadi Menteri Pendidikan mempunyai ruang yang mudah menjadi Perdana Menteri. Biasanya semasa di Kementerian Pendidikan, Menteri mula merancang serta menyusupkan orang-orangnya ke dalam segala ruang untuk memudahkan mencapai cita-cita politiknya. Perlu diingatkan bahawa bukan semua Menteri Pendidikan menjadi Perdana Menteri. Pak Khir Johari tioakpun sempat menjadi Timbalan Perdana Menteri, banyak lagi. Sama ada kerana mereka itu gagal mengendalikan Kementeriannya atau sebab-sebab yang lain tidaklah diketahui. Kenapa mereka tidak dapat melonjak naik kita pun tidak pasti. Adakah masalah yang timbul di Kementerian itu sekarang menjadi ruang untuk Menteri tersebut melonjak naik turut juga tertutup.

Kita mendengar terdapat sungutan berhubung dengan kenaikan pangkat di kalangan guru-guru di sekolah rendah dan menengah. Begitu juga tentang kenaikan pangkat di institusi-institusi pengajian tinggi. Kita dapati akhir-akhir ini kenaikan pangkat di sekolah rendah selalunya dimonopoli oleh guru-guru yang diasaskan kepada

kelulusan sahaja, biarpun mereka tidak begitu berpengalaman di mana guru-guru senior yang lebih berpengalaman serta berkualiti disisihkan begitu sahaja kerana mereka tidak mempunyai sijil-sijil kelulusan serta tidak lepasan maktab.

Hal ini menimbulkan masalah di segi pentadbiran kerana guru yang dinaikkan pangkat itu tidak mampu bertugas dengan sempurna manakala guru berpengalaman yang tersisih itu tidak berminat membantu sepenuhnya ketua-ketua mereka yang tidak berpengalaman itu. Sebaliknya kalau guru-guru yang berpengalaman itu dilantik bukan sahaja dapat melicinkan pentadbiran malah menimbulkan inisiatif mereka. Di samping itu Kerajaan tidak menanggung pertambahan gaji yang banyak kerana pertambahan gaji guru yang berpengalaman yang biasanya gaji mereka telah mati tidak banyak bezanya dengan gaji kenaikan pangkat itu. Hal ini berbeza dengan guru junior yang bersijil dan lepasan maktab itu di mana mereka mendapat pertambahan gaji yang banyak. Difahamkan kenaikan pangkat di pusat-pusat pengajian tinggi turut juga menimbulkan masalah. Terdapat kenaikan pangkat yang tidak diasaskan kepada kebolehan dan seniority dan sebaliknya diasaskan kepada perkara-perkara yang tidak ada hubungan dengan soal-soal akademik. Terdapat kes di mana pensyarah-pensyarah yang berke-lulusan Ph.D masih duduk di tahap yang lama biarpun anak muridnya telah menjadi Profesor Madya, Profesor, Ketua-ketua Jabatan di tempat ianya mengajar. Pensyarah ini menjadi mangsa, kerana pegangan politiknya berbeza dengan parti yang memerintah.

Saya menyeru amalan seperti ini perlulah dihentikan demi kepentingan kemajuan akademik di negara kita. Saya juga menyeru agar Menteri Pendidikan perlulah mendapat

perhatian serta pandangan dari pihak ahli akademik dan pentadbiran sesebuah universiti sebelum melantik seseorang Naib Canselor ataupun apa juga jawatan pentingnya dalam sesebuah universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi. Perlantikan sesuka hati kemudian menekan pandangan ahli akademik dan pentadbiran sesebuah universiti tidak membuahkan hasil yang baik.

Pembelaan seorang Menteri Pendidikan secara melebihi terhadap seorang Naib Canselor yang dilantiknya boleh menimbulkan rasa angkuh orang yang dibelanya itu. Ahli-ahli akademik sukar menyuarakan pandangan mereka sepenuhnya dalam hal-hat yang menyentuh perjalanan universiti kerana sekatan dan belunggu Akta Universiti dan Kolej. Rakyat telah melihat bagaimana seorang Naib Canselor yang mendapat pembelaan Menteri Pendidikan mula bersikap dan melatah dalam banyak perkara hingga Naib Canselor tersebut lebih banyak bercakap soal parti yang boleh membantu Menterinya daripada bercakap soal-soal kemajuan akademik dan universitinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Minta penjelasan sedikit, boleh tak?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti, biar saya habiskan, sedikit sahaja. Ini tidak mencuit sesiapa.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak, fasal kebebasan, kalau boleh, kita bercakap soal kebebasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bolehlah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di peringkat awal Yang Berhormat dari Pasir Mas telah

menyebut soal kebebasan bersuara dan dalam serangan hebatnya kepada Menteri Pendidikan tercuit seorang Naib Canselor di Universiti Malaya, saya fikir, yang turut mengeluarkan pandangan mengenai politik dan tahukah Yang Berhormat bahawa beliau juga adalah seorang ahli kepada parti politik dan beliau boleh bercakap dan percakapannya tidak melibatkan kerjanya. sebagai seorang ahli akademik. Kalau tahu apakah Yang Berhormat bercakap di satu pihak untuk kebebasan dan di satu pihak lain tidak dibenarkan kebebasan bercakap. Saya minta penjelasan secara tulus ikhlas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya bukan menyerang Menteri Pendidikan. Janganlah pula kalau ada perbezaan pandangan politik sekarang ini jika saya mengungkit ataupun memberi pandangan-pandangan, itu dianggap sebagai satu serangan, tidak. Yang mengajar saya berfikir kritikal ini pun Yang Berhormat Menteri Pendidikan dahulu. Beliau yang melatih saya. Jadi saya menganggap pandangan-pandangan saya ini hanya sekadar untuk membantu beliau kerana saya masih kasih kepada beliau. Ini soal conscience saya ini jelas tetapi dalam pada kita kasih janganlah kita menyokong sehingga kita tidak mampu bercakap, menegur untuk kebbaikannya. Ini pandangan saya dan soal kebebasan itu akan sampai dalam ucapan saya ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada saudara Yang Berhormat dari Tanah Merah supaya jangan salah anggap, bila jumpa Menteri Pendidikan jangan dok cerita pula Ahli dari Pasir Mas serang you habis-habisan, melompat pula kawan itu.

Tuan Yang di-Pertua, gelagat ini berbeza benar dengan Naib Canselor di universiti-universiti lain dan dengan

Naib Canselor sebelumnya. Beliau memang mempunyai kebebasan untuk bercakap tetapi bezanya dengan Naib Canselor yang lain. Telah beberapa kali saya menyeru agar Menteri Pendidikan menyemak serta menghapuskan fasal-fasal yang menyekat kebebasan pelajar dan ahli akademik di universiti. Sebenarnya Menteri Pendidikan dengan fikiran yang penuh rasional melihat kesan yang sebenarnya hasil dari belunggu Akta tersebut. Menteri Pendidikan seharusnya dengan nawaitu yang ikhlas menyingkap kembali zaman-zaman penentangannya terhadap Akta tersebut. Zaman itu masih segar di hadapan mata pelajar dan ahli akademik. Biarpun ada tanda-tanda Menteri Pendidikan ingin memberi sedikit kelonggaran kepada mahasiswa tetapi janganlah ianya merupakan satu sandiwara. Kita menyambut baik langkah tersebut walaupun mesti mendapat kebenaran. Setiap ahli pemedato mesti mendapat kelulusan. Maka kebebasan itu samalah kebebasan menggigit jari.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan melalui sistem Kurikulum Baru Sekotah Menengah banyak kerja-kerja terpaksa dilakukan oleh guru-guru sekolah menengah terutama dalam membuat nota-nota. Dalam soal membuat nota-nota ini terjadi pembaziran dari segi kertas-kertas. Kita juga bimbang kalau hal ini tidak dikaji dan pengawasannya agak longgar, mungkin menyebabkan pembaziran yang lebih besar atau terjadinya penyelewengan terutama apabila sistem KBSM itu dilaksanakan. Timbul persoalan kepada kita adakah kerana terlampau ingin melaksanakan sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini maka aspek yang lain sudah diabaikan.

Rakyat terperanjat bila melihat berita di akhbar bahawa masih banyak sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan asas.

Terdapat sekolah-sekolah yang tidak mencukupi bilik darjah, tidak ada bilik guru-guru sekolah, tidak cukup kerusi meja, banyak lagi, termasuk juga kawasan Tanah Merah, saya percaya. Bagaimana boleh terjadi kekurangan kelengkapan asas sedangkan pendaftaran murid-murid untuk memasuki darjah satu dibuat beberapa tahun lebih awal? Pendaftaran ini sepatutnya boleh dijadikan asas untuk merancang tentang pembangunan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan? Yang Berhormat Pasir Mas, saya hendak tahu bilakah Yang Berhormat pergi ke Tanah Merah, mungkin semasa berkempen, yang mengatakan di kawasan saya tidak cukup bangunan sekolah. Setahu saya, setiap minggu saya balik, cukup semua untuk bangunan sekolah dan kelas-kelas dan guru pun cukup bahkan lebih untuk Kelantan. Sudah seratus lebih guru dibekalkan ke Kelantan yang saya tahu. Maklumat mana Yang Berhormat Pasir Mas tahu, untuk makluman saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga selalu ke Tanah Merah sebab Tanah Merah dengan Pasir Mas itu tidak jauh. Lagipun banyak juga saudara-saudara di sana. Tetapi saya rasa pertanyaan Yang Berhormat dari Tanah Merah itu dari segi politik boleh memerangkap Yang Berhormat. Sebab bagaimana kalau saya meminta Yang Berhormat Tanah Merah balik ke Tanah Merah naik atas pentas di depan rakyat, "Tuan-tuan dan puan-puan, no problem, beres, semua bangku-bangku sekolah, kerusi-kerusi dah cukup", boleh buat begitu? Kalau boleh buat begitu, saya rasa mungkin apa yang saya timbulkan itu tidak termasuk tanah Merah dan mungkin saya boleh tarik balik. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya setakat ini di Sekolah Menengah Tanah Merah

tidak cukup sebuah asrama dan saya telah mengadakan perjumpaan minggu lepas kerana di situ dijanjikan semasa Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh melawat kononnya hendak beri \$70,000. Jadi saya rasa, kalau tidak cukup pun, tolonglah Yang Berhormat minta" Tengku Razaleigh hantarkan peruntukan segera \$70,000 untuk membina asrama Sekolah Menengah Tanah Merah. Kalau tidak, saya minta Menteri Pendidikanlah, kalau dia tidak boleh beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Daripada Yang Berhormat Gua Musang beri ke Tanah Merah, baik dia beri ke Pasir Mas (*Ketawa*), ya tak? Baiklah Tanah Merah minta dengan Menteri Pendidikan. (*Ketawa*) Jadi ini menunjukkan tanda kasih sayang, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi eloklah saya habiskan ucapan saya ini. Rakyat terperanjat bila melihat berita di akhbar masih banyak sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan terdapat sekolah-sekolah yang tidak mencukupi bilik darjah, tidak ada bilik guru-guru sekolah yang cukup dan kerusi meja dan banyak lagi yang saya sebutkan tadi.

Ini bukanlah saya menafikan bahawa sekarang ini seolah-olah tidak ada. Ada, cuma bercakap fasal tidak cukup sebab kita lihat. Bagaimana boleh terjadi kekurangan kelengkapan asas sedangkan pendaftaran murid-murid untuk dimasukkan ke darjah satu dibuat beberapa tahun lebih awal? Pendaftaran ini sepatutnya boleh dijadikan asas untuk merancang tentang pembangunan pendidikan negara. Ini cadangan ikhlas, benar-benar ikhlas. Kalau sebuah sekolah di kawasan Ampang Jaya sebagai contoh, boleh kekurangan kerusi meja, bayangkanlah masalah sekolah-sekolah di Hulu Tembeling ataupun di

Hulu Kelantan. Saya turut menyokong langkah Kerajaan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya. Perlaksanaannya menjangkau mahkamah itu adalah suatu petanda yang baik. Tentulah keputusan itu dialu-alukan oleh semua pihak, walaupun ianya agak terlewat. Kerajaan perlu bertindak tegas walau pun terpaksa menggubal undang-undang baru supaya Bahasa Kebangsaan digunakan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kadang-kadang menjadi keliru dengan perubahan-perubahan dasar Kerajaan yang mendadak. Misalnya dalam kehangatan memboikot Britain dahulu seperti "buy British last". Tiba-tiba Kerajaan membuat pesanan kelengkapan ketenteraan sebanyak \$4.3 billion yang pernah saya sebut ataupun ungit sewaktu perbahasan Belanjawan tempoh hari. Begitu juga Kerajaan secara mendadak berpaling ke negara blok Sosialis dan Komunis. Kerajaan mengatur beberapa lawatan ke negara tersebut sejak akhir-akhir ini. Sejauh manakah negara mendapat keuntungan dari hasil lawatan-lawatan tersebut? Apakah angka-angka perdagangannya boleh membantu Perbendaharaan kita dari semua lawatan-lawatan tersebut? Rakyat mahukan suatu penjelasan yang khusus berhubung dengan soal ini. Kita tidak hairan mengapa rakyat merasa bimbang kerana selama ini rakyat diasuh mencurigai blok komunis. Rakyat melihat bagaimana Russia tiba-tiba boleh menyelinap ke Afghanistan. Atas kebimbangan itulah maka rakyat menggesa Kerajaan supaya lebih berhati-hati. Bila isu hospital mata di Langkawi terlontar di tangan rakyat maka semakin bimbang mereka terhadap penyusupan Russia. Rakyat masih ingat bagaimana ejen-jen Jepun datang ke Malaya menjual keropok atau ais krim sebelum tentera Jepun sampai ke Malaya pada tahun 1941.

Kita harus mengambil iktibar dari kejadian tersebut. Juga belajar dari sejarah beberapa negara lain berhubung penyusupan beruang merah ini. Saya menyokong penuh langkah Kerajaan meneruskan sokongan perjuangan suci Mujahidin Afghanistan dan rakyat Palestin. Semoga sokongan ini disertakan dengan tindakan dan perlakuan yang lebih tegas.

Kementerian Dalam Negeri sepatutnya memandang dengan serius beberapa perkara berhubung dengan kebajikan anggota polis. Kita mendengar sungutan mereka berhubung dengan soal penginapan atau rumah. Bukan sahaja mereka mendapat rumah atau tempat penginapan yang berbeza dengan pegawai-pegawai Kerajaan dari jabatan lain. Malah masih banyak yang terbiar. Mereka terpaksa menduduki kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar besar. Oleh itu, diharapkan Kementerian berkenaan dapat mengkaji dan menyelesaikan masalah ini. Bagaimana mereka dapat bertugas dengan baik untuk menjaga keamanan dan ketenteraman awam kalau fikiran mereka kalut dengan masalah penginapan keluarga mereka. Bagaimana perasaan mereka bila menjaga rumah seorang Menteri yang mempunyai kolam renang yang jauh lebih mahal dari rumah setinggan mereka.

Di samping itu pihak Polis juga menghadapi kekurangan dari segi kemudahan menjalankan tugas. Mereka biasanya menduduki sebuah pejabat atau balai yang penuh sesak, tempat pegawai yang tidak sempurna. Kadang-kadang suasana mereka bersesak seperti sebuah pasar. Sudah tentu keadaan yang tidak selesa itu turut mengganggu prestasi mereka. Khabarnya setiap balai Polis yang sederhana besarnya hanya boleh menggunakan satu rim kertas saja satu bulan. Adakah ini benar-benar

terjadi? Jika guru-guru sekolah boleh menggunakan seberapa banyak kertas rim sistem KBSM, apakah pihak Polis diarah begitu cermat sekali? Soalnya keperluan mesti cukup untuk kerja yang baik dan tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah memberi kemenangan yang besar kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum tahun 1986 kerana menyakini janji-janji Barisan Nasional untuk melahirkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Masa telah berlalu. Perubahan yang diimpi oleh rakyat masih tidak ketara di mana rakyat telah digegarkan dengan kes-kes penyelewengan dan rasuah-rasuah yang tidak dapat ditutupi oleh Kerajaan sebagaimana yang saya luahkan di dalam perbahasan Belanjawan Negara 1989 bulan Oktober tahun lepas. Apakah cukup bagi Kerajaan untuk membersihkan imejnya dengan menubuhkan Jawatankuasa Anti Penyelewengan yang diketuai oleh seorang Menteri Kabinet. Kita yakin bahawa badan seperti ini berguna untuk mengawal perjalanan jabatan-jabatan Kerajaan atau kementerian-kementerian. Tetapi bila ianya diketahui oleh seorang Menteri berserta terdapat ahli-ahli yang juga patut disiasat dan diragui tentang kebersihannya. Maka dengan sendirinya badan itu diragui oleh rakyat. Kalau Kerajaan benar-benar jujur ingin mengawal penyelewengan dan rasuah kenapa ianya membentuk sebuah badan yang bebas dan orang-orang yang diyakini kebersihannya yang boleh mengetahui atau menduduki badan bebas itu atau kenapakah tidak Badan Pencegah Rasuah dijadikan badan yang benar-benar bebas yang diketuai oleh mana-mana bekas Ketua Hakim Negara seperti yang pernah saya cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan yang lalu. Bila anggota dalam badan itu sendiri boleh mendahului orang lain untuk disiasat, maka rakyat dapat menghidu tujuan sebenarnya badan itu dibentuk.

Rakyat tidak mahu badan itu dibentuk bagi memudahkan orang-orang tertentu di dalam Kerajaan memerangi musuh-musuh politiknya atau pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak sebulu dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat merasakan dasar ke arah Islam sepertimana yang digembargemburkan oleh Kerajaan tempoh hari semakin malap dan terhenti. Slogan-slogan tentang Islam semakin pupus. Begitu juga dengan gerak kerja ke arah Islam. Akhir-akhir ini imej perjudian menyerkup imej dasar penerapan nilai-nilai Islam. Nampaknya segala bentuk perjudian dengan lesen-lesen baru membanjiri negara. Rakyat tidak tahu apa rasionalnya dengan pertumbuhan segala bentuk perjudian ini. Adakah ini caranya Kerajaan mahu mengatasi masalah ekonomi dan kewangan negara? Adakah ini sebagai senjata Kerajaan mahu mengalihkan perhatian rakyat dari kepicikkan hidup mereka atau Kerajaan mahu memupuk khayalan pada rakyat tentang kekayaan serta kenikmatan hidup yang diasaskan ianya perjudian atau adakah ianya sebagai satu langkah pengiklanan kepada pelancong untuk negara luar supaya tidak perlu bimbang dengan dasar penerapan nilai Islam di negara ini. Maka tergamam dengan perjudian baru Big Sweep dan Off Course Betting.

Kita mahu Menteri Kewangan menjelaskan kepada rakyat siapa-siapa pemegang saham dan lembaga pengarah bagi Syarikat Ascot Sdn Bhd dan Pan Malaysian Sweep Sdn Bhd. Rakyat juga berharap Menteri Kewangan dapat menjelaskan tentang Sabah Sweep Stake di Sabah di mana syarikat yang mengendalikan perjudian tersebut ialah Daya Maju Enterprise dan Daya Cekap Sdn Bhd, Ayer Hitam Tin Dredging mempunyai hubungan dengan Menteri Kewangan secara langsung ataupun tidak atau

siapakah empunya kepentingan ini? Semoga kepimpinan hari ini sah bahawa "nawaitu" ke arah Islam yang dirangka selama ini akan tenggelam bila segala bentuk kebatilan dibiarkan berlengas di depan mata.

Umat Islam kini digegarkan oleh Salman Rushdie dengan bukunya "Satanic Verses", buku atau novel yang menghina kita umat Islam. Seharusnya kita umat Islam dan Kerajaan turut bersuara bersama umat Islam sedunia mengutuk perbuatan khianat dan jahat Salman yang biadap itu. Langkah pihak Kementerian Dalam Negeri mengharamkan buku ini patut dipuji. Langkah pihak agama di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan perkara ini patut dipuji. Cuma kita berharap tokoh-tokoh agama ini turut sensitif dengan pertumbuhan judi bentuk-bentuk baru di negara ini. Nanti kalau terlampau banyak projek perjudian di negara ini saya bimbang terdapat pula penulis di tanahair akan melahirkan buku Surah Judi di Malaysia.

Bila rakyat gempar dengan wabak judi, Majlis Kerja Tertinggi melalui Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan melahirkan rasa bimbang dan cemas. Beliau dan Majlis Tertinggi UMNO akan cuba berusaha menyekat serta atau menyekat perjudian. Saya ucapkan tahniah. Ketua Pemuda UMNO mewakili organisasinya menggesa Kerajaan menyekat orang-orang Islam dari pergi ke kedai judi. Bagaimana hal ini boleh dilakukan. Kerana mengikut Pengerusi wakil-wakil perjudian berlesen kedai-kedai judi akan tumbuh lebih banyak dari kedai kopi di negara ini. Saya bersetuju dengan pandangan rakyat di negara ini bahawa segala bentuk perjudian mestilah dihapuskan. Bagi saya langkah pengharaman adalah tebih mudah dari memikirkan cara-cara penyekatan orang-orang Islam dari terlibat dalam segala bentuk perjudian. Anehnya serentak dengan

pengumuman Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri itu Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan mengumumkan bahawa rombongannya telah pulang dari Jerman dengan idea-idea baru untuk meningkatkan bentuk penjualan loteri kebajikan masyarakat. Saya ingin penjelasan dari Menteri Kebajikan berhubung dengan soal ini. Saya ingin menyeru Majlis Syura badan perundangan Islam serta Majlis Islam Kebangsaan supaya peka dengan hal ini. Janganlah membisu dalam soal yang menyentuh hal-hal akidah ini. Kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebangsaan, Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan badan-badan Islam yang lain saya menyeru supaya bangun menentang kemunggaran ini. Jangan soal heavy metal rock saja yang dibisingkan, manakala hal judi diam seribu bahasa.

Rakyat mengharapkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan soal yang penting bila pulang dari United Arab Emirate, sebagai contoh rakyat menyangkakan penentangan terhadap lesen-lesen judi tetapi beliau hanya mampu bercakap soal khutbah Jumaat. Ini kenyataan akhbarnya dua hari yang lalu. Beliau mengumumkan untuk menyeragamkan semua khutbah dengan masa yang singkat. Kononnya khutbah sekarang menjemukan jemaah kerana memakan masa panjang. Saya rasa menyekat kebebasan dengan mengontrol khutbah-khutbah bukanlah langkah yang wajar. Kita mengambil masa yang panjang dan mengganggu waktu kerja. Ianya boleh diselesaikan dengan mencadangkan sekali lagi hari Jumaat sebagai hari kelepasan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit lagi berhubung dengan pembangunan ekonomi bagi kawasan Pasir Mas yang saya wakili. Pasir Mas adalah kawasan yang masih mundur dalam semua aspek. Tahap

sosio-ekonomi rakyat adalah rendah, pembangunan infrastruktur untuk kemudahan rakyat jauh daripada memuaskan. Kawasan Parlimen Pasir Mas berada di tengah-tengah antara Tumpat dan Rantau Panjang. Ianya ditadbir oleh dua Ketua Jajahan—Pasir Mas dan Tumpat. Akibatnya di sempadan Tumpat dan Pasir Mas didapati tumpuan pembangunan infrastruktur ketinggalan, mungkin kerana overlooked ataupun harap mengharap.

Saya diberitahu bahawa Unit Perancang Bandar dan Desa sedang mengkaji untuk mengemukakan satu pelan struktur bagi jajahan Pasir Mas meliputi Kawasan Parlimen Rantau Panjang dan sebahagian daripada Kawasan Parlimen Pasir Mas pada tahun 1990 ketika mana bilangan penduduk bagi jajahan Pasir Mas dianggarkan hampir 200,000 orang. Perencanaan pembangunan tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan penduduk. Perkembangan penduduk berhubungkait pula dengan penghijrahan rakyat ke bandar-bandar terutama kerana perkembangan sektor ekonomi Pasir Mas dianggap lembab. Kesan negatif yang berlaku adalah luar bandar terus mundur dan di bandar pula dengan berbagai gejala masalah.

Oleh itu saya menggesa Kerajaan Pusat dan Negeri menggalakkan dan membangun segera pertumbuhan pekan-pekan kecil di dalam Kawasan Parlimen Pasir Mas seperti Tendong, Bunut Susu, Pekan Meranti, Pohon Tanjung dan Cabang Empat. Sempadan Tumpat bagi mempercepatkan ciri-ciri pembangunan untuk pertumbuhan pasaran keluaran pertanian di beberapa kawasan pinggir dan pendalaman tersebut. Ini bertujuan meningkat peluang pekerjaan, mewujudkan kegiatan ekonomi dan menyekat rakyat membeli-belah di pekan Golok, Thailand.

Walaupun KADA, RISDA, FAMA adalah agensi pertanian wujud di Pasir Mas, potensi pembangunan sektor ini masih lembab. Tanah terbiar semakin luas terbentang manakala sektor pembuatan pertumbuhannya hanyalah sekadar mengeluarkan barangan keperluan harian, penyediaan makanan dan perkhidmatan untuk menampung pertambahan penduduk sahaja. Dilihat dari pembangunan sektor perdagangan, ianya terhad kepada menampung keperluan penduduk sahaja. Kota Bharu masih dianggap sebagai pusat perdagangan utama untuk barangan dan perkhidmatan bermutu.

Melihat kepada keadaan ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat dapat membantu Kerajaan Negeri khususnya Unit Pembangunan Ekonomi Negara dapat membantu masyarakat Pasir Mas, dapat membangun taraf hidup dan ekonomi mereka supaya tidak jauh ketinggalan kerana sesungguhnya jika keadaan ini tidak diperbaiki, Pasir Mas akan hanya tinggal sebagai pusat penempatan, padahal rakyat menaruh harapan supaya Pasir Mas juga akan menjadi salah satu daripada pusat pertumbuhan ekonomi yang membanggakan. Mereka memang tidak mahu melihat Pasir Mas akan mengalami nasib yang sama seperti Tumpat, satu ketika dahulu merupakan pusat perdagangan bahkan pelabuhan bagi negeri Kelantan tetapi akhirnya menjadi perkampungan tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertingkatkan perkembangan dan pemulihan ekonomi kawasan ini, saya mencadangkan supaya langkah-langkah berikut dipertimbangkan oleh Kerajaan:

- (1) Menjadikan Pasir Mas sebagai pusat khidmatan di masa akan datang seperti khidmatan Kerajaan mewujudkan institusi

pelajaran, sekolah-sekolah berasrama penuh, kem-kem Tentera dan Polis.

- (2) Pusat perkhidmatan perdagangan dan perindustrian bagi Zon Kelantan Barat, bagi Kelantan Timur dan Terengganu.
- (3) Pusat sistem pengangkutan wilayah antara Kelantan dan negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung.
- (4) Dikenalpasti Pasir Mas sebagai bandar satelit.
- (5) Mempertingkatkan dan memperkemaskan projek ladang kelompok dan ladang ampa dan kemudahan pasaran termasuk penubuhan Koperasi Pertanian Wilayah.
- (6) Menggalakkan sektor perkilangan dengan mewujudkan kilang-kilang yang boleh berkhidmat kepada institusi-institusi utama negeri Kelantan termasuk kilang-kilang di segi pertanian.
- (7) Mewujudkan koperasi bagi menyatukan pengusaha-pengusaha tempatan, mengendalikan pasaran serta mengenalpasti pengeluaran berpotensi.
- (8) Kerajaan memperuntukkan belanjawan awal yang lebih banyak selaras dengan profile pembangunan dipilih untuknya melalui Rancangan Mataysia dari semasa ke semasa.
- (9) Eksport balak ke negeri Thai dan import balik sebagai barangan yang sudah diproses seperti perkakas rumah berukir dan sebagainya, sepatutnya barangan tersebut diproses di sini dan di eksport kerana di Kelantan terdapat pengukir-pengukir yang mahir.
- (10) Mempertingkatkan hasil kraf-tangan selaras dengan bahan

mentah yang ada secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menutup ucapan saya berhubung dengan usul Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sukalah saya menyentuh sedikit sahaja lagi.

Rakyat bergembira sekiranya demokrasi di negara ini terus berkembang dan segar, demokrasi yang bukan hanya diukur dengan adanya pilihanraya umum atau pilihanraya kecil. Rakyat hari ini lebih matang dan memahami apa artinya demokrasi. Mereka sedar bahawa demokrasi hidup atau mati dengan melihat institusi-institusi penting yang menentukan ianya dapat hidup subur dan bebas. Rakyat sedar di negara komunis pun mempunyai pilihanraya. Mereka dapat melihat melalui TV bagaimana rakyat di setengah negara komunis yang tidak percayakan Tuhan ini boleh berhimpun dalam rapat-rapat umum atau tunjuk-tunjuk perasaan. Kita tidak mahu nanti rakyat di negara ini merasakan kebebasan di sini lebih sempit jika dibandingkan dengan negara-negara komunis sekalipun.

Untuk mengekalkan imej negara sebagai sebuah negara Islam dan pendokong sistem demokrasi, maka segala undang-undang yang menekan perlulah dirombak ataupun dihapuskan. Mengembalikan kebebasan kehakiman serta akta-akta seperti ISA, OSA, Akta Poiis, Akta Mesin Cetak dan beberapa lagi perlu diperhatikan tentang keperluannya jika kita benar-benar mahu memelihara sistem demokrasi negara Malaysia dihormati dan disegani.

Pilihanraya yang sering ditonjolkan oleh Kerajaan sebagai penentu kepada kewujudan demokrasi kini mula dipersoalkan di mana kita lihat rakyat mula mempersoalkan Suruhanjaya Pilihanraya itu sebagai badan yang benar-benar bebas. Pilihanraya kecil

Ampang Jaya baru-baru ini turut mengajar rakyat untuk meragui Suruhanjaya Pilihanraya. Beberapa insiden semasa proses pengiraan undi benar-benar meragukan rakyat. Langkah Suruhanjaya mencatat nombor pengundi pada kaki kertas undi semakin menjelaskan sikap Suruhanjaya itu biarpun pihak Suruhanjaya boleh membariskan segala macam alasan. Pendek kata banyak perkara yang kurang menyenangkan rakyat. Bagi rakyat, tindakan seperti itu mencerminkan bahawa pilihanraya itu tidak lagi rahsia.

Di samping itu terdapat pula cara-cara rasuah politik, kalau boleh disebut, secara terbuka telah dilakukan tetapi telah dihalalkan oleh Suruhanjaya. Bila keputusan pilihanraya Ampang Jaya dicabar di mahkamah, maka dengan sendirinya kredibiliti Suruhanjaya turut tercemar. Dengan ini saya menggesa dengan tegas bahawa Kerajaan harus peka kepada tuntutan rakyat berhubung soal demokrasi di negara ini bagi menjamin hak rakyat dan kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kemelut ekonomi dunia sekarang serta keruntuhan falsafah Barat, kita sepatutnya lebih serius kembali kepada Islam. Untuk itu perlulah kita mempersiapkan diri dan jemaah kita untuk mencapai falsafah Islam yang unggul. Marilah kita bersama melahirkan perpaduan ummah dengan ertikata yang sebenarnya, perpaduan yang berasaskan kepada falsafah serta bertujuan membangunkan ummah dan bukan kerana kepentingan-kepentingan tertentu. Memandangkan gerakan ke arah perpaduan ummah semakin berjaya, maka saya menyeru semua pihak menyertai gagasan ini. Bila gagasan ini berhasil, maka kita yakin perpaduan rakyat semua kaum akan tercapai. Bila ini terjadi, maka lahirlah negara Malaysia yang bahagia dengan kepimpinan yang sayang

kepada semua. Marilah bersama kita menyeru kepada semua pemimpin dan para mukmin supaya kembali memandang kepada Allah yang mencipta kepala langit dan bumi dan kembali berikrar bahawa segala amalan kita adalah untuk Tuhan Rabbul Aiamin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat yang mewakili rakyat Pasir Mas, saya ingin turut mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan iaitu merafakkan sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Perak yang ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong kesembilan. Saya menjunjung kasih di atas Usul Titah Ucapan DiRaja. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Tidak ada Ahli lain? Yang Berhormat dari Tanah Merah. Sila Yang Berhormat.

6.00 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Baginda telah menyentuh kesemua aspek-aspek penting ke arah pencapaian harapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang telah disimpulkan di akhir Titah Ucapan Kebawah Duli yang berbunyi: "Mudah-mudahan negara Malaysia menjadi sebuah negara sebagaimana Firman Allah s.w.t. "Baladun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur", yang bermaksud, negara yang aman makmur mendapat restu keampunan Allah".

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan Baginda telah menyentuh aspek-aspek ekonomi, "perpaduan, perkhidmatan, pendidikan, pembangunan kemudahan asas, latihan dan kemahiran, keselamatan, hal ehwal luar, soal penagihan dadah sehinggalah kepada soa-soal penyelewengan di dalam Kerajaan dan masyarakat pada hari ini.

Daripada aspek-aspek yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, saya akan hanya membicarakan beberapa aspek tertentu sahaja.

Pertama, tentang ekonomi. Kita bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. kerana ekonomi kita telah kembali pulih dan ianya telah bertumbuh dengan kadar yang agak tinggi berbanding dengan jangkaan yang telah dibuat sebelum daripada ini. Kesan-kesan pemuliharaan dan pertumbuhan ekonomi mula dirasai oleh rakyat di semua peringkat dan bidang dan kita tetap mendoakan supaya kenikmatan ini terus dirasai oleh rakyat dan oleh semua golongan di dalam negara kita. Di dalam ini kita harus mempersoalkan bagaimana kita menjamin bahawa rakyat akan terus menikmati kemakmuran dan terus mengecapi kenikmatan dari segi pertumbuhan ekonomi yang telah mula dirasai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin memperkatakan soal pokok yang memberi kaitan yang rapat kepada pertumbuhan ekonomi ialah soai kestabilan politik, di mana politik adalah fakto"r utama penentu kepada pertumbuhan ekonomi itu di samping faktor-faktor lain yang turut mendokong kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Di dalam hal ini saya suka menarik perhatian kepada soal pokok iaitu kestabilan politik. Kestabilan politik tentunya berpunca dari pemimpin-pemimpin politik sama ada pemimpin-pemimpin politik ikhlas dan jujur

untuk melihat kestabilan yang benar-benar akan memanfaatkan kepada negara dan khususnya kepada rakyat secara umum.

Saya ingin menanya sejauh mana pemimpin-pemimpin politik ingin melihat kestabilan yang sebenar-benarnya berdasarkan perkembangan-perkembangan yang berlaku selama ini dan jika dibandingkan dengan perkembangan akhir-akhir ini setelah ekonomi kita kembali pulih.

Bila menyentuh kestabilan politik, kita ketahui, kita dengar, kita saksi pemimpin-pemimpin politik yang bercakap kadang-kadang mengikut masa dan ketika, selera untuk mereka ataupun kelompok-kelompok mereka. Tetapi mereka tidak bercakap secara konsisten ke arah untuk mencapai kestabilan politik yang sebenar. Ada pemimpin politik yang hanya bercakap pada masa-masa tertentu dengan "nawaitu" tertentu. Kemudian menukarkan percakapan mereka di masa lain dengan "nawaitu" yang lain pula. Mereka bercakap mengikut masa dan ketika.

Sebagai contoh, ada pemimpin politik yang satu ketika bercakap di luar negeri, di Hongkong kononnya keadaan di negara ini tidak menjamin keamanan, tidak menjamin pertumbuhan ekonomi dan tidak boleh menjamin keselamatan pelabur-pejabat asing satu ketika. Kemudian di satu ketika yang lain, pemimpin politik itu pula mengatakan bahawa keadaan sekarang sudah baik, pimpinan sekarang harus disokong, Alhamdulillah, kerana ianya kata-kata ini boleh mendorong kepada ketenangan dan mengurangkan ketegangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga pemimpin politik yang berpanjangan sepanjang masa mula bercakap di dalam Parlimen, di Seminar, di Kongres, di perjumpaan, di pentas politik secara sulit, secara terbuka, kesemuanya tidak baik. Krisis

keyakinan di sana, krisis keyakinan di sini, seolah-olah memaksa, menyumbat ke dalam kepala rakyat, ke dalam 'kepala peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bahawa satu masalah besar akan berlaku, yang akhirnya menjejaskan kepada perkembangan ekonomi itu sendiri.

Dalam perkara ini saya suka menarik kepada seorang Pembangkang, seorang yang rasional di segi pandangan, walaupun beliau adalah pengkritik kepada Kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin Kerajaan. Siapa yang saya maksudkan adalah Presiden kepada ALIRAN, Dr Chandra Muzaffar di dalam tulisannya dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, beliau membuat kaitan dalam menghujah pertumbuhan ekonomi sekarang, kata-katanya kepada Kerajaan yang berbunyi, "But some of the credit for economic recovery must go to the Malaysian Government as well. The Government reduced public expenditure quite significantly between 1985 and 1987 and has encouraged foreign investment by relaxing some of the rules on foreign equity and participation". Ini adalah kenyataan yang telah diberi dengan jujur dan ikhlas oleh Presiden ALIRAN.

Apa yang saya maksudkan kalau boleh pemimpin-pemimpin politik cuba mengakui perkara yang benar tetap benar dan perkara yang tidak benar boleh diperkatakan. Tidak ada mana-mana pihak yang ingin menyekat di dalam percakapan mereka. Tetapi ada segolongan pemimpin-pemimpin politik yang tidak jujur dan dt dalam soal kestabilan politik ataupun di dalam soal pertumbuhan ekonomi ini iaitu pemimpin-pemimpin dari DAP. Mereka ini sentiasa bercakap bahawa segala dasar Kerajaan tidak baik, segala perancangan Kerajaan tidak baik, perbuatan dan tindakan Kerajaan adalah menyekat,

menghalang dan mereka simpulkan dengan istilah mereka yang berbunyi, krisis keyakinan dan perkara ini sedikit sebanyak tentunya mempengaruhi pemikiran pihak-pihak tertentu dan tentunya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada mereka yang masih berada di dalam kumpulan apa yang dinamakan "Kumpulan Serpihan" yang masih pergi ke merata tempat, ke kampung-kampung, ke ceruk-ceruk rantau, ke bandar, desa yang bercakap soal kemungkarannya ekonomi dan sebagainya. Saya ingin mereka ini kembali ke pangkuan bersama-sama turut memberi pandangan yang jujur dan ikhlas, sama-sama kita bentuk keadaan yang ada sekarang, wujud keadaan yang lebih baik, cukuplah dengan penjelasan yang diberi oleh rakyat, mesej atau pesanan yang telah diberi oleh rakyat di dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas. Cukuplah mereka ini menjejaskan, mengelirukan rakyat dan kita sayangkan pertumbuhan ekonomi ini untuk dinikmati oleh rakyat. Kembalilah ke pangkal jalan setelah sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan untuk kita sama-sama kembali membaiki dan memupuk pertumbuhan ekonomi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya juga ingin menarik perhatian kepada satu golongan masyarakat perdagangan khususnya kepada golongan masyarakat Cina Malaysia yang mengamalkan apa yang diistilahkan sebagai "the flight of domestic capital" supaya mereka ini mengingat di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung; hujan emas di negeri orang, hujan keris/lembing di negeri sendiri, lebih baik untuk kita bersama membina negeri sendiri. Dalam perkataan ini, dalam perumpamaan ini saya bermaksud ada

pelabur-pelabur Malaysia sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada masyarakat Cina yang mengeluarkan wang ataupun modal daripada negeri ini untuk melabur di negeri lain. Setelah keadaan ekonomi pulih, kenapakah mereka tidak boleh berkorban sedikit untuk menanam modal di negara sendiri, kerana perbuatan mereka ini, saya yakin boleh menolong Kerajaan dan secara tidak langsung boleh menolong rakyat di dalam usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi negara kita ini.

Kalau pelabur-pelabur asing yakin dan boleh menanam modal di negara kita, kenapa kita rakyat Malaysia, tempat tanahair tumpah darahku, rumahku, negaraku yang dicintai kita tidak boleh berkorban sedikit untuk menanam modal ataupun melabur wang kita di sini. Jangan kita turut terpengaruh ataupun memihak kepada satu golongan parti DAP yang sentiasa menghasut, meracuni fikiran pedagang-pedagang Cina ini, peniaga-peniaga Cina ini seolah-olah mereka ingin melihat keadaan ini terus berlaku kerana matlamat mereka bukan soal hendak pulih ekonomi, tetapi soal hendak melemahkan Kerajaan kepimpinan pada hari ini khususnya Kerajaan di bawah kepimpinan Melayu bersama dengan sokongan parti-parti komponen Barisan Nasional.

Saya mengambil kesempatan ini untuk bersama dengan apa yang dikatakan oleh orang-orang kita, rakyat kita, khususnya berdasarkan perumpamaan yang berbunyi "kera di hutan disusui, anak di riba jangan mati kelaparan". Saya tidak mahu rakyat Malaysia khususnya dalam soal suasana sekarang yang masih mengalami soal pengangguran. Kalaulah dengan modal-modal orang-orang kaya daripada negara ini setelah mendapat kemakmuran, kesejahteraan, keamanan hasil daripada usaha Kerajaan, hasil

daripada perbincangan kita bersama, hasil daripada pembentangan Akta pindaan dan sebagainya, mereka boleh mendapat wang yang banyak, kenapa wang itu tidak boleh digunakan di sini? Dengan penanaman modal yang banyak, perniagaan dalam negeri boleh menolong penganggur-penganggur, boleh menolong Kerajaan kerana kita tahu bahawa penganggur-penganggur bukan hanya mengharap ataupun tidak hanya boleh mengharap kepada jawatan-jawatan Kerajaan tetapi juga kepada jawatan-jawatan yang boleh diwujudkan oleh pihak-pihak swasta khususnya pemodal-pemodal di dalam negara kita sendiri. Dengan ini barangkali mereka dapat menolong mengatasi sedikit-sebanyak bagi mengatasi masalah tadi.

Keduanya dengan perbuatan ini, dengan menggunakan wang atau modal mereka di dalam negeri kita mereka dapat menahan ataupun mengelakkan daripada pengaliran keluar wang negara yang begitu banyak sebab ini adalah satu kerugian besar kepada negara kita.

Ketiga, dengan perbuatan mereka, dengan menyakinkan diri mereka untuk bersama dengan usaha-usaha Kerajaan, dengan menanam modal ataupun dengan menggunakan modal mereka di negara kita ini dapat sedikit-sebanyak menolong memperkukuhkan nilai ringgit Kerajaan kita, nilai ringgit Malaysia. Ini juga akan memberikan pertolongan kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya timbulkan ialah keikhlasan yang sebenar-benarnya. Kalau kita ikhlas, kenapa kita tidak boleh berkorban? Soal sedikit-sebanyak perasaan tidak puas hati memang ada. Kepada siapa sahaja, kadang-kadang kepada kita sendiri pun kita berasa tidak puas hati. Tetapi apakah tidak boleh kita berkorban sedikit perasaan tidak puas hati

kepada mana-mana pihak, kalau kita jujur dan ikhlas ingin melihat keadaan secara umum di negara kita ini akan berkembang dengan baik.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan soal masalah bahan makanan yang masih diimport, dibawa masuk ataupun dibeli daripada negara-negara lain. Sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kita masih membeli bahan-bahan makanan yang banyak daripada negara-negara asing yang mana bahan-bahan itu boleh ditanam dan diusahakan di negara kita sendiri. Kita ketahui bahawa negara kita subur, cuaca baik. Kalau kita belajar ilmu alam, negara kita cuacanya panas sepanjang tahun, hujan sepanjang tahun, dan tanahnya subur. Ini boleh terbukti bahawa segala hasil makanan yang kita beli sebahagian besarnya adalah boleh ditanam di negara kita ini.

Masalah yang berbangkit ialah sama ada petani-petani ataupun belia-belie kita sanggup mengusahakan bidang pertanian. Dalam perkara ini adanya berbagai-bagai pendapat. Ada pendapat yang mana pemimpin-pemimpin kita mengatakan belia-belie ataupun siswazah-siswazah seharusnya kembali ke kampung untuk mengusahakan pertanian dan dengan ini dapat mengurangi pengangguran. Ada pula pendapat yang secara songsang didorong oleh perasaan, mengatakan itu satu pendapat yang bodoh atau pendapat yang tidak rasional.

Dalam perkara ini sebenarnya tidak timbul soal rasional atau tidak rasional, tetapi kenyataan yang ada di hadapan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal sama ada pengeluaran hasil-hasil pertanian kita dapat menandingi pengeluaran hasil-hasil pertanian lain yang dapat diterima oleh para pengguna. Maka di sini saya ingin mengatakan bahawa dalam soal ini pihak-pihak tertentu sama ada pihak

yang berada di dalam ataupun di luar ataupun Kementerian Pertanian seperti FAMA, MARDI, Jabatan Pertanian, Bank Pertanian, LPP dan mana-mana pihak lain yang terlibat harus memikirkan secara bersepadu bagaimana kita boleh menjamin bahawa hasil-hasil pertanian yang mungkin dikeluarkan oleh petani-petani kita adalah hasil yang bermutu dan boleh diterima oleh para pengguna supaya satu hari nanti kita boleh mengelakkan diri sendiri daripada mengimport ataupun membeli hasil-hasil pertanian daripada negara-negara luar ataupun negara-negara jiran.

Di dalam hal ini, saya ingin menyarankan bahawa satu usaha yang bersepadu perlu dibuat di antara pihak FAMA selaku yang menjalankan pemasaran, mengenal dan mengem-
cam maklumat-maklumat pemasaran, mencari luang-luang pasaran di samping memberi kursus-kursus tertentu dalam soal pemasaran.

Kedua, MARDI yang bertindak selaku penyelidik ke arah menyelidik, mengeluarkan hasil penyelidikan hasil-hasil yang baik untuk menjamin mutu yang baik di dalam hasil pertanian kita.

Ketiga, Jabatan Pertanian yang harus bertanggungjawab membuat pengembangan (extention) yang sempurna supaya matlamat tadi akan tercapai kepada kumpulan sasaran di mana kumpulan sasaran ini banyak dikawal ataupun lebih berwajib dikawal oleh Lembaga Pertubuhan Peladang yang mana mereka mengembelikan tenaga-tenaga petani di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan seterusnya tidak kurang penting adalah peranan daripada Bank Pertanian.

Dalam perkara ini, saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa petani-petani dan para belia-belia boleh digembel di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang

kerana mereka ini merupakan satu pertubuhan yang sudah cukup dari segi sistemnya untuk menjamin bahawa perkara ini boleh dilaksanakan. Mereka mengumpul kumpulan sasaran iaitu petani-petani sama ada petani tradisi, sama ada petani baru, petani moden yang berkelulusan, sama ada peringkat SPM, STPM, ataupun malahan kepada peringkat universiti supaya mereka ini ditumpukan dari segi bagaimana mereka ingin menjadi petani yang berjaya, bagaimana mereka boleh mencapai hasrat Kerajaan supaya satu hari nanti hasil pertanian tidak perlu lagi dibeli atau diimport daripada negara-negara lain, tetapi boleh dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Apabila menyentuh tentang perkara ini, saya masih ingin menyatakan bahawa setakat ini Lembaga Pertubuhan Peladang belum berjaya untuk mencapai matlamat tadi untuk mewujudkan satu kumpulan petani yang boleh mencapai hasrat kepada pengeluaran hasil pertanian yang baik dan juga bermutu. Maka melalui pendekatan bersama di antara Jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi secara satu-persatu barangkali dapat kita gembelikan dalam usaha kursus, misalnya FAMA akan memberi kursus bagaimana soal-soal pemasaran perlu ada dan dimiliki oleh para petani; bagaimana mereka harus bersikap selaku pemasar, selaku penjual, mereka barangkali boleh memulakan perkhidmatan selaku peserta-peserta pasar tani, kemudian mereka boleh meningkatkan diri kepada pemborong-pemborong dan akhirnya mereka akan menjadi pengeksport.

Dari segi penyelidikan, MARDI tentunya boleh menyelidik menghasilkan hasil-hasil yang baik dalam masa yang singkat misalnya ataupun menghasilkan hasil yang boleh tahan dari segi cuaca dan sebagainya dan dapat menandingi

hasil-hasil keluaran daripada negara lain. Seterusnya Jabatan Pertanian akan mengembangkan perkara ini kepada petani-petani yang berada di bawah kawalan LPP dan Bank Pertanian dengan yakin akan memberi pinjaman seboleh-bolehnya tanpa faedah sebagai bimbingan ke arah pencapaian matlamat tadi.

Setelah persediaan mampu dibuat oleh cara bersepadu tadi, saya yakin kerajaan akan bertindak kepada satu tahap kita menahan kemasukan hasil-hasil pertanian daripada negara-negara luar. Buat sementara ini barangkali kalau kita menahan kemasukan hasil-hasil daripada negara luar, ini akan menjejaskan para pengguna dan kedua, kalau kita mengatakan kita harus membeli hasil-hasil pertanian daripada negara sendiri yang ditanam oleh petani-petani tetapi pengguna-pengguna akan mempersoalkan bahawa hasil-hasil pertanian kita belum begitu bermutu dan kadang-kadang kosnya tinggi dan tidak menguntungkan, bahkan lebih baik, lebih menguntungkan kalau mereka membeli hasil-hasil pertanian yang diimport, kerana hasil pertanian itu lebih bermutu dan harganya lebih murah. Di dalam hal inilah saya ingin menimbulkan dalam soal hasil pertanian supaya kita mencari matlamat bersama untuk mewujudkan hasil pertanian yang bermutu dengan harga yang murah untuk memberi jaminan kepada pengguna bahawa hasil tanaman kita dapat menandingi hasil-hasil pertanian dari negara yang kita import atau yang kita bawa masuk.

Dalam soal ekonomi ini juga, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengambil kesempatan untuk menyentuh soal Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Saya kesal dan sedikit dukacita di atas pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang bercakap di dalam Parlimen ini, menegur, mengkritik dan menyelar tetapi beliau sendiri atau

wakil DAP sendiri setelah dijemput untuk bersama-sama di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara itu tidak pernah hadir dalam mesyuarat.

Ini lagi sekali hendak membuktikan bahawa DAP adalah sebuah parti yang tidak jujur dan ikhlas. Apa pun kita buat tidak pernah mereka ini menyambut dengan secara jujur dan ikhlas, selain daripada menghentam melulu tak tentu fasal sehingga kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang dibentuk sebegini rupa sejumlah 75-75 kuota bumiputera dan bukan bumiputera diberikan, begitu banyak kita berkorban dalam soal pengorbanan orang-orang Meiyau, walaupun peraturan orang Melayu ataupun bumiputera lebih besar tetapi kita memberi peruntukan 75-75 ataupun 50-50% di dalam soal ini. Tetapi masih ada suara-suara sumbang yang mengatakan Majlis ini tidak boleh memberi manfaat, mereka tidak hadir sendiri dan mereka mempersoalkan sehingga pemilihan Pengerusi itu dipersoalkan.

Kalau DAP jujur dan ikhlas, kenapa tidak hadir di dalam mesyuarat membuat perbincangan di dalam mesyuarat itu sudah ada 50% yang bukan Melayu atau bukan Bumiputera, tetapi memilih Pengerusinya Tan Sri Ghazali Shafie, apakah pilihan itu salah ataupun mereka ini salah sendiri. Inilah perangai-perangai ataupun perkara-perkara yang menyebabkan masalah selama ini yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin DAP yang sentiasa tidak jujur dalam percakapan mereka. Mereka hanya bercakap untuk melahirkan sesuatu keadaan yang tegang dan panas dan mereka mengharap ketegangan dan kepanasan ini membolehkan mereka mengambil kesempatan. Itu sahaja, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, wakil DAP tidak ada.

Mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara, saya mewakili Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia

ingin memperkukuhkan keputusan yang telah dibuat oleh Kongres Ekonomi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di mana kita mengatakan bahawa biar apapun dasar yang diputuskan selepas 1990 nanti, dasar itu harus meletakkan bahawa hak bumiputera adalah melebihi daripada hak yang ada sekarang. Kita tidak mahu mengatakan 30% ataupun beberapa peratus yang tertentu tetapi kita hendak mengatakan bahawa mengikut nisbah kaum

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim:
Bolehkah sekejap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada banyak lagi ucapan?

Tuan Hashim bin Safin: Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya baru sentuh sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boieh teruskan esok. Masa sudah cukup.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.